

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III

Bil.59

Hari Selasa

4 November 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998** (Ruangan )

USUL:

**Anggaran Pembangunan 1998** (Ruangan )

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat** (Ruangan )

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat** (Ruangan )

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N.,  
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin  
Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,  
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang  
Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin  
Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S.,  
D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M.  
(Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.  
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,  
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,  
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri  
Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K.  
(Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak  
(Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik,  
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.  
(Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar  
Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S.,  
K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,  
D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J.,  
A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 4 November 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan  
Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**LESEN TEKSI/KERETA SEWA - BILANGAN KEPADA  
INDIVIDU/KOPERASI**

**1. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan lesen teksi/lesen kereta sewa yang diluluskan pada tahun 1997. Juga nyatakan bilangan yang diluluskan kepada individu dan juga bilangan yang diluluskan kepada koperasi/syarikat.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1997 tidak ada permit teksi baru dikeluarkan kepada pengusaha baru melainkan kepada -

- (i) bekas pengusaha bas mini sebanyak 353 lesen; dan
- (ii) sebagai gantian lesen teksi mewah Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kepada syarikat-syarikat teksi yang sedia ada iaitu sebanyak 140 lesen kesemuanya.

Tawaran baru hanya diberikan kepada pengusaha cemerlang iaitu tambahan lesen teksi kepada 8 syarikat-syarikat teksi yang sedia ada dan bukan kepada pengusaha baru yang berjumlah 850 lesen kesemuanya. Pengusaha

cemerlang ialah mereka yang mengusahakan teksi mereka secara sendiri dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

Untuk kereta sewa pula, tiada permit baru dikeluarkan pada tahun ini melainkan sebanyak 76 lesen kereta sewa yang telah diluluskan di Pulau Langkawi pada tahun ini bagi menampung keperluan semasa terutama pada musim cuti dan perayaan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandu teksi adalah sebagai satu kerjaya dan juga sebagai satu usahawan. Kita dapati banyak lagi rungutan tentang masalah pemandu-pemandu teksi ini. Jadi, apakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat usahakan supaya kerjaya sebagai pemandu teksi ini dijadikan sebagai satu usahawan. Bila sebut satu usahawan, bererti mesti mempertingkatkan kualiti perkhidmatan untuk memberi nilai kepada pengguna. Setakat ini seolah-olah pengguna sangat memerlukan kepada perkhidmatan teksi. Sepatutnya pemandu teksi yang patut menunjukkan sikap bahawa ia memerlukan kepada penumpang. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kangar yang telah memberitahu kepada kementerian tentang rungutan-rungutan yang sedang dihadapi oleh penumpang-penumpang teksi masa kini. Memang di kementerian, kita masih lagi belum berpuas hati dengan tabiat dan kelakuan pemandu-pemandu teksi kita, sebab itulah pada setiap masa kita menjalankan penguatkuasaan di jalan raya. Sehingga kini kita telah membatalkan 138 permit teksi teksi kesemuanya. Di samping itu juga kita mengadakan kursus, kita

memastikan mereka memakai uniform. Kalau dahulunya mereka tidak memakai pakaian seragam, sekarang mereka memakai pakaian seragam. Kita adakan piagam pemandu dan sebagainya untuk memastikan mereka dari setiap masa akan bertambah baik kelakuan mereka. Dan kementerian akan sentiasa cuba mempertingkatkan kelakuan mereka dari masa ke semasa dan kita harap akan mendapat feedback daripada semua Yang Berhormat tentang kelakuan mereka dari masa ke semasa untuk memperbaiki mutu perkhidmatan mereka.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita diberitahu sebanyak 353 lesen untuk kereta sewa diberikan kepada bekas pemilik bas mini. Saya ingin tahu berapakah jumlah sebenarnya permit bas mini yang telah dibatalkan ataupun ditamatkan perkhidmatannya, kerana kita mendapat rungutan bahawa terdapat lagi pemilik permit bas mini yang masih tidak diberikan hak ataupun peluang bagi memiliki lesen kereta sewa walaupun permit bas mini mereka telah ditamatkan.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya adakah amalan dan prosedur untuk pindah milik permit ini masih dikuatkuasakan? Terima kasih.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengusaha-pengusaha bas mini, pada awal tahun ini kita telah menamatkan 424 bas mini daripada jalan raya dan kita masih ada lagi hampir 400 bas mini yang masih beroperasi yang mana perkhidmatan mereka akan tamat pada 28 Februari 1998.

Permit teksi hanya diberi kepada pengusaha-pengusaha bas mini yang tulen sahaja, yang mana saya katakan tadi yang mengusahakan bas mini mereka secara bersendirian dan tidak dipajak kepada orang lain dan ianya tidak

ditawarkan kepada semua pengusaha bas mini. Permit ini hanya diberikan kepada pengusaha bas mini tulen sahaja dan masa kini masih ada lagi 400 bas mini yang sedang beroperasi sehingga 28 Februari tahun depan.

## **RANCANGAN DRAMA DI TV - MENGGAMBARKAN PELBAGAI BANGSA DAN BUDAYA**

**2. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapakah siaran-siaran televisyen terutama rancangan drama atau rancangan lain tidak menggambarkan corak atau kebudayaan bangsa Malaysia. Contohnya apabila ditayang-kan drama Melayu tidak ada bangsa lain yang terlibat atau apabila ditayangkan drama Cina tidak ada kaum lain yang terlibat, seolah-olah apa yang berlaku itu bukanlah satu senario Malaysia di mana penduduknya berbilang kaum; dan
- (b) apakah tindakan kementeriannya supaya keadaan ini berubah dan dapat memberi gambaran Malaysia sebenar agar rakyat-nya dapat ditanamkan semangat kekitaan di antara mereka.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin**

**Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rancangan-rancangan televisyen sebenarnya telah mula menggambarkan corak atau kebudayaan bangsa Malaysia melalui rancangan-rancangan berbentuk drama dan sebagainya. Usaha penerbitan drama seperti ini memang digalakkan dan akan terus dipertingkatkan pada masa yang akan datang.
- (b) Peningkatan semangat kekitaan di kalangan rakyat di negara ini merupakan tanggungjawab semua pihak, namun

siaran televisyen dan radio tidak ketinggalan untuk terus memainkan peranan ke arah itu melalui rancangan-rancangan yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum mengikut kesesuaiannya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengan sedih juga bersetuju dengan persoalan ini, memang tidak menggambarkan perwatakan dan sebagainya, orang Malaysia dalam drama dan wayang gambar Malaysia. Satu lagi tidak ada hala yang tertentu kita tunjukkan dalam wayang gambar kita dan juga drama-drama yang dibuat ditayangkan di kaca TV dan di layar perak. Soalan saya, sejauh manakah pihak kementerian memberi kebebasan kepada penulis skrip, pengarah filem dan sebagainya untuk mengadakan ataupun menyelenggarakan usaha-usaha mereka dalam pengeluaran filem dan sebagainya. Se jauh manakah dari segi dialog dan aliran ceritanya ada bimbingan daripada pihak kementerian supaya menjadi satu budaya ataupun menunjukkan satu budaya ataupun tujuan sosial yang tertentu. Terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, selama hari ini memang terdapat kebebasan kepada penulis skrip sama ada drama ataupun filem. Namun demikian, di kementerian kita ada satu unit yang membuat penilaian sama ada ia sesuai atau tidak untuk ditayangkan skrip-skrip tersebut sebelum ia menjadi satu finished product, dengan izin. Kementerian juga memberi bimbingan kepada penulis-penulis skrip dan pihak production house untuk membantu mereka agar dapat membantu meningkatkan pembentukan

masyarakat Malaysia menerusi penerbitan drama atau filem sama ada di televisyen ataupun di panggung-panggung wayang.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada bahasa Cina, bahasa Inggeris, bahasa Melayu yang ditayangkan di televisyen, sama ada kerajaan menggalakkan bahasa-bahasa suku kaum lain yang ditayangkan di televisyen seperti bahasa Iban, bahasa Bidayuh dan bahasa-bahasa tempatan?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat teliti memang terdapat drama-drama yang diterbitkan daripada Sarawak dan Sabah yang mengandungi bahasa suku kaum yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

### **KLINIK/HOSPITAL DI KAWASAN PERLADANGAN - KEMUDAHAN KESIHATAN**

**3. Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan baru-baru ini kerajaan telah meletakkan penyeliaan klinik dan hospital kumpulan di ladang-ladang di bawah Kementerian Kesihatan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk menambahkan kemudahan kesihatan di klinik dan hospital berkenaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelia klinik dan hospital kumpulan di ladang-ladang, Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) mengadakan satu garis panduan standard minimum bagi klinik kesihatan ladang supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang merangkumi segala aspek;

- (b) membantu pihak pengurusan ladang dalam menjalankan hospital ladang yang diubahsuai kepada klinik-klinik kesihatan ladang yang mempunyai 8 katil untuk tempoh satu tahun di mana kos pembangunan termasuk pengubahsuaian bangunan, wad dan penyediaan peralatan asas adalah ditanggung oleh kerajaan, manakala kos operasi dan penyelenggaraan ditanggung oleh pihak pengurusan ladang;
- (c) membantu penyediaan ubat-ubatan dan bahan guna habis untuk klinik kesihatan ladang yang diubahsuai daripada hospital ladang;
- (d) bantuan penyediaan beberapa peralatan khas untuk klinik-klinik ladang sepenuh masa;
- (e) menaikkan taraf Pembantu Hospital Ladang dengan mengadakan kursus-kursus ulang kaji, seminar dan sebagainya serta memberi tempat untuk calon yang layak daripada sektor ladang untuk mengikuti kursus Pembantu Hospital sepenuh masa di Kolej Pembantu Perubatan.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Selain daripada kementerian mengambil alih syarikat hospital kumpulan bagi berurusan di ladang-ladang, adakah kerajaan berhasrat untuk mengambil alih lembaga kesihatan pada peringkat negeri di mana lembaga kesihatan ini ditaja

ataupun dikelolakan oleh kerajaan negeri yang berfungsi juga untuk melihat keadaan kesihatan di ladang-ladang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengambil alih.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sama ada benar bahawa kadar kematian ibu dan bayi (mother mortality rate and infant mortality rate) di kawasan perladangan dan kampung adalah tinggi. Jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan kadar ini? Dan adakah kadar ini tinggi kerana program pendidikan kesihatan di kawasan perladangan dan kampung begitu lemah?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tidak benar kerana dasar Kementerian Kesihatan adalah menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang menyeluruh dengan perancangan yang berpandukan norma-norma kependudukan dan oleh kerana Kementerian Kesihatan mempunyai cukup kemudahan yang meliputi perkhidmatan dan keperluan, termasuk di luar-luar bandar.

#### **PERSATUAN ULAMA - PEMBUBARAN**

4. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah maksud dan matlamat cadangan YAB Perdana Menteri serius untuk membubarkan persatuan ulama dan apakah kriteria yang diguna pakai dalam membuat keputusan berkenaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri tidak pernah mengeluarkan kenyataan untuk membubarkan persatuan ulama. Persatuan ulama telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan pada tahun 1973. Pembubarannya boleh dibuat atas kehendak persatuan itu sendiri atau atas sebab-sebab yang melanggar Akta Pertubuhan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini tidak benar sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi, adakah pihak Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen boleh menganggap bahawa ini adalah fitnah politik yang boleh menjejaskan kestabilan negara dan boleh diambil tindakan di bawah ISA kerana ini lebih kepada kepentingan politik daripada kepentingan negara.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kadangkala pemimpin dan persatuan ulama ini terkeluar daripada objektif pertubuhan ini diadakan, kadangkala ada di antara pemimpinnya membuat kenyataan yang cukup menyinggung perasaan kerajaan. Jadi, itulah sebab terpaksa pihak pemimpin kerajaan juga menegur mereka. Itu memang perkara biasalah.

Sepatutnya persatuan ulama ini menjalankan tugas-tugas mereka yang sebenarnya, tetapi ada di antara pemimpin mereka itu kadangkala agak menyokong sebelah pihak yang lain dan kadangkala cara ini jelas kita lihat. Dengan sebab itulah kita terpaksa menegur mereka supaya mereka itu menjalankan tugas dengan sebenarnya untuk memajukan pertubuhan mereka dan juga untuk bersama-sama membangunkan negara ini. Setakat ini kita tidak kedapatan kesilapan itu terlalu serius, tetapi pihak kerajaan bagi mana-mana

pertubuhan sekalipun kalau didapati mereka terlalu serius untuk merosakkan perpaduan negara, tidak ada pilihan, kita akan mengambil tindakan tertentu mengikut perkara-perkara yang ditetapkan oleh kerajaan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ternyata bahawa pernyataan yang dibuat oleh penanya soalan ini adalah tidak benar, satu kepalsuan, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah membuat kenyataan sedemikian. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kenyataan ini seolah-olah nampaknya cuba untuk melaga-lagakan golongan umarak dengan golongan ulama, yang akhirnya akan membawa suatu percetusan perselisihan faham yang akan mengeruhkan lagi suasana khususnya dalam syiar perkembangan Islam di negara ini.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap pun demikian rupa juga soalan yang dikemukakan. Tetapi apa yang kerajaan buat sekarang, pihak Perdana Menteri sendiri telah berjumpa dengan mufti-mufti. Ini adalah satu perkara yang amat baik sebab kita ada pakatan di antara umarak dan ulama. Sepatutnya pihak pertubuhan ini menyokong perkara ini dan memberikan pandangan-pandangan yang lebih baik kepada kerajaan supaya kita lebih bekerjasama di antara umarak dengan ulama.

Di zaman sekarang memang payah kedapatan semua orang tahu dalam semua bidang, sebab itulah memang dari dahulu semasa khalifah yang empat sekalipun, masalah-masalah penting dalam agama mereka selalu bertanya kepada sahabat-sahabat yang faham dalam agama, mereka hanya memerintah kerajaan pada ketika itu, mana yang mereka kurang pasti, mereka mesti

mendapat tahu daripada orang yang lebih pakar daripada mereka. Ini yang kita hendak buat supaya kita ada kerjasama di antara ulama dan juga umarak. Tetapi kalau ada pertubuhan yang memanggil mereka sebagai pertubuhan ulama yang bersikap keluar daripada itu, memang tidak menepatilah hajat yang sebenarnya. Sepatutnya mereka menjalankan tugas sebagai pertubuhan ulama yang ada di Malaysia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said.

*[Soalan No. 5- Y.B. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] tidak hadir]*

**RUMAH PANJANG KOS RENDAH DAN SEDERHANA  
DI SARAWAK - PEMBINAAN**

**6. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk membina rumah panjang kos rendah dan sederhana kepada penduduk luar bandar di Sarawak, kerana saya difahamkan mereka hanya dapat memohon pinjaman sebanyak RM5,000 sahaja di mana kemudahan peruntukan ini memang tidak cukup; dan
- (b) berapakah harga rumah yang dikatakan kos rendah dan sederhana di Sarawak dalam bandar-bandar seperti berikut:
  - (i) Kuching
  - (ii) Sri Aman
  - (iii) Sarikei
  - (iv) Sibul
  - (v) Bintulu
  - (vi) Miri
  - (vii) Kapit
  - (viii) dan sebagainya

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian:

- (a) Pada masa sekarang Kerajaan Persekutuan belum menerima permintaan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina rumah panjang kos rendah dan sederhana.
- (b) Harga rumah kos rendah yang ditetapkan oleh kerajaan di seluruh negara ialah RM25,000. Khas bagi Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak menganggap harga rumah kos rendah adalah RM32,000 ke bawah. Kerajaan tidak mengawal harga rumah kos sederhana tetapi di Sarawak, kerajaan negeri menganggap harga rumah kos sederhana ialah dalam lingkungan RM70,000 sehingga RM100,000.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu apakah polisi kerajaan atau jenis-jenis bantuan berkenaan dengan penduduk-penduduk rumah panjang yang belum ada lagi rumah atau rumah mereka yang sudah daif ataupun usang.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek yang dikendalikan oleh pihak Suruhanjaya Perumahan Sarawak, jenis bantuan yang boleh dinikmati oleh pihak penduduk di luar bandar ialah melalui skim-skim perumahan pertapakan dan kemudahan (site and services scheme) di mana pihak kerajaan menyediakan tapak tanah untuk diminta oleh penduduk-penduduk di luar bandar supaya mereka boleh mengadakan tapak untuk mendirikan rumah sendiri.

Selain daripada itu, khas bagi penduduk-penduduk di rumah panjang di Sarawak, pihak kerajaan negeri telah bersetuju mengagihkan pinjaman untuk

setiap keluarga dengan maksudnya menolong mereka untuk memperbaiki rumah sendiri, amaunnya tidak melebihi RM5,000 sekeluarga. Itu sahaja jenis-jenis bantuan yang diberi khas oleh kerajaan negeri kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Persekutuan ini keberatan betul untuk masuk dan memberi perkhidmatan dan perumahan di negeri Sarawak. Jadi, saya ingin tahu apakah sebab-sebab atau apakah perancangan masa depan supaya kita merasai pertolongan dari pihak kementerian di Persekutuan ini.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya memberi skim pinjaman kepada penduduk-penduduk di negeri masing-masing, seperti di lain-lain negeri juga. Ini bermakna kita sediakan kewangan kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri perlulah menyediakan tapak tanah untuk mendirikan rumah kos rendah di negeri masing-masing. Oleh sebab itu, maka di negeri Sarawak kita juga memberikan layanan yang sama di mana Kerajaan Persekutuan sediakan kewangan bagi negeri Sarawak. Apabila pihak negeri melalui Suruhanjaya Perumahan mengemukakan sesuatu skim perumahan kos rendah, daripada permohonan itu kita akan menganggarkan satu jumlah kewangan untuk dibahagikan kepada negeri tersebut melalui pinjaman dan bukan geran. Kita hendak jelaskan di sini- tidak ada negeri yang diberi geran untuk rumah kos

rendah, mereka diberi pinjaman dan pinjaman itu perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan dalam satu tempoh yang dijanjikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] tidak hadir]*

**AGENSI MENDAFTAR PEKERJAAN BAGI GOLONGAN CACAT -  
MENUBUHKAN**

**8. Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu agensi pusat bagi membantu masyarakat golongan cacat mendaftar dan seterusnya mencarikan pekerjaan yang bersesuaian dengan kebolehan dan keadaan fizikal mereka. Jika ya, bila akan dilaksanakan dan jika tidak, mengapa pusat seperti ini tidak diwujudkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Sri Gading, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak bercadang untuk menubuhkan satu agensi pusat khas bagi mendaftar dan mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan keadaan fizikal orang cacat atau Orang Kurang Upaya (OKU). Kementerian berpendapat sistem pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan mendapatkan pekerjaan oleh Jawatankuasa Penggalakan Pekerjaan bagi Orang Cacat yang ditubuhkan oleh Jabatan Buruh sekarang ini masih lagi berkesan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Speaker, saya hendak tahu mengenai golongan orang cacat ini, kita kerap kali baca surat khabar dan saya sendiri ketahui bahawa ramai orang dalam golongan cacat ini mengiklankan diri

mereka dalam surat khabar mengatakan mereka memerlukan bantuan untuk membeli anggota-anggota tiruan, macam tangan dan kaki. Kenapa ini terjadi walhal kementerian ini dapat mengambil tindakan dan menolong mereka. Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak orang cacat anggota, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, memang kerajaan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memberi bantuan kepada orang yang sedemikian sekiranya perlu. Selain dari itu, NGO iaitu badan bukan kerajaan pun banyak memberi bantuan kepada orang yang cacat anggota. Jadi oleh kerana itu, apa yang ada di dalam surat khabar itu ialah kerana barang yang diberi kepada orang yang cacat anggota ini memang banyak macam dan banyak bentuk, oleh kerana itu mungkin mereka belum puas hati. Sekiranya ada terdapat orang yang macam ini, bolehlah berjumpa dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kanak-kanak cacat ataupun kanak-kanak istimewa sekiranya mereka ini dibentuk dan diberikan latihan yang sepatutnya akan menjadi seorang kanak-kanak masyarakat yang serba boleh ataupun boleh diterima oleh pihak-pihak yang memerlukan tenaga-tenaga pekerja. Jadi, saya ingin tahu adakah kementerian mengambil kira penubuhan Pusat Dalam Komuniti (PDK) adalah sebagai satu perkara yang perlu dilaksanakan di seluruh negara kerana kanak-kanak istimewa ini termasuk yang cacat akal akan boleh diberikan bimbingan

ataupun tunjuk ajar. Di samping itu, saya ingin tahu berapakah jumlah PDK yang telah ditubuhkan di seluruh negara.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang cacat ini bukan hanya kanak-kanak yang masih muda tetapi ada yang sudah meningkat umur sedikit, belasan tahun ataupun berpuluh tahun, kementerian memang ada sebab tiap-tiap orang cacat ini memang ada rumah ditempatkan supaya mereka dapat dilatih. Jadi diambil perbandingan, iaitu apa yang telah diadakan oleh kementerian dan Kementerian Sumber Manusia, sehingga kini seramai 66,859 orang kurang upaya telah didaftarkan, sementara itu seramai 2,964 orang pula telah dapat dibantu dan ditempatkan di pelbagai pekerjaan di sektor swasta dan seramai 538 orang di sektor awam. Ertinya, semua orang cacat yang telah mendaftarkan diri yang difikir patut dibantu, memang dibantu. Jadi oleh kerana itu, agensi khas yang dicadangkan itu pada masa ini belum difikirkan perlu.

#### **INDAH WATER KONSORTIUM (IWK) - JUMLAH PERBELANJAAN BAGI SISTEM PEMBETUNGAN NAJIS**

**9. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah perbelanjaan capital yang dibelanjakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) untuk tujuan mempertingkatkan kemudahan sistem pembetungan najis sejak perkhidmatan ini diswastakan kepada IWK. Sila beri butiran mengikut negeri; dan
- (b) apakah taraf pembinaan “central sewage treatment plant” untuk Bandaraya Georgetown dan bilakah loji ini dijangka siap.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerja-kerja capital yang dibelanjakan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. untuk mempertingkatkan kemudahan sistem pemetungan najis sejak perkhidmatan ini diswastakan di seluruh negara adalah dianggarkan RM278.6 juta.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembinaan ‘central sewage treatment plant’ yang dimaksudkan dalam soalan itu untuk Bandaraya Georgetown boleh dibahagikan kepada beberapa projek, antaranya, projek kerja-kerja capital adalah melibatkan pembinaan stesen pump berdekatan Penang Free School serta force main dan new out fold di kawasan Jelutong. Penilaian tender sedang dibuat oleh Indah Water Konsortium dan projek dijangka bermula pada akhir tahun ini dan pembinaannya mengambil masa lebih kurang 12 hingga 15 bulan. Walau bagaimanapun, pembinaan central sewage treatment plant di Jelutong yang juga sebahagian dari kerja-kerja capital, ianya masih di peringkat kajian kejuruteraan dan pembinaannya dijangka bermula apabila proses pengambilan tanah di kawasan tersebut selesai.

Mengenai maklumat atau butir-butir tentang kerja-kerja capital mengikut negeri, Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai di sini tetapi agak panjang juga kalau saya hendak

bacakan. Saya minta izin senarai ini akan diberikan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya pembinaan satu central sewage plant untuk Georgetown begitu lewat. Untuk seluruh Bandaraya Georgetown tiada satu sewage treatment plant dan semua najis disalur ke dalam laut. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian supaya pembinaan ini diberi keutamaan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tentang apa sebabnya lewat, tetapi seperti yang saya jelaskan tadi dalam jawapan saya, projek ini sekarang di dalam peringkat akhir tender dan akan dimulakan pada akhir tahun ini. Saya rasa dengan adanya projek besar seperti itu, masalah yang dihadapi di Bandaraya Georgetown ini akan diatasi sebaik sahaja projek itu siap. Itu jawapan saya

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, pemilik IWK telah diubahkan beberapa kali, apakah sebabnya dan buat masa kini siapa pemilik IWK?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahulah buat masa sekarang IWK dimiliki oleh sebuah syarikat yang disenaraikan di Papan Pertama Bursa Saham Kuala Lumpur iaitu Idris Hydraulic. Buat masa sekarang dari segi pelaksanaan projek-projeknya, memang pihak IWK sudah mengambil tindakan seberapa yang mereka mampu untuk melaksanakan tugas mereka. Dari segi perkhidmatannya, kita sudah menghubungi pihak IWK

supaya mempertingkatkan lagi usaha-usaha perkhidmatannya. Buat masa sekarang, kecuali dengan kos atau yuran atau caj yang mereka tetapkan kepada pihak customers jenis komersial, saya rasa kita tidak ada apa-apa aduan yang amat ketara terhadap mereka.

Dengan itu saya rasa kita sudah dalam satu peringkat di mana pihak IWK boleh mengendalikan kerja-kerja mereka dengan sistem yang licin, yang agak boleh menyelesaikan masalah yang kita hadapi pada mula-mula projek penswastan ini di mana ada banyak aduan yang kita terima tentang servis dan juga cajnya. Tetapi buat masa sekarang saya rasa semua aduan ini sudah dikurangkan dan kita hanya hendak selesaikan masalah tentang caj kepada pihak komersial.

### **BACAAN JAWI DI KALANGAN KANAK-KANAK SEKOLAH - MEMPERTINGKATKAN**

**10. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan jangka panjang kementerian dalam mempertingkatkan kebolehan membaca jawi khususnya di kalangan kanak-kanak sekolah kerana laporan Kajian Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 1996 menunjukkan kadar kebolehan membaca jawi bagi kanak-kanak berusia 5 hingga 9 tahun cuma 3%. Perkara ini perlu diberi perhatian serius memandangkan kitab suci Al-Quran menggunakan ejaan jawi.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan kebolehan membaca jawi di kalangan pelajar sekolah, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah berikut:

- (i) menyediakan huraian sukatan pelajaran jawi yang diajar oleh guru-guru bahasa Melayu serta bahan-bahan bacaan yang bermutu tinggi;
- (ii) memperbanyakkan bahan-bahan bacaan jawi dalam pasaran dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi-agensi swasta;
- (iii) memberi pendedahan kepada guru-guru dengan kaedah pengajaran di samping membekalkan buku-buku bantuan untuk latihan dan yang berterusan; dan
- (iv) mengadakan kursus perisian komputer tentang pengetahuan pelajaran jawi yang diiktiraf.

Dengan tindakan-tindakan tersebut diharapkan kemahiran dan kebolehan membaca jawi di kalangan pelajar boleh dipertingkatkan.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kadar kebolehan membaca jawi bagi kanak-kanak yang berusia 5 hingga 9 tahun ini cuma 3% sahaja, maka sudah tentu apabila kanak-kanak ini tidak dapat menguasai tulisan jawi, pelajar agama mereka juga akan merosot. Jadi adakah kementerian sedar bahawa dengan cara yang sedemikian murid-murid yang sama akan gagal di dalam subjek tulisan jawi ini dan juga akan gagal di dalam mata pelajaran agama kerana dia selari. Jadi adakah kementerian mempunyai cadangan untuk memisahkan antara subjek tulisan jawi dengan subjek agama yang mana satu ketika dahulu mata pelajaran agama ini menggunakan bahasa rumi.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kementerian Pendidikan lebih kurang 60% pelajar-pelajar di sekolah rendah boleh membaca jawi, cuma taraf kemahiran mereka yang berbeza-beza. Kementerian Pendidikan ada rancangan supaya menjelang tahun 2000 kita boleh atasi masalah tersebut, iaitu kita boleh mengatasi masalah literasi dalam bahasa jawi. Guru-guru di maktab perguruan juga didedahkan mengajar jawi supaya mereka dapat mengajar dengan lebih berkesan. Kita harap dengan adanya lebih guru-guru yang mempunyai kebolehan mengajar dalam mata pelajaran ini, kita akan mengatasi masalah yang disebutkan. Cadangan Ahli Yang Berhormat adalah wajar dan baik dan Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, bahasa jawi ini macam bahasa Inggeris juga, tidak ada orang hendak belajar. Masa saya dahulu jawi ini diajar daripada peringkat Darjah Satu sampai peringkat Darjah Empat kita belajar jawi, jadi bacaan jawi itu menarik dan ceritanya memang diminati ramai, macam bacaan cerita Canai dahulu memang menarik minat. Pada masa sekarang ada juga mengatakan walaupun budak-budak itu pandai membaca jawi, tetapi cerita-cerita dalam buku-buku jawi yang diberi kepada sekolah itu tidak menarik dan tidak diminati ramai, jadi dengan sendirinya bahasa jawi itu tidak ditumpukan perhatian.

Soalan saya ialah adakah kementerian bercadang supaya budak-budak ini diberi minat daripada awal lagi, daripada peringkat kindergarten dan sampai peringkat Darjah Satu dan seterusnya diberi bahan-bahan cerita yang menarik.

Pada masa sekarang mungkin cerita Transformer, Civvy Rider dan sebagainya dalam cerita jawi, mungkin ini akan menarik budak-budak yang telah pandai membaca dan seterusnya akan membaca jawi.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itu juga harapan Kementerian Pendidikan kerana kita berhasrat untuk memperbanyakkan bahan bacaan jawi dalam pasaran dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga agensi-agensi swasta. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan akan terus memberi galakan dan ganjaran, di mana boleh, supaya lebih ramai lagi penulis boleh tulis buku-buku yang lebih menarik dalam bahasa jawi.

#### **LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - LANGKAH MENGURANGKAN KEMALANGAN**

**11. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah yang dilakukan oleh kementeriannya untuk mengurangkan kemalangan di Lebuhraya Utara-Selatan; dan
- (b) apakah kemudahan tambahan yang dibinakan oleh PLUS di semua stesen berehat dan secara dasar, pihak yang manakah yang bertanggungjawab untuk melebarkan jalan keluar/masuk ke lebuhraya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan lebuhraya di negara ini adalah berasaskan piawaian dan ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak boleh memberi jaminan kemalangan tidak akan berlaku. Apa yang boleh diusahakan oleh

kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan adalah menerusi beberapa tindakan bersepadu yang telah dan akan dilaksanakan dengan kementerian, agensi dan syarikat konsesi yang terlibat khususnya dari aspek pengurusan trafik di lebuhraya. Antara tindakan-tindakan tersebut termasuklah:

(i) memperketatkan peraturan-peraturan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan mengawal pergerakan kenderaan di lebuhraya. Ini melibatkan penguatkuasaan undang-undang seperti berikut:

- kesalahan berhenti di lorong kecemasan dengan sengaja;
- kenderaan-kenderaan berat dilarang memotong di lorong mendaki;
- melarang membawa muatan berlebihan; dan
- melarang memandu melebihi daripada had laju yang ditetapkan.

(ii) menjalankan kempen-kempen secara menyeluruh (comprehensive) melalui ceramah-ceramah di media massa dan cetak berhubung dengan keselamatan di lebuhraya. Aspek-aspek yang diberi penekanan meliputi perlunya merancang perjalanan lebih awal terutama bagi perjalanan jauh, menyelenggara kenderaan supaya sentiasa dalam

keadaan baik dan mendapatkan rehat secukupnya, tidak memandu dalam keadaan mabuk dan keletihan.

- (iii) membaikpulih/menyelenggara dengan segera bahagian-bahagian lebuhraya yang dikenal pasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan;
- (iv) mempertingkatkan tanda keselamatan di lebuhraya bagi Lebuhraya Utara-Selatan. Kerajaan telah meminta pihak PLUS Berhad supaya memperbaiki mutu papan tanda yang dibina supaya ianya lebih jelas dan mudah difahami dan memasang 'cat-eye' di bahagian-bahagian tertentu lebuhraya dan PLUS Berhad dari masa ke semasa diminta menjalankan siasatan dan mencari kaedah berkesan untuk memperbaiki keadaan fizikal bahagian-bahagian tertentu lebuhraya yang boleh menjadi punca kemalangan seperti takungan air di atas permukaan lebuhraya; dan
- (v) melalui kerja-kerja tambahan (di luar skop kerja asal) kerajaan telah mengarahkan PLUS Berhad untuk membina jejantas pejalan kaki, mengadakan lorong khas mendaki bagi kenderaan berat di kawasan-kawasan berbukit dan cadangan untuk memasang lampu-lampu jalan di bahagian-bahagian tertentu lebuhraya terutama di kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan sekali lagi di sini bahawa walau apa pun tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengurangkan kemalangan di lebuhraya, ianya tidak akan berkesan sekiranya pengguna sendiri tidak mempunyai kesedaran tentang perlunya menjaga keselamatan diri sendiri semasa menggunakan lebuhraya.

- (b) Saya ingin menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab syarikat konsesi PLUS Berhad untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan membina kemudahan di kawasan Rehat & Rawat Lebuhraya Utara-Selatan. Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan di kawasan Rehat & Rawat ini, PLUS akan mengambil kira semua teguran daripada pengguna-pengguna lebuhraya. Antara kerja-kerja tambahan yang telah dilaksanakan di kawasan Rehat & Rawat ini ialah kerja-kerja penambahan tandas dan tempat mandi, pembesaran tempat letak kereta, menyediakan kawasan permainan kanak-kanak dan menyediakan tempat khusus menyimpan sumbangan orang ramai kepada surau.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerja-kerja melebarkan jalan keluar/masuk ke lebuhraya, ianya adalah di bawah tanggungjawab kerajaan dan pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri mengapa bahagian lebuh raya yang rosak dekat dengan Gua Tempurong sampai sekarang belum diperbaiki sehinggakan pengguna-pengguna jalan terpaksa gunakan lencongan yang bahaya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah satu kawasan yang bahaya. Oleh kerana itu, kita mengambil masa yang lebih untuk mengkaji kawasan sama ada kita mahu menukar aliran baru atau tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak telah diberi kepada sebuah syarikat untuk memulakan kerja, semalam pun saya nampak kerja sudah bermula sekarang. Saya percaya tidak lama lagi ini akan dapat diselesaikan. *[Tepuk]*

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri khususnya kepada PLUS yang telah mengambil daya inisiatif yang baik untuk meningkatkan keceriaan di kawasan R&R. Memang sejak dahulu kita lihat kemudahan itu bertambah tahun demi tahun. Tetapi apa yang mungkin tidak berubah ialah soal lalat. Saya perhatikan hampir kesemua kawasan Rehat & Rawat ini sama ada daripada kawasan Kuala Lumpur ke Utara, sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah kanan, hampir kesemua kawasan ini banyak terdapat lalat. Jadi masalah ini sudah lama dan sampai sekarang pun belum lagi diatasi. Apakah yang boleh dibuat oleh kementerian untuk mengarahkan PLUS supaya mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang boleh diusahakan oleh PLUS ialah membersihkan kawasan itu beberapa kali yang boleh. Tetapi untuk menjaga kebersihan kawasan itu terletak dalam tangan pengguna-pengguna jalan raya. Saya sendiri melihat banyak orang, ada juga papan tanda menunjukkan Jangan Buang Rokok di dalam tandas atau urinal, dia tidak peduli, dia taruh sahaja. Ini fikiran rakyat Malaysia tidak boleh dapat ditukarkan lagi satu zaman. *[Disorak]* Ini susah mahu tukar. Jikalau ada seorang jaga, duduk di luar dengan rotan besar pukul dia bila dia buat salah, semua sudah bersih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Ya, Pokok Sena. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebab Menteri kena beri tiga soalan, kalau Perdana Menteri lima soalan.

Tadi saya nampak Menteri Kerja Raya jawab semua menyalahkan pengguna sahaja, cuma sedikit-sedikitlah, baiki jalan, takungan air, sebab saya accident, kalau tidak, tidak tambun lagi, *[Ketawa]* tetapi dia banyak menyebelahi pihak PLUS. Bagaimana tentang lembu lintas di Ipoh, sampai ada kematian, tuntutan dapat RM120,000. Saya tidak tuntutan lagi, kalau saya tuntutan sekurang-kurangnya RM2 juta. *[Ketawa]*

Bagaimana tentang jualan di lebuhraya, orang berhenti dan beli durian, itu sangat merbahaya. Saya tengok besar papan tanda 'Denda RM5,000' atau

RM2,000 kalau berhenti, tetapi ada orang berhenti dan ada orang jual. Jadi, bagaimana tentang ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tugas saya bukanlah membela PLUS. Jikalau saya jadi Ahli Yang Berhormat, saya pun boleh berucap dengan emosi dan selepas itu saya boleh dapat lebih publisiti, tetapi hari ini saya duduk di tempat di mana saya menjaga kepentingan negara ini sebagai Menteri. Oleh kerana itu, saya hendak jaga kedua-dua pihak, bukan satu pihak sahaja.

Seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bukanlah lembu masuk dalam jalan raya, orang potong pagar, lembu bukan ada plier dan alat-alat untuk memotong. *[Ketawa]* Ini orang buat macam itu, macam mana kita hendak jaga orang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penjualan durian di antara Jambatan Sultan Azlan Shah dengan Changkat Jering, ini adalah satu kumpulan besar mencari rezeki sedikit, jadi PLUS tidak boleh halau mereka. Oleh kerana itu, kita sedang dalam proses untuk membina satu lorong khas di mana mereka juga boleh menjual durian. Ini pun kita kena jaga. Sebagai Ahli Yang Berhormat mesti kena jaga masa depan pengundi-pengundi kita, bukan? *[Tepuk]* Kita tidak boleh halau mereka. Kadangkala kita halau mereka, dia datang dengan parang panjang, lebih susah. Jadi, semuanya kita kena jagalah. Saya minta maaf Ahli Yang Berhormat, itu durian punya hal boleh selesailah sikit hari. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**PEKERJA KILANG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA -  
PERLINDUNGAN POLISI KESELAMATAN**

**12. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa banyak kilang industri kecil dan sederhana yang masih tidak mempunyai polisi keselamatan untuk pekerja-pekerja mereka.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, setakat September 1997 sebanyak 10,957 atau 75% daripada sejumlah 14,654 kilang industri kecil dan sederhana di negara ini masih belum mempunyai polisi keselamatan untuk pekerja-pekerjanya. Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tentang kadar yang tinggi itu mendapati sebab-sebab utama kilang-kilang tersebut belum mempunyai polisi keselamatan ialah:

- (i) kurangnya kesedaran mengenai kepentingan keselamatan semasa bekerja di kalangan majikan;
- (ii) majikan kurang memahami undang-undang mengenai polisi keselamatan; dan
- (iii) komitmen terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan majikan kurang menggalakkan.

Sehubungan itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan akan mempertingkatkan langkah-langkah untuk memastikan kesemua kilang

berkenaan mempunyai polisi keselamatan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) mengeluarkan garis panduan berkenaan pelaksanaan polisi keselamatan di tempat kerja; dan
- (ii) menjalankan program-program galakan dan publisi seperti kursus, ceramah, kempen, dialog dan khidmat nasihat kepada pihak industri IKS.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini berapa banyakkah kemalangan yang telah berlaku di dalam kilang-kilang atau industri kecil dan sederhana? Walaupun mereka ini kadang-kadang wujud di dalam kawasan-kawasan yang bukan dizonkan sebagai kawasan perindustrian. Adakah kerajaan tidak akan memaksa mereka atau mengadakan peraturan khas supaya mereka ini mesti mengadakan polisi perlindungan keselamatan kepada setiap pekerja, kerana seperti yang kita sedia maklum kadang-kadang IKS ini wujud dalam kawasan-kawasan kampung dan luar bandar, kawasan-kawasan haram. Jadi, orang kampung bekerja, ibu-ibu bekerja di dalam industri-industri kecil dan sederhana ini, kadang-kadang apabila kemalangan berlaku, oleh kerana orang-orang kampung tidak tahu dan tidak faham, maka mereka tidak dapat menuntut di atas kerugian yang mereka alami itu. Adakah pihak kementerian akan mengadakan satu undang-undang

khas ataupun mengadakan paksaan supaya setiap industri-industri ini mesti mengambil polisi keselamatan kepada pekerja-pekerja?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja itu memang sudah ada, cuma kadang-kadang itu industri-industri kecil yang terletak di ceruk-ceruk itu mungkin tidak dalam pengetahuan pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan, dan di situlah terdapat sedikit kelemahan. Tetapi saya rasa semua kita bolehlah memainkan peranan untuk menasihatkan industri-industri di kawasan luar bandar yang mungkin tidak ada dalam pengetahuan kerajaan supaya mereka mematuhi undang-undang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, walaupun ada lebih 14,000 firma-firma, industri kecil yang patut mengadakan polisi keselamatan. Sejak hari ini ada lebih kurang 10,000 lebih sahaja yang ada polisi keselamatan, macam mana kerajaan dapat memastikan semua 14,000 lebih ini akan mengadakan polisi keselamatan?

Dari pengetahuan saya sendiri di firma-firma dan industri-industri kecil yang mengadakan polisi-polisi keselamatan, nampaknya tidak efektif kerana ada orang yang ada pengalaman tetapi pekerja-pekerja itu tidak ditunjuk ajar macam mana pekerjaan dapat dibuat, maka selepas itu kemalangan terjadi. Apakah tindakan kerajaan dalam hal ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, ikhtiar untuk menyedarkan bukan sahaja majikan, tetapi juga pekerja tentang

peri mustahaknya mereka jaga keselamatan dan kesihatan sewaktu bekerja adalah suatu usaha yang berterusan.

Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, sepanjang masa kita ada kursus, ceramah, kempen, dialog, khidmat nasihat dan sebagainya. Ini kita menjalankan secara terus.

Kerajaan juga telah mendirikan sebuah bangunan ataupun institut yang cukup besar, National Institute of Occupation Safety and Health (NIOSH) di Bangi. Institut ini juga memberi kursus yang berterusan dalam bidang-bidang tertentu kepada berbagai-bagai majikan sepanjang masa. Jadi, setakat ini kita nampak oleh sebab ikhtiar-ikhtiar kerajaan ini, maka sedikit-sebanyak kemalangan di tempat kerja itu memang sedang berkurangan, cuma yang ada pun yang masih di peringkat yang merbahaya, ada kemalangan yang berlaku sewaktu ulang-alik dari tempat kerja.

### **PERBELANJAAN MENGURUS - KEPUTUSAN KERAJAAN MENGURANGKAN**

**13. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada keputusan kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak 2 peratus tahun ini akan dipanjangkan kepada peruntukan pembangunan pada tahun-tahun akan datang dan meminta jaminan agar apa sahaja langkah yang akan diambil seterusnya tidak akan menjejaskan peruntukan bagi sektor luar bandar terutama peruntukan-peruntukan bagi infrastruktur seperti jalan-jalan kampung, bekalan elektrik luar bandar dan air bersih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan melalui Ucapan Belanjawan 1998 oleh Yang Amat Berhormat Menteri

Kewangan, potongan perbelanjaan adalah dikenakan ke atas kos pentadbiran dan pengurusan pejabat bagi kementerian dan agensi. Oleh itu program-program yang terlibat dengan pembasmian kemiskinan dan pembangunan infrastruktur desa akan tetap diteruskan.

Sebanyak RM5,243 bilion telah diperuntukan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, selain daripada itu peruntukan sebanyak RM1.65 bilion ialah untuk membiayai projek-projek bekalan air negeri dan bekalan air ke desa serta pembangunan bekalan elektrik di kawasan desa.

Sebanyak RM743 juta pula disediakan untuk menyediakan prasarana yang melibatkan antara lain pembinaan dan kenaikan pusat-pusat kesihatan, klinik desa dan hospital baru. Sementara itu sebanyak RM330 juta disediakan bagi meneruskan program-program pembasmian kemiskinan termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang selalu disarankan oleh Yang Berhormat dari Yan dan Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Pembinaan rumah awam kos rendah akan dipertingkatkan lagi dengan peruntukan sebanyak RM164 juta untuk negeri-negeri Wilayah Persekutuan, sebanyak 10,074 rumah kos rendah akan dibina dalam tahun 1998 di bawah tiga tabung perumahan, iaitu tabung amanah untuk golongan termiskin, tabung pembinaan rumah kos rendah dan juga tabung pinjaman rumah kos rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7 dan 14 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan].*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

#### Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” *[HariIsnin, 3 November 1997]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat

Timbalan Menteri Dalam Negeri diminta menjawab.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Cheras bangun atas Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, Peraturan Mesyuarat 66(3). Tuan Yang di-Pertua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Silakan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Di bawah Peraturan Mesyuarat ini, saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya boleh membuat satu keputusan untuk membatalkan satu jadual baru mengenai tempoh perbincangan belanjawan di peringkat dasar dan mengekalkan jadual yang lama, yang bertarikh 17 Oktober itu. Di mana jadual lama mengatakan perbincangan belanjawan di peringkat dasar hari terakhirnya adalah hari ini 4 November dan bukan hari kelmarin. Tetapi ramai Ahli Yang Berhormat termasuk saya yang bercadang untuk berucap pada hari ini tanpa disedari telah terperangkap oleh jadual baru.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 66(3) ini selebih-lebihnya sebelas hari diuntukkan untuk perbincangan termasuk tidak kurang dari dua hari untuk jawapan daripada Menteri-menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen sebagai satu institusi perundangan tertinggi dalam negeri ini haruslah menggalakkan lebih perbincangan khasnya kepada perkara-perkara yang penting.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Tan Kok Wai:** .....seperti belanjawan dan bukan sebaliknya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya merasa sangat hairan mengapa sebagai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang Speaker yang liberal benarkan saya habiskan ayat saya, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sabar, Yang Berhormat memang berhak membangkitkan Peraturan Mesyuarat sepertimana yang dibuat tadi. Tetapi Yang Berhormat janganlah mengambil kesempatan untuk hendak berucap.

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan kesempatan, sebab selama sebelas tahun saya di sini. Dari pengalaman saya tidak pernah berlaku hanya lapan hari atau kurang daripada lapan hari dibenarkan atau diuntukkan untuk perbahasan di peringkat dasar belanjawan dan biasanya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Biasanya sembilan hari dan tidak kurang daripadanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Tan Kok Wai:** Dan ini menentang konvensyen dan tidak patut digalakkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Tan Kok Wai:** .... kerana ini bertentangan dengan maksud perbahasan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... dapat membuat satu keputusan supaya jadual baru ini dibatalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ramai yang belum berucap. Bukan saya sahaja, di sini misalnya, Seputeh dan juga di sebelah sana saya percaya *[sambil menunjukkan ke arah ahli-ahli Barisan Nasional]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, baiklah saya akan membuat keputusan. Ya, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Cheras itu saya faham, memang setiap kali perbahasan belanjawan itu diadakan bukan semuanya dapat pihak kerusi memberi peluang, bukan tidak hendak, tetapi seringkali masa tidak mengizinkan. Dalam keadaan ini Yang Berhormat dari Cheras membangkitkan Peraturan Mesyuarat 66(3). Kalau kita baca dengan teliti ya, bilangan hari itu selebih-lebihnya sebelas hari, Yang Berhormat dan.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tahu, Yang Berhormat minta supaya saya dapat membatalkan ya...

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, ...*[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** .... nanti dahulu,  
Yang Berhormat. *[Ketawa]* Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat  
nanti dahulu, Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** .... lewat fasal semalam.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup, Yang  
Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** ...semalam dan kelmarin ...*[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,  
cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....*[Menyampuk]* bukan hari ini

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat  
cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan dapat awal semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya sedang  
membuat keputusan, janganlah mencelah dan sebenarnya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum keputusan dibuat,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang  
Berhormat ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang keberapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Point yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan atas permintaan Yang Berhormat dari Cheras mengenai tempoh perbahasan budget. Dalam konvensi Parlimen ini bukan satu tahun tetapi empat puluh tahun di mana sungguhpun diperuntukkan masa lebih, at most maksimum ialah sebelas hari tidak kurang dua hari untuk jawapan, sembilan hari untuk perbahasan, konvensyen dalam Parlimen ini ialah sepenuh sembilan hari digunakan.

Sebenarnya dalam empat tahun ini, kita perlu memanjangkan masa oleh kerana bilangan ahli Parlimen sudah bertambah, peruntukan belanjawan sudah bertambah berpuluh-puluh kali lipat ganda dan bukan untuk memendekkan tempoh. Kita perlu lanjutkan sehingga malam atau midnight supaya semua ahli Parlimen yang mahu berucap bukan sahaja pihak pembangkang, tetapi semua ahli Parlimen termasuk daripada Barisan Nasional boleh berucap, bukan dilarang oleh Peraturan Mesyuarat, tidak boleh adakan lagi satu hari, tetapi kita dibenarkan. Jadi, inilah tradisi, konvensi Parlimen. Tidak ada sebab munasabah kenapa kita mahu jalan ke belakang dan saya harap bahawa masa sudah pendek, masa tidak cukup, kita perlu tambah dua kali masa untuk perbahasan. Tetapi apa yang kita ada, kita perlu guna sepenuh-penuhnya dan bukan untuk singkatkan lagi dalam perkara ini.

Saya harap kita boleh tunjuk dan kita hormati pandangan semua ahli Parlimen sama ada pembangkang atau Barisan Nasional supaya boleh berdiri, bersuara, bahawa mereka dipilih bukan datang ke sini untuk menjadi 'tunjuk tangan' sahaja. Bukankah kita ada peruntukan, kenapa kita mahu kurangkan ini. Saya harap bahawa kita hormat semua ahli Parlimen, hormat Dewan yang mulia ini, tunjuk kepada orang ramai, kepada rakyat Malaysia, inilah Dewan yang tertinggi, kita serius mengenai masalah krisis kewangan yang sebenarnya kita boleh suspense Standing Orders, bukan sahaja sembilan hari, tetapi lapan belas hari debate. Sekarang kita mahu kurangkan, ini di mana seriusnya? Krisis kewangan yang kita hadapi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ya, ...

**Tuan Lim Kit Siang:....** saya haraplah kita boleh hormat semangat dalam peraturan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Benarkan semua dan yang tidak ada peluang berucap - berucap, bukan sahaja di sini, di semua tempat, semua boleh berucap sampai midnight.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, bersabit dengan Peraturan Mesyuarat yang sama, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu, saya rasa soal menyekat perbahasan itu tidak timbul sama sekali dan apa yang disuarakan tadi itu pun telah diambil kira dan juga dilaksanakan sepertimana lanjutan masa yang diberikan kelmarin. Cuma

satu sahaja yang saya hendak tegaskan di sini bahawa sepertimana yang telah berlaku bukan semuanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang tunjuk minat hendak berbahas dapat diberi masa. Itupun bukan niat kerusi. Walaupun demikian, sampai kelmarin kesemuanya terdapat tujuh puluh satu orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Walaupun ada yang tidak sempat hendak bercakap, hendak berbahas, tetapi mereka tetap diberi peluang dalam perbahasan peringkat jawatankuasa.

Yang Berhormat berbalik kepada Peraturan Mesyuarat 66(3) itu saya kena ikut apa yang tertera dalam Peraturan Mesyuarat ini. Saya rasa inipun bukan sesuatu yang tidak pernah berlaku, saya terpaksa membuat sesuatu keputusan bahawa hari ini Menteri ataupun Timbalan Menteri kenalah menggulung perbahasan dan memberi jawapan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila...

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of Order.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, ada yang bangun.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** .... bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ... nanti dahulu, Yang Berhormat .....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** ...saya mengucapkan terima kasih kepada...

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of Order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Tan Kok Wai:** Tidak hormatkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, nanti dahulu sabar. Ya, Kota Melaka. [*Ketawa*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Saya hendak ingatkan Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Keputusan saya telah pun dibuat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bersabit dengan 66(3).

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau hendak berulang kali membangkitkan perkara yang sama saya tidak akan layan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau ada yang baru saya akan layan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini yang baru, berkaitan Point of Order yang sama, tetapi aspek yang lain.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, aspek yang lain iaitu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang keberapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** 66(3), kerana.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** .... seperti yang saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Maaf Yang Berhormat, ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya sudah buat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu aspek lain, bukan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ... tidak Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan berkait dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Cheras dan Yang Berhormat dari Tanjong. Bolehkah sekurang-kurangnya benarkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, saya beri peluang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat jangan mengambil kesempatan untuk berucap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ini ialah mengenai jadual atau takwin Parlimen yang dikeluarkan oleh pihak Urusetia Parlimen, di mana saya difahamkan sungguhpun saya telah berucap Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk pihak rakan-rakan di sini dan di sana. Saya rasa adalah tidak adil jadual ini hanya diedarkan hari ini dan pengumuman notis diberikan oleh kerusi lewat semalam, tanpa diberi pemberitahu kepada semua ahli Parlimen.

Seperti rakan saya daripada Cheras kerana kalau kita lihat takwim yang asal adalah dinyatakan dengan jelas bahawa jawapan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri hanya akan diberikan pada 5 November dan 4 November masih ditetapkan untuk perbahasan. Kalau perkara ini boleh dibuat, notis diberikan tanpa masa yang cukup, saya rasa itu bukan cara Parlimen menjalankan tugas, mana kita boleh buat dengan sembunyi-sembunyi, surreptitiously, secretly and stealthily meluluskan peraturan yang baru. Oleh

sebab itu saya berharap, Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil perhatian tentang masalah ini kerana kalau seperti Yang Berhormat dari Cheras, mungkin kerana kita kena kempen. Kita aturkan hari yang tertentu untuk kita berucap. Yang Berhormat dari Cheras telah mengatitkan menurut takwin yang dikeluarkan oleh Parlimen, berucap atau cuba berucap pada 4 November.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang dia tidak ada peluang. Saya rasa itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Guan Eng:** .... tidak kena pada tempatnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, walaupun saya simpati mereka yang tidak sempat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, tetapi sukalah saya membuat satu keputusan, walaupun keputusan tadi itu tetap dikekalkan. Tetapi saya hendak menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sepatutnya bila perbahasan diberikan tempoh lanjutan sampai waktu malam, ianya bermakna bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ingin hendak berucap, kalau pada masa itu tidak ada dalam Dewan ini, itu bukan kesalahan pihak kerusi. Sepatutnya dalam tempoh lanjutan pun Yang Berhormat yang tetap hendak berucap kenalah hadir dalam Dewan dan bukannya Yang Berhormat meninggalkan Dewan ataupun atas alasan hendak kempen ataupun ada urusan peribadi. Itu saya rasa payah saya hendak layan.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. Nanti dahulu,  
Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan hendak kempen kerana.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu!

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... kerana kita hendak berikan giliran pada  
pihak lain....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang  
Berhormat, saya akan datang kepada apa yang dibangkitkan itu. Yang bernas  
tetap diterima dan saya rasa ini memang berlaku dalam tempoh yang begitu  
singkat sekiranya terdapat ketidaksempurnaan, saya rasa ianya perlu diambil  
kira, tetapi saya tidak setuju bahawa perkataan ‘surreptitiously and secretly’ itu  
tidak kenalah. Itu memang tidak timbul sama sekali dan itu sekadar pendapat  
Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang :** Point of Order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. Ada lagi Yang  
Berhormat? Ini Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat  
66(3), saya tidak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang  
Berhormat. Yang keberapa?

**Tuan Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang keberapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** 66(3).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** 66(3).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya berdiri bukan untuk mencabar keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua adalah kuasa yang mutlak untuk membuat keputusan, tetapi sebagai satu panduan kepada Dewan yang mulia ini, bukan semua boneka untuk melawan hak-hak Yang Berhormat untuk berucap pun tidak berani membela, tetapi berani untuk lawan, mana ada maruah! MP. Barisan Nasional, balik rumahlah [*Tepuk*] Di sini kita membela hak untuk berucap, mahu main-main apa maruah..... [*pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Tanjong nanti dahulu.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Cakap untuk mereka, mereka pun mahu kacau! [*sambil mengangkat kedua-dua belah tangannya*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar, tertib.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Tanjong sabar, walaupun Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan saya marah, tetapi cakap bagi mereka pun macam.....

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat  
.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan untuk kita sendiri sahaja, untuk Dewan yang mulia ini, mana ada standard.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Malu! Majoriti [*pembesar suara dimatikan*] untuk apa? Malu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat juga kena tertib di sini.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bukan berdiri bukan untuk mencabar, mahu kata lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya berdiri bukan untuk mencabar keputusan Tuan Yang di-Pertua,.....

**Seorang Ahli:** Duduklah! [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini standard Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak patut berjaya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** Hey! Pandang Speakerlah, pandang sekeliling buat apa!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau mereka tidak mahu kacau, diam-diam, tertib....

**Seorang Ahli:** Pandang Tuan Speaker.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....saya akan hormat mereka dan saya harap kita mahu satu panduan dari kerusi, sungguhpun keputusan muktamad, betul, tetapi kita mahu tahu kenapa keputusan dibuat, oleh kerana untuk empat puluh tahun tradisi konvensi ialah sepenuh masa digunakan ialah sembilan hari dan untuk empat puluh tahun bukan sahaja bilangan ahli Parlimen sudah bertambah, tetapi peruntukan budget sudah bertambah sebanyak lima puluh kali, satu ratus kali mungkin. Kenapa kita mahu kurangkan satu hari walhal ada ahli-ahli Parlimen bukan sahaja pihak pembangkang, tetapi Barisan Nasional pun mahu berucap dan mereka tidak berani untuk berdiri kata, ini tidak adil oleh kerana apa berlaku di sini mereka ikut sahaja. Tetapi kita perlu, kita harap.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....kita beri satu panduan, kalau ini boleh berlaku, adakah ini bererti di tahun hadapan tujuh hari, selepas itu enam hari, tidak payah kita ada Parlimen dan tutup pintu balik rumahlah! Tidur!. Yang Berhormat Menteri Pertahanan ada di sini mewakili kerajaan, berapa hari kita bahas, patutlah satu consensus Parlimen, antara pihak pemerintah dengan pembangkang bukan sahaja satu 'dictate' oleh kerusi tetapi patutlah menjadi satu musyawarah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk timbang semula perkara ini, oleh kerana bukan bagi kepentingan pembangkang, tetapi bagi kepentingan Dewan yang mulia ini, demi martabat, darjat, kedudukan Parlimen dalam mata rakyat bahawa kita tangguh sedikit, timbang perkara ini, kaji perkara ini oleh kerana bagaimana boleh bilangan ahli

Parlimen ditambah dua tiga kali, peruntukan ditambah lima puluh kali, seratus kali, tetapi tempoh masa mahu kurang? Bolehkah kita timbangkan perkara ini? Saya percaya kerajaan reasonable people bukan unreasonable people, saya harap dalam perkara ini kita bolehlah mengadakan satu consensus yang sewajarnya.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada yang bangun ya Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya adakah Tuan Yang di-Pertua bahawa kelmarin semasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua telah pun memberi penjelasan kepada Dewan ini bahawa kita ada 18 bil yang penting, yang harus diluluskan dalam sesi Parlimen ini, yang cukup penting yang tidak boleh ditunda. Oleh sebab itulah dari segi kepentingan negara, maka kita pendekkan sehari general debate, kerana kalau ada perkara-perkara yang mustahak, yang perlu maka dalam masa committe stage kita masih boleh bangkitkan. Oleh sebab kita perlu menghabiskan 18 bil yang cukup penting maka itulah sebabnya sedikit penyesuaian telah dibuat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tahun 1990 pun begini *[Menyampuk]*.....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** ....mengikut budibicara Tuan Yang di-Pertua dan....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** ... nantilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Cheras, tertib.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Dan oleh sebab penjelasan ini telah dibuat, maka kami ahli-ahli Barisan Nasional sungguhpun ramai hendak bercakap telah terima keputusan dan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam perkara ini saya bertanya oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada timbul, ada 18 rang undang-undang yang mustahak, kita boleh bersetuju, tetapi kita boleh bekerjasama untuk panjangkan Dewan yang mulia ini sama ada malam, setiap hari atau lebih hari untuk bersidang. Kalau kita serius, kita patut ada masa untuk berbahas secukup-cukupnya, segala rang undang-undang, segala perkara di Dewan ini termasuk budget, budget yang terpenting khasnya dalam krisis ekonomi dan apa yang kita boleh timbul dan bangkit dalam peringkat jawatankuasa yang terhad, masa yang sangat terhad, skop yang sangat terhad pun tidak boleh banding dengan perbahasan dalam budget sekarang. Ini sebenarnya penjelasan yang kita boleh terima dan saya harap dalam perkara ini bahawa kita boleh ada satu adjournment supaya kita boleh timbang perkara ini, kedua-dua pihak,

kerajaan, pembangkang, kerusi supaya the best interest, dengan izin, Parlimen boleh dijagakan, nama baik Parlimen kalau tidak we are laughing-stock.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat. Saya rasa cukup setakat ini dan saya hendak tegaskan bahawa sepertimana yang dibawa tadi oleh Timbalan Menteri, ini pun bukan keputusan baru, keputusan ini dibuat kelmarin, tetapi malangnya bila keputusan ini diumumkan, saya nampak ada ramai yang tidak hadir dalam Dewan termasuk juga mereka yang kononnya hendak tunjuk minat dalam perbahasan pun tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini protes tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini protes, ini tidak adil.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]* ini tidak adil. Saya harap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tarik balik.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tarik balik implikasi, dan intention itu. Inilah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ingin saya tegaskan bahawa sepertimana yang dikatakan tadi lanjutan tempoh itu sama seperti perbahasan normal. Itu tidak ada bezanya, tidak bermakna bahawa dalam tempoh lanjutan itu ada kuasa yang memilih, sama ada hendak

hadir atau tidak. Saya rasa itu cukup jelas dan walaupun ini tidak semestinya dapat diterima oleh semua, tetapi sepertimana yang saya huraikan tadi, itupun bukan berniat hendak menidakkan hak Yang Berhormat untuk berbahas, tidak timbul sama sekali. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidakkah Yang Berhormat Menteri mahu timbang perkara ini? Tidak mahu? Ini malu!

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini sejarah demokrasi, sejarah Parlimen.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** .....bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa guna jawab! Ini malu sahajalah, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu saya rasa.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju timbang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Tanjong sabar.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dahulu, kalau pihak Menteri dia hendak timbang ataupun ada alternatif bolehlah bangkitkan kembali, bila keputusan itu dibuat. Saya rasa tidak adil

juga Yang Berhormat, kalaulah pada ketika ini cuba hendak menghalang Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini tidak gunalah, main-main.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Terpulang kepada Yang Berhormat....

**Beberapa Ahli:** Hoi! Malulah.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua,

....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** ....ini semua taktik Sungai Bakap, Tuan Yang di-Pertua. Ini taktik Sungai Bakap! Pilihanraya Sungai Bakap.

**Beberapa Ahli:** Malulah!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Pilihanraya Sungai Bakap, taktik!

**Beberapa Ahli DAP:** Boo! *[keluar meninggalkan Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dahulu saya rasa selama ini mana-mana ahli dalam Dewan kalaulah mereka ada urusan yang lain, hendak buat, tidak ada apa-apa halangan mereka

boleh meninggalkan Dewan ini, tetapi janganlah mengambil kesempatan untuk hendak menghalang perjalanan perbahasan. Yang Berhormat sila. *[Tepuk]*

**4.05 ptg.**

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan penjelasan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia berkenaan dengan memendekkan sehari perbahasan berkenaan dengan rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa pihak DAP, pembangkang hari ini bukan mereka hendak bercakap sangat dalam Dewan, tetapi mengambil kesempatan untuk keluar Dewan kerana pilihanraya kecil Sungai Bakap di Pulau Pinang. *[Tepuk]*

Kita berharap supaya rakyat tidak tertipu dengan helah mereka ini. Mereka bukan hendak bercakap, tetapi hendak menunjukkan kepada rakyat, mereka disekat untuk bercakap, pada hal Ketua Pembangkang bercakap lebih lama daripada ahli-ahli yang menyokong kerajaan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya berharap pada pengundi-pengundi Sungai Bakap mengambil contoh tidak ada disiplinnya pihak DAP hari ini dan jangan undi mereka untuk kerusi Sungai Bakap.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai perkara telah disentuh sepanjang perbahasan di peringkat dasar ini dan dengan itu izinkan saya menjawabnya

mengikuti isu-isu yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Kenaikan bayaran Pasport Antarabangsa - Terhad dan juga border crossing pass, dengan izin. Kenaikan bayaran dokumen-dokumen perjalanan iaitu Pasport Antarabangsa dan Terhad telah disentuh oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Bukit Mas, Yang Berhormat dari Senai, Yang Berhormat dari Pokok Sena, Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Larut, Yang Berhormat dari Bandau dan juga Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan. Berhubung dengan perkara ini dan mengenai syor supaya pengecualian bayaran pasport pada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri dan penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri.

Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu kerana seseorang yang bekerja di luar negeri tentulah berkemampuan membiayai kos pasport tersebut. Begitu juga ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak mereka menuntut di seberang laut tentulah juga sanggup untuk membayar kadar bayaran baru bagi pasport. Di dalam hal ini kerajaan berpendapat kadar bayaran pasport ini adalah wajar. Selain dari itu kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan levi ke atas seseorang warganegara setiap kali mereka keluar negeri. Ini adalah kerana cadangan tersebut adalah tidak sesuai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebuah negara jiran yang mengamalkan sistem tersebut telah pun beransur-ansur menarik balik peraturan, pembayaran levi seperti yang telah dicadangkan itu.

Menyentuh perkara mengenai dokumen perjalanan ini juga, kerajaan memang bercadang untuk mengeluarkan satu dokumen perjalanan khas bagi kemudahan penduduk negeri Sarawak berulang-alik ke Brunei sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan perbincangan dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei Darussalam. Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Malaysia sedang menunggu jawapan Kerajaan Brunei Darussalam berhubung cadangan tersebut.

Mengenai border crossing pass yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandau, perkara mengenai sebagai yang dinyatakan oleh Kerajaan Sabah adalah salah satu daripada perkara-perkara yang telah dipersetujui di bawah satu perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Filipina dalam melaksanakan sistem lalu lintas batas oleh kedua belah pihak. Border crossing pass ini adalah khusus untuk digunakan oleh mereka yang tinggal di kawasan sempadan bagi kemudahan di antara kedua buah negara. Mereka hanya boleh menggunakannya di pintu-pintu masuk yang dibenarkan oleh kedua-dua buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan berita luar negeri dan akhbar-akhbar tempatan, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan sekatan ke atas berita dari luar negeri dan siaran berita dalam akhbar-akhbar tempatan. Berhubung dengan perkara ini adalah tidak benar dakwaan bahawa kerajaan menyekat kemasukan berita-berita dari luar negeri.

Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan liberal. Sebagai contoh kerajaan tidak menyekat kemasukan berita melalui Internet, malahan kerajaan tidak bercadang untuk menapis berita-berita yang disampaikan melalui Internet dari luar negeri ke negara ini.

Kerajaan melalui Unit Kawalan Penerbitan Kementerian Dalam Negeri sememangnya sentiasa mengawal dan meneliti isi kandungan penerbitan-penerbitan yang telah diterbitkan di dalam negeri dan yang diimport dari luar negeri, tindakan ini adalah bagi memastikan penerbitan-penerbitan yang berkenaan tidak menyiarkan bahan-bahan yang tidak diingini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang yang boleh menjejaskan nilai-nilai murni atau yang boleh menimbulkan masalah sosial di kalangan remaja negara ini. Tindakan akan diambil ke atas penerbitan-penerbitan yang berkaitan termasuklah memberi teguran, amaran atau menggantung permit penerbitan bagi penerbitan-penerbitan yang berterusan menyiarkan bahan-bahan yang tidak diingini tersebut.

Sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian adalah tidak benar akhbar-akhbar Malaysia tidak berwibawa. Akhbar-akhbar Malaysia adalah boleh dipercayai dan berita-berita yang disiarkan biasanya adalah berdasarkan fakta dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh akhbar-akhbar yang berkenaan. Akhbar-akhbar Malaysia juga adalah popular dan sentiasa dinanti-nanti oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Menyentuh penerbitan *Harakah* dan *the Rocket* kerajaan telah meluluskan permit penerbitan bagi kedua-dua penerbitan tersebut sejak dari

dahulu lagi. Pihak PAS dan DAP pada mulanya telah memohon permit penerbitan untuk menerbitkan surat berita bagi parti masing-masing. Sebagai surat berita sebuah parti politik, maka tidak wajarlah ianya dijual kepada umum. Walau bagaimanapun parti PAS dan DAP telah melanggar syarat-syarat permit yang telah dikeluarkan di mana mereka telah menjadikan surat berita parti mereka iaitu *Harakah* dan *the Rocket* sebagai surat khabar umum dan dijual kepada orang ramai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

***mempengerusikan Mesyuarat ]***

Mengenai isu ‘saman ekor’ yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut dan Yang Berhormat dari Bagan. Sukalah dimaklumkan iaitu ‘saman ekor’ adalah satu tindakan penguatkuasaan trafik yang dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya kemalangan maut. Dalam melaksanakan sistem ini notis akan dikeluarkan kepada tuan punya kenderaan-kenderaan dan tuan punya kenderaan diminta supaya memberi maklumat berhubung kesalahan yang telah dilakukan dalam tempoh tujuh hari penerimaan notis tersebut di bawah Seksyen 115(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1997. Sekiranya gagal maka pemandu tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 115(1)(b) akta yang sama. Dalam keadaan ini Seksyen 109 akta tersebut menyatakan tuan punya kenderaan ini hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan ini. Peruntukan ini telah wujud di dalam Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dan bukannya perkara yang baru. Dalam hal ini juga pihak polis berpendapat

kaedah adalah lebih berkesan untuk mewujudkan kesedaran, keselamatan di kalangan pengguna jalan raya pada setiap masa dan bukan hanya pada masa kehadiran pihak berkuasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai ‘saman ekor’ saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato’ Timbalan Menteri mengenai permasalahan yang dihadapi oleh Unit Polis - Traffic Cops. yang menghadapi masalah di dalam menyampaikan notis kepada orang kena tuduh (OKT) atau orang kena saman di mana kadang-kadang alamat pemilik kenderaan itu tidak dapat dikesan ataupun pemiliknya yang tidak dapat dikesan, sehingga menyebabkan notis yang sepatutnya dijawab dalam tempoh tujuh hari mungkin terlambat dan akibatnya pemilik kenderaan akan teraniaya.

Saya ingin bertanya apakah cadangan atau alternatif yang lain untuk notis ini dapat dilaksanakan supaya pemilik kenderaan yang dituduh akan dapat menyelesaikan tuduhan-tuduhan yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri berhubung dengan ‘saman ekor’ ini. Saya memang

biasa mempertahankan bahawa ‘saman ekor’ ini adalah satu tindakan yang adil, tidak kira kereta besarkah, Menteri atau wakil rakyat.

Saya ingin tahu ada kemungkinan berlaku, sebab sama ada mata polis yang berkenaan ataupun di segi kameranya rosak saya tidak tahu, tetapi kemungkinan kereta yang kena itu, kereta itu tidak pernah pergi. Contohnya saya pun baru lepas defence dalam Dewan ini. Apabila saya balik, saya dapat notis di kampung, kereta itu tidak pernah pergi ke Temerloh, tiba-tiba kena saman di Temerloh. Begitu juga orang di kawasan saya, road tax motornya sudah mati, dia tidak pernah naik, tiba-tiba dapat ‘saman ekor’. Itu satu. Lagi pun kalau hendak ‘saman ekor’ ini, apabila saya balik daripada Alor Setar hendak mesyuarat ini, saya cuba hendak tengok berapa jarak boleh nampak nombor itu, cuma 20 meter sahaja baru kita nampak clear, lebih daripada itu sudah kelabu, dia nampak selari sahaja. Jadi, macam mana polis mengambil tindakan ‘saman ekor’ sama ada dia duduk di tengah jalankah, dia menggunakan kamera atau menggunakan teropong, saya ingin tahu? Bukan untuk diri saya, tetapi untuk masyarakat umum, banyak yang dibangkitkan, saya rasa ini bukanlah polis itu membuat aniaya, tetapi cara-caranya itu salah. Saya minta supaya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu, sememangnya kita telah minta pihak polis untuk menghantar saman-saman ekor yang dikeluarkan ini supaya dikeluarkan dengan cepat kepada

mereka yang kena saman dan untuk itu saya telah dimaklumkan bahawa akan ada kerjasama di antara pihak Polis Di-Raja Malaysia dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, kemungkinan boleh diwujudkan online, saya difahamkan komputernya berlainan. Tetapi kalau boleh diwujudkan online supaya apabila nombor-nombor kereta ini dapati oleh pihak polis, maka mereka boleh mendapat alamat dengan cepat supaya surat-surat saman ini dapat dikeluarkan dengan cepat. Kita telah pun sedaya-upaya mencuba, kalau boleh misalnya surat saman ini dikeluarkan dalam tempoh sebulan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena sama ada kadang-kala timbul kesilapan. Dalam apa juga teknik yang kita gunakan Tuan Yang di-Pertua, misalnya kalau kita ambil statistik, dengan izin kita ada probability, sama ada satu persen, lima persen dan sebagainya. Jadi, saya tidak menyangkal bahawa kemungkinan kadang-kadang ada masalah. Tetapi yang bermasalah ini kita boleh selesaikan dan kalau misalnya jalan kita empat lane, polis berada di tepi jalan, yang buat salah ini dia memotong lane, katalah di lane yang ketiga dan keempat, bagaimana kita hendak tahan motokar di lane ketiga dan keempat melainkan kita 'saman ekor'.

Saya bersetuju bahawa kadangkala ada kesilapan, tetapi dalam banyak hal, kalau kita tidak menggunakan sistem 'saman ekor' ini tidak mungkin kita akan dapat menyaman mereka yang menggunakan lane tengah, kalau lane tepi kita boleh tahan, tetapi kalau di lane tengah, kalau kita hendak tahan juga

mungkin kita terpaksa menggunakan lima, enam orang polis di sebatang jalan yang berkenaan.

Begitu juga misalnya speed trap. Sekarang ini speed trap apabila kita tembak sahaja Tuan Yang di-Pertua, misalnya kita sudah set jalan itu 80 kilometer sejam, kita sudah set. Apabila kita tembak sahaja motokar itu kita akan dapat kelajuan kereta tadi misalnya 110 kilometer sejam dan nombor kereta itu sekali. Jadi kalau misalnya diminta evidence dalam mahkamah, kita akan tunjukkan gambar tadi dan gambar inipun mestilah oleh kerana kita menggunakan satu alat yang canggih probabilitynya untuk silap ada, mungkin 0.001 persen ada. Tetapi dalam banyak keadaan sekurang-kurangnya kita dapat buktikan di mahkamah had kelajuan yang dibenarkan, kelajuan kereta tadi dan juga nombornya sekali ada pada gambar dalam kamera yang diambil oleh pihak polis.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Batang Lupar bangun, hendak beri jalan kepada Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga rakan-rakan yang memberi peluang kepada saya dahulu.

Saya minta penjelasan dengan Timbalan Menteri dan persoalan saya ini berlandaskan pengalaman peribadi, perkara ini benar-benar berlaku. Pada masa dahulu kita membuat satu penyelidikan di kalangan penyampaian saman bagi pihak polis kepada pesalah-pesalah. Dahulu bukan ‘saman ekor’ dia

‘saman badan’, maknanya kita tahan orang itu dan selepas itu kita ambil nama dan alamat kemudian kita hantar saman selepas itu. Pada masa beberapa tahun pihak polis mendapati iaitu kalau di Kuala Lumpur saman yang dibuat secara itu mendapat penjelasan iaitu penyampaian saman kepada orang yang dituduh hanya dua puluh lima peratus di Kuala Lumpur dan kalau di luar bandar, macam di Johor, di Perak dan di negeri-negeri yang di luar Kuala Lumpur penyampaiannya lebih tinggi sedikit, mungkin tiga puluh enam peratus, tetapi kalau di Sabah dan Sarawak, penyampaiannya lebih daripada lima puluh peratus. Ini masa kita bertemu muka dengan orang yang kita saman selepas melakukan kesalahan, tetapi dalam keadaan sekarang yang mana kita ‘saman ekor’.

Saya bersimpati dengan pihak polis menguatkuasakan undang-undang, sebab saya pernah membuat perkara yang sama dalam keadaan yang Dato’ sebutkan tadi, saya memang bersetuju ‘saman ekor’ adalah the only alternative, the only way, hendak saman orang berjalan di luar lane itu, kalau tidak polis pun mati kena langgar.

Soalan saya di sini supaya tindakan polis itu jangan indah khabar dari rupa sahaja. Nampaknya kita saman sebanyak 10,000 tetapi yang menerima saman hanya 1,000 dan yang kena hukum di mahkamah hanya 500 sahaja. Jadi ini indah khabar daripada rupa, kesan kerja polis tidak ada, banyak kerja, tetapi kesan tidak ada dan perbuatan mereka tidak mendatangkan satu preventive measures, oleh kerana mereka tidak nampak oleh pihak public, saman itu ada, tetapi saman itu tidak sampai kepada orang, orang tidak pergi ke mahkamah,

orang tidak kena hukum dan sebagainya. Jadi, persoalan saya bagaimana dalam keadaan sekarang ini kesan dan berapa peratuskah orang yang telah kena saman itu telah menerima saman sampai ke mahkamah dan dihukumkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, hendak beri jalan, Pokok Sena bangun lagi, hendak jawab dahulukah Dato'?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Jawab dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, sila.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Bagi saya jawab sedikit dahulu, nanti saya terlupa soalnya Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lumar yang merupakan juga bekas seorang pegawai polis yang telah lulus menjadi seorang pengamal undang-undang ataupun lawyer di atas pandangan beliau tadi.

Sebenarnya kita memang menghadapi masalah untuk hendak menghantar saman-saman ini oleh kerana alamat yang telah berubah, tetapi kita berharap di masa akan datang dengan adanya kad pintar, digunakan sebagai kad pengenalan juga digunakan juga sebagai lesen memandu, digunakan juga untuk pendaftaran dan lain-lain, maka kita akan mendapat maklumat

berkenaan dengan alamat mereka yang membuat salah ini dan saman akan dapat terus dihantar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini juga, suka saya menyatakan bahawa dengan kita mengadakan sistem 'saman ekor' ini, tohmahan-tohmahan kepada pegawai polis dapat dikurangkan, kerana kadangkala apabila polis hendak beri saman di tepi jalan kepada pemandu-pemandu akan timbul seolah-olah ada bargain di antara polis dan pemandu. Tetapi dengan 'saman ekor' yang dikeluarkan ini, ini akan dapat membersihkan imej dan juga nama anggota polis kita, kerana tidak mungkin mereka akan dapat negotiate atau sebagainya, kerana saman ini akan dihantar terus kepada ibu pejabat di Bukit Aman dan Bukit Amanlah yang akan mengeluarkan saman ini kepada pemandu-pemandu yang dikatakan telah membuat kesalahan tadi. Jadi, tidak ada perjumpaan muka di antara yang membuat salah dengan anggota polis yang menyaman. Ini sekurang-kurangnya akan dapat menaikkan imej anggota-anggota polis kita.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan 'saman ekor' ini, saya memang sokong sebab adil, semua orang boleh kena, menteri pun kena. Saya kena saman pada 29 April, pada masa itu saya berada di Mekah, saya menerima saman pada 2 November iaitu terlampau jauh beberapa bulan - tidak apalah itu. Tidak bolehkah bila saman sekali dengan jenis kereta misalnya kalau kereta saya Proton Saga, ditulis KAL 3131 - Proton Saga, tidaklah kena macam motor orang kawasan saya itu, dia tulis barangkali kereta, tetapi apabila disaman,

kena motor yang road taxnya sudah mati yang duduk di kampung. Macam kereta saya kalau dia tulis KAL Proton Saga, barangkali saya boleh kata orang pinjam dan sebagainya - kemungkinan, tetapi kalau kena KAL 3131 ini lori dan dengan sendirinya apabila polis pergi check dengan JPJ oh! Ini yang kami saman dahulu lori, ini Proton Saga, jadi dengan sendirinya boleh buang tidak gaduh hantar saman, bukankah lebih menolongkan kita melaksanakan - lebih senang.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kita menerima baik pandangan daripada Ahli Parlimen dari Pokok Sena dan sememangnya ini satu pandangan yang baik dan ini akan saya cadangkan kepada pihak polis untuk dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri mengenai kesan daripada pelaksanaan 'saman ekor'. Adakah kementerian berfikir setelah mendapat pandangan daripada pihak polis, mungkin berleluasanya penggunaan nombor plat palsu kesan daripada pelaksanaan sistem 'saman ekor' ini, kerana mereka merasakan itulah jalan yang paling selamat untuk lari laju, untuk melakukan kesalahan di lebuh raya dan sebagainya. Kalau saman pun bukan kenderaan mereka yang sebenarnya akan disaman, kemungkinan juga dengan penggunaan kaedah pemerhatian ini di segi penguatkuasaannya mencatatkan

kesalahan nombor-nombor kenderaan melalui pandangan akan berlaku kesilapan, kemungkinan 3838 ditulis 3830 dan sebagainya. Inilah yang menjejaskan sistem pelaksanaan 'saman ekor'.

Adakah pihak polis mengkaji kaedah yang tertentu untuk lebih menghukum orang yang sebenarnya melakukan kesalahan dan membela orang yang teraniaya.

Yang keduanya, saya ingin tahu sama ada apabila saman dikeluarkan kepada OKS ataupun OKT, adakah polis akan merekodkan di dalam senarai hitam dan "online" kepada JPJ, kerana kalau keadaan ini diamalkan, kemungkinan maklumat yang diperlukan oleh polis tidak akan dapat disupply kepada mereka, tetapi tindakan untuk menyenaraihitam telah pun diambil. Jadi, kita bimbang ianya akan menjejaskan segi pendapatan Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya untuk kutipan road tax, lesen atau lain-lain bayaran.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mungkin boleh kita laksanakan iaitu pemasangan kamera perangkap had laju. Saya ingat ini lebih selamat dan lebih adil untuk ianya mengesan kesalahan pesalah-pesalah yang menggunakan jalan raya, seumpamanya di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, yang mana kamera perangkap had laju ini telah memberikan banyak faedah dan kesan psikologi kepada pemandu-pemandu. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang inilah sebenarnya yang dilaksanakan oleh pihak polis iaitu selain

daripada 'saman badan' di mana kita memberikan terus saman ini kepada individu berkeenaan dan saman had laju menggunakan kamera masih digunakan.

Selain daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi, kita juga menambah satu lagi iaitu 'saman ekor'. Jadi, bermakna selain daripada perkara-perkara yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi kita wujudkan juga saman ekor. Apabila Yang Berhormat sebutkan tadi mereka akan menggunakan misalnya nombor plat palsu untuk lari laju, tetapi kalau kita di lebuhraya ada setengah-setengah tempat di mana had laju tadi kita akan diberi 'saman badan' dan bukan 'saman ekor'. 'Saman ekor' kebanyakannya berlaku misalnya di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur yang potong double line dan di setengah-setengah tempat misalnya untuk pemandu-pemandu yang memotong kereta lain double line. Ini memang susah untuk disekat ataupun ditahan. Jadi, itulah yang digunakan kaedah saman ekor. Tetapi bagi kenderaan yang memandu laju, kebiasaannya mereka akan disekat lebih kurang 5-6 kilometer di hadapan dan mereka akan diberikan saman terus kepada individu yang berkeenaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saranan Yang Berhormat dari Marang supaya beberapa pertubuhan bertaraf antarabangsa yang bergiat di negara ini diharamkan kerana didakwa mempunyai kaitan dan disokong oleh pihak Yahudi.

Sukalah dimaklumkan bahawa pertubuhan Freemason misalnya yang ada sekarang ini telah didaftarkan mengikut peruntukan Akta Pertubuhan 1966

tanpa diberi apa-apa kelonggaran syarat. Sejak pendaftarannya pertubuhan tersebut belum pernah melanggar Akta Pertubuhan 1966 yang bertujuan untuk memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, ketenteraman atau akhlak di negara ini. Oleh yang demikian, jika sekiranya didapati pertubuhan-pertubuhan berkenaan melanggar syarat-syarat peruntukan Akta Pertubuhan 1966 ianya akan diambil tindakan.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Telok Intan supaya NGO Amnesty International Malaysia diberi pertimbangan dan didaftarkan. Untuk makluman Yang Berhormat Amnesty International Malaysia adalah sebuah cawangan Amnesty International yang merupakan sebuah pertubuhan memperjuangkan hak asasi manusia di kalangan masyarakat dunia. Permohonan pendaftaran tersebut telah ditolak memandangkan objektifnya yang tidak jelas dan mengelirukan. Ia meminta didaftarkan bagi membantu dan memperjuangkan hak asasi orang-orang di luar Malaysia. Aktiviti ini amat tidak wajar dijalankan oleh sebuah pertubuhan di dalam negara, tetapi menjalankan aktiviti yang tidak ada kaitan dengan rakyat negara ini.

Kerajaan bagaimanapun tidak menghalang orang-orang yang ingin memperjuangkan hak asasi manusia di kalangan masyarakat dunia dengan memohon menjadi ahli perseorangan, Pertubuhan Amnesty International yang telah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengeluaran kad pengenalan biru, KPT dan pemberian taraf kewarganegaraan kepada pendatang asing di

Sabah, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Keningau dan Yang Berhormat dari Tenom.

Perlulah ditekankan di sini bahawa kerajaan tidak pernah memberi kad pengenalan biru ataupun KPT kepada pendatang tanpa izin di Sabah. Kementerian ini telah beberapa kali memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa berdasarkan siasatan yang dijalankan, ianya menunjukkan bahawa kebanyakan kes-kes tersebut dilakukan oleh sindiket yang mengeluarkan kad pengenalan palsu kepada pendatang tanpa izin (PTI) tersebut. Hasil dari siasatan tersebut dari tahun 1990 hingga tahun 1995, sebanyak 10,238 kad pengenalan palsu yang dikeluarkan di Sabah telah dikesan dan seramai 225 orang telah ditangkap dan dikenakan hukuman yang sewajarnya.

Mengenai jumlah kelahiran anak pendatang tanpa izin di Sabah, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kinabalu, adalah dimaklumkan jumlah kelahiran anak-anak yang bertaraf bukan warganegara atau penduduk tetap dalam tempoh 6 tahun yang lepas ialah 17,466 atau purata 2,911 orang setahun, sementara kelahiran anak-anak yang bertaraf warganegara iaitu salah seorang daripada ibu atau bapanya warganegara atau penduduk tetap ialah 477,815 orang atau purata 79,635 orang setahun. Memang terdapat perbezaan di antara kadar kelahiran anak-anak yang bertaraf warganegara iaitu salah seorang daripada ibu atau bapanya warganegara atau penduduk tetap berbanding kelahiran di kalangan anak-anak yang mana bukan bertaraf warganegara iaitu kedua ibu bapa pendatang asing, sama ada secara sah atau

tanpa izin. Perbezaan ini mungkin disebabkan sebahagian besar daripada kelahiran di kalangan pendatang tanpa izin tidak didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Yan mencadangkan supaya Jabatan Imigresen menyekat kemasukan pemain bola sepak import ke negara ini. Berhubung dengan perkara tersebut perlu ditegaskan di sini iaitu Jabatan Imigresen Malaysia akan berkerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan jika ada cadangan berbuat demikian oleh pihak-pihak tersebut. Seperkara lagi yang dibangkitkan adalah mengenai langkah kerajaan dalam menjalankan usaha pemulihan penagih-penagih dadah sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah.

Untuk makluman Yang Berhormat pada awal tahun 1996, kerajaan telah menjalankan kajian menyeluruh ke atas dasar dan pendekatan yang sedia ada bagi memerangi ancaman dadah di negara ini. Hasil dari kajian tersebut kerajaan kini melaksanakan beberapa pendekatan baru sebagai usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan program pemulihan termasuk tumpuan kepada usaha-usaha mengurangkan masalah kadar penagihan semula yang tinggi di kalangan penagih-penagih yang tamat menjalani pemulihan di pusat-pusat serenti.

Di antara pendekatan strategi terbaru yang sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (i) Mengklasifikasikan pusat serenti mengikut kategori penagih-penagih dadah.

- (a) Pusat serenti untuk penagih sukarela.
- (b) Pusat serenti penagih remaja lelaki dan wanita.
- (c) Pusat serenti penagih ringan.
- (d) Pusat serenti penagih tegar.

Tujuan pendekatan ini adalah untuk memastikan penagih-penagih dari pelbagai kategori tidak dilonggok dan dicampuradukkan dalam sesebuah pusat serenti bagi mempermudah proses pemulihan dijalankan dengan lebih berkesan.

- (ii) Merangka modeliti pemulihan yang komprehensif mengikut keperluan kategori penagih-penagih yang dimasukkan ke dalam pusat serenti. Ini termasuklah menyediakan kurikulum pendidikan agama dan moral yang dapat menanam kesedaran serta keinsafan kepada penagih-penagih dadah.
- (iii) Menggunakan perubahan-perubahan di dalam proses detoksifikasi bagi menggantikan pendekatan cold turkey dan perubahan-perubahan selepas detoksifikasi.
- (iv) Menubuhkan pusat khidmat di pejabat-pejabat Agensi Dadah Kebangsaan Daerah untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan pemulihan dan kaunseling kepada masyarakat di peringkat daripada ibu bapa, sekolah,

majikan dan lain-lain pihak yang sebelum ini masih belum dapat diberikan perkhidmatan tersebut.

- (v) Cadangan memperkenalkan sistem pengawasan dan pengesanan yang lebih ketat ke atas penagih-penagih dadah yang menjalani program pemulihan di dalam komuniti.

Bagi sekian kalinya Yang Berhormat dari Jelutong ingin tahu bilakah Akta Keselamatan Dalam Negeri....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Machang bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** ....ISA hendak dimansuhkan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri bergerak kepada tajuk lain, saya hendak tumpukan masalah penagihan dadah. Adakah kerajaan berhasrat untuk menimbang meminda Akta Penagih Dadah, Rawatan dan Pemulihan yang diguna pakai sekarang bagi mengenakan satu tanggungjawab kepada ibu bapa. Sekarang ini apabila mereka dihantar oleh mahkamah untuk menjalani rawatan dalam tempoh dua tahun misalannya, saya percaya semua perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan yang melibatkan sejumlah perbelanjaan yang besar. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk meminda menambahkan satu peruntukan bahawa semua penagih-penagih yang dihantar ke pusat pemulihan ini dibiayai oleh keluarga masing-masing supaya untuk mewujudkan satu tanggungjawab keluarga bahawa masalah penagih dadah ini jangan sahaja diletakkan beban kepada

kerajaan semata-mata, tetapi ibu bapa mesti menunjukkan sikap bertanggungjawab, dan cara untuk mempertanggungjawabkan ibu bapa ialah dengan mengenakan bentuk penalti. Misalnya, supaya mereka membiayai rawatan yang dilakukan di pusat-pusat pemulihan, itu pertama.

Yang kedua, daripada sejarah kita tengok, daripada beberapa insiden yang berlaku di Jeli misalannya, pada tahun lepas beratus orang lari. Sebahagian besarnya saya temui secara sendiri. Mereka tidak berpuas hati dengan sistem ataupun aturcara ataupun aktiviti pemulihan yang dijalankan yang ada dalam penjara itu yang sebahagian besarnya pada pendapat mereka tidak sesuai dengan seorang penagih dadah. Sebab mereka berkata bahawa penagih dadah bukan criminal, tetapi penagih dadah ialah a weak people yang mesti di'rehabilate', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adakah pihak kementerian sedang mengkaji ataupun akan mengkaji kurikulum yang sedang dibuat ataupun aktiviti latihan yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan di seluruh negara supaya diperbaiki bagi menyesuaikan dengan kehendak-kehendak dan sistem pemulihan yang ada dalam negara kita sekarang? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang. Sebenarnya pandangan-pandangan Yang Berhormat tadi merupakan pandangan yang amat bernas. Daripada segi keberkesanan pusat serenti sebenarnya kementerian sendiri dan pihak Agensi Dadah Kebangsaan sendiri pun tidak berpuas hati dengan pencapaian mereka setakat ini. Kerana dari jumlah 88,000

lebih kurang yang dimasukkan ke pusat serenti, 66,000 kembali masuk ke pusat serenti selepas dilepaskan. Ini bermakna daripada setiap 4 orang yang dirawat dan dilepaskan, 3 akan balik ke pusat serenti, yang berpatah balik ini merupakan 75%.

Berkenaan dengan kaedah untuk mensyaratkan supaya ibu bapa menanggung kos pembiayaan anak-anak mereka di pusat serenti, Agensi Dadah Kebangsaan dan Majlis Dadah Kebangsaan sebenarnya telah berbincang berkenaan dengan perkara ini dan pernah perkara ini ditimbulkan. Cuma masalahnya ada sesetengah ibu bapa yang tidak mampu. Dengan itu pihak Majlis Dadah Kebangsaan dan Agensi Dadah Kebangsaan sedang membuat kajian untuk mewujudkan - oleh kerana penagih dadah, mereka ini dianggap sebagai pesakit, dirawat untuk dipulihkan. Maka oleh kerana ianya dirawat, ianya juga seolah-olah seperti rumah sakit ataupun hospital. Maka kita akan ada pusat serenti yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pusat pemulihan swasta.

Mereka yang ditangkap dan dihukum di mahkamah, mereka ada pilihan sama ada untuk pergi ke pusat serenti kerajaan ataupun ke pusat serenti swasta yang ditanggung oleh ibu bapa mereka sendiri dengan syarat-syarat yang akan dikenakan oleh Agensi Dadah Kebangsaan dan juga Kementerian Kesihatan. Ini sememangnya dalam kajian dan jika ianya boleh dilaksanakan, ianya akan dilaksanakan. Bagi mereka yang memilih untuk pergi ke pusat serenti sukarela ataupun pusat serenti yang dibiayai oleh ibu bapa, mereka boleh menggunakan kaedah 'feever capsule' dan tidak 'cold turkey' dalam kita mendetoksifikasi dadah daripada penagih-penagih ini, dan selepas itu ibu bapa juga akan

disyaratkan untuk menggunakan misalnya pil Naltrexone yang dianggap sebagai satu pill yang boleh mengurangkan gien kepada dadah. Kerana apabila kita mengambil pil ini, maka pil ini tidak ada kesan apabila penagih-penagih mengambil dadah. Jadi, penagih-penagih ini akan kekurangan gien mereka kepada dadah. Jadi, perkara-perkara ini sememangnya akan dikaji oleh Majlis Dadah Kebangsaan dan juga Agensi Dadah Kebangsaan, dan saya merasakan bahawa pandangan ini amat sesuai dengan pandangan yang telah pun disuarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan yang pernah diberikan dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Ini sebagaimana juga yang telah pernah dijelaskan adalah untuk menjamin supaya Malaysia terhindar dari sebarang ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat dan pembangunannya untuk mencapai tahap sebagai negara maju dan makmur di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri, dan bagi mana-mana teguran dan pandangan yang tidak dapat disentuh dalam jawapan saya tadi ianya akan tetap diambil tindakan dan diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian. Sebelum saya duduk, saya sekali lagi ingin menekankan di sini bahawa saya amat kesal kerana pihak DAP tadi membangkitkan berkenaan dengan isu yang paling kecil

untuk keluar Dewan hanyalah untuk mengambil kesempatan pilihan raya kecil di Sungai Bakap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Pengangkutan.

**4.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin**

**Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Yang Berhormat Menteri Pengangkutan lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Kementerian ini menghargai pandangan dan teguran yang telah diberikan semasa sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sepenuhnya dan akan disusuli untuk tindakan yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, dipohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan saya memberi penjelasan secara ringkas dalam masa yang terhad berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Sebelum itu saya ingin juga menyatakan rasa kesal dan dukacita di atas sikap tidak bertanggungjawab Ketua Pembangkang dan ahli-ahli pembangkang seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi yang mana dengan sengaja mencari publisiti murah untuk kempen pilihan raya di Sungai Bakap.

Mungkin agaknya mereka mendapati amat sukar untuk memenangi kawasan tersebut, maka mereka menggunakan Dewan yang mulia ini untuk kesempatan berkempen. Dengan meninggalkan Dewan yang mulia ini dengan alasan tidak berpeluang membahaskan Belanjawan 1998, sebenarnya mereka telah berbohong, kerana mereka sebenarnya telah diberi banyak masa untuk berhujah semasa peluang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua kepada mereka, tetapi mereka sering menggunakan masa yang lebih daripada masa yang ditetapkan. Kerana itu, mereka ini memang boleh dikatakan sebagai ‘anjing yang tersepit’ tidak boleh dibuat baik. Apabila mereka ingin menggunakan untuk sebab-sebab tertentu demi kepentingan mereka, mereka akan menggigit kembali kepada orang yang berbuat baik kepada mereka. Dengan itu, saya berharap pada masa depan eloklah Tuan Yang di-Pertua keras sedikit supaya mereka dapat mematuhi masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pokok Sena, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan telah membangkitkan isu tentang kenaikan bayaran pembaharuan lesen memandu. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Pokok Sena dan Petaling Jaya Selatan tadi mengenai kenaikan bayaran pembaharuan lesen memandu daripada RM20 kepada RM50, pada pandangan kerajaan kenaikan ini adalah wajar memandangkan bahawa bayaran sebanyak RM20 tersebut tidak pernah dinaikkan semenjak tahun 1970 lagi.

Bagaimanapun lesen memandu untuk motosikal yang biasa digunakan oleh golongan berpendapatan rendah tidak dinaikkan. Ianya kekal pada paras

RM20. Namun begitu, Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan sedang memberi pertimbangan atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak-pihak lain berkenaan kenaikan ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kepada kenaikan bayaran lesen memandu setelah hampir 30 tahun tidak pernah naik kerajaan berpendapat adalah wajar kalau kita tengok kepada bayaran lesen memandu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau seorang pemandu kenderaan perkhidmatan awam (KPA) dan juga kenderaan perdagangan, kenaikan RM50 ini amat terasa, sebab ia akan mengaitkan dengan kenaikan lesen PSV ataupun GDL berjumlah RM50 juga. Ini bermakna kenaikan RM50 untuk lesen memandu dan lesen GDL berjumlah RM100. Kemudian ditambah pula dengan fees untuk pemeriksaan doktor sebagai syarat wajib untuk membaharui atau buat baru PSV ataupun GDL. Mungkin seseorang pemandu kenderaan berat itu akan membelanjakan RM120 ke RM150 untuk satu tahun. Jadi, inilah yang menjadi bebanan kepada mereka, terutamanya pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan perdagangan dan sebagainya. Adakah kerajaan akan mengkaji semula perkara ini supaya ianya lebih adil dan lebih memberi manfaat kepada kenaikan tersebut?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Terima kasih kepada perhatian yang diberi oleh Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut sebentar tadi memang kerajaan memberi pertimbangan semula atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak-pihak lain terhadap perkara ini. Insya Allah, Yang Berhormat Menteri akan buat satu pengumuman pada masa yang sesuai di atas pandangan-pandangan yang diberikan.

Yang Berhormat dari Segambut telah meminta kerajaan mengkaji semula projek rel kereta api merentasi Asia kerana tidak memberi manfaat kepada rakyat. Adalah tidak tepat...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, ada yang bangun. Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Sebelum Yang Berhormat berpindah kepada topik yang lain, ini soal lesen juga. Saya pun setuju dengan Yang Berhormat dari 'jerebu', Jelebu, bukan jerebu, minta maaf. Jerebu di Sarawak naik lagi, sebab itulah saya sebut jerebu tadi.

Kalau kita nampak salah satu daripada pandangan kerajaan ialah orang yang membeli motor tidak dikenakan kenaikan harga lesen. Tetapi ada satu lagi kumpulan masyarakat yang menggunakan lesen ini sebagai satu cara pencarian hidupan mereka hari-hari. Macam mana Yang Berhormat dari Jelebu ada sebut, iaitu pemandu bas, pemandu teksi, pemandu kereta kerajaan dan sebagainya. Jadi, kalau kereta kerajaan ada kemungkinan kerajaan boleh

meminta supaya kerajaan membayar lesen supaya dia memandu kereta kerajaan. Tetapi kalau pemandu teksi secara peribadi, siapa hendak bayar. Jadi, soalan saya adakah kerajaan akan melihat semula, iaitu kalau seorang individu yang mampu membeli kereta-kereta besar, orang korporat, orang bergaji besar umpamanya dikenakan apa yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan, tetapi barang siapa mereka yang menggunakan lesen pemandu, salah satu daripada usaha mereka, mencari kehidupan harian, umpamanya pemandu teksi yang sekarang dikatakan naik harga teksi sedikit, dia sudah senang hati. Pada hari ini susah hati semula oleh kerana kerajaan naik semula harga lesen. Jadi, kerajaan beri sebelah sini dan tarik di sebelah sana pula. Saya bagi pihak pengguna teksi, saya ucapkan tahniah kepada kementerian tentang achievement to - improving taxi service sekarang nampak di Kuala Lumpur. Saya ucapkan tahniah kepada JPJ kesan yang baik kita nampak di kalangan pemandu teksi dan servis teksi di Kuala Lumpur. Tetapi sekarang sudah dengar rungutan baru yang keluar mengatakan kenapa pula kita yang usaha gunakan teksi ini, tetapi kita kena bayar lesen tinggi pula, tetapi kerajaan belum bercadang hendak naikkan harga tambang teksi semula. Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat bukan daripada satu segi sahaja, tetapi pandang pada segi-segi yang lain. Kalau kita tidak hendak turun semua, biarlah Ahli Yang Berhormat di Parlimen ini boleh bayar lesen pemandu macam yang dicadangkan, tetapi pemandu teksi, pemandu bas, pemandu kereta kerajaan, kalau kerajaan tidak bayar kena diturunkan selaras dengan pendapatan mereka. Terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Seperti yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa kerajaan sedang menimbang semula ataupun sedang menimbang semua pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kenaikan lesen memandu ini.

Saya menjawab semula jawapan Ahli Yang Berhormat dari Segambut. Adalah tidak tepat bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Segambut bahawa projek sambungan rel dari Singapura ke Kunming yang merupakan sebahagian dari rangkaian rel merentasi Asia tidak memberi manfaat kepada rakyat. Dengan terlaksananya projek ini, maka syarikat-syarikat binaan Malaysia boleh mengambil bahagian dalam kerja-kerja membina menaikkan taraf landasan kereta api yang berkaitan. Apabila siap kelak, sambungan rel ini akan meningkatkan urusan eksport dan import dengan menggunakan pengangkutan rel antara Malaysia dengan negara-negara Thailand, Myanmar, Cambodia, Vietnam, China dan seterusnya ke negara-negara Asia yang lain. Di samping itu, ianya juga akan mewujudkan kemudahan pengangkutan bagi penumpang-penumpang di negara-negara berkaitan. Dengan ini adalah jelas projek sambungan rel ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan juga negara.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Segambut juga menyatakan kurang puas hatinya dengan budaya kerja pemandu-pemandu di Malaysia, khususnya yang berada di lapangan terbang kerana perkhidmatan mereka kurang berorientasikan pelanggan dan dengan itu ianya perlu diperbaiki. Teguran Ahli Yang Berhormat ini akan diambil tindakan yang

sewajarnya. Namun demikian, saya suka menjelaskan bahawa perbincangan-perbincangan dan juga nasihat-nasihat sentiasa diadakan dengan pihak-pihak yang terlibat. Namun demikian, jika ada lagi kelemahan kita akan terus perbaiki pada masa-masa hadapan.

Yang Berhormat dari Larut telah menyatakan dukacitanya kerana LRT yang dibina tanpa menyediakan kemudahan kepada orang-orang cacat yang mana ianya bertentangan dengan konsep masyarakat penyayang. Berhubung dengan luahan perasaan dukacita Yang Berhormat dari Larut atas tiadanya penyediaan kemudahan untuk orang-orang cacat dalam sistem LRT, ingin saya menjelaskan bahawa kedua-dua sistem LRT yang dikendalikan oleh STAR dan juga PUTRA, kemudahan bagi orang-orang cacat dan tidak berkemampuan memang disediakan. Sistem LRT dan STAR telah memperuntukkan pelbagai kemudahan yang mengambil kira keperluan penumpang-penumpang yang kurang berkeupayaan seperti berikut:

- (i) kemudahan untuk penumpang yang kurang pendengaran, tanpa penglihatan dan buta warna disediakan dalam bentuk penglihatan, pendengaran dan juga penyentuhan, tanda-tanda dan profil, jalur-jalur berwarna, visual-audio, dengan izin, touch synergist dan profile colour stripe;
- (ii) semua sistem penerangan dan kecemasan adalah juga dalam bentuk pendengaran, penglihatan, iaitu audio-visual. Bagaimanapun, kerajaan telah mengecualikan penyediaan oleh STAR kemudahan bagi penumpang-

penumpang yang menggunakan kerusi roda atas pertimbangan-pertimbangan berikut:

- (a) dari segi keberkesanan operasi, sebarang kelewatan dalam masa antara train serta tempoh masa berhenti di stesen akan mempunyai impak negatif ke atas operasi keseluruhan sistem LRT. Sistem yang telah direkabentuk oleh STAR mampu membawa 36,000 penumpang satu jam sehala dengan dua minit dan dual time di antara 18 ke 25 saat.
- (b) Dari segi keselamatan sekiranya berlaku kecemasan, sistem yang direkabentuk oleh STAR mampu mengeluarkan 1,200 penumpang dalam masa 120 saat. Sebarang kelewatan akan mengancam keselamatan para penumpang. Dalam keadaan di mana kecemasan berlaku jauh daripada stesen, maka penumpang kerusi roda akan menghadapi kesulitan bergerak semasa pemindahan kecemasan penumpang-penumpang.

Ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ini, bahawa di negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, United Kingdom, Perancis dan Amerika Syarikat soal penyediaan kemudahan bagi pengguna-pengguna kerusi roda tidak timbul sama sekali. Bagi mereka yang ingin menggunakan kemudahan LRT, mereka boleh menggunakan atas tanggungan dan risiko

mereka sendiri yang mana pihak pengendalian perkhidmatan ini tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku kepada pengguna-pengguna berkerusi roda. Malah di Singapura pengguna-pengguna kerusi roda ini adalah dilarang menggunakan perkhidmatan MRT.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gaya dan Yang Berhormat dari Bandau, ingin saya menjelaskan bahawa cukai jalan bagi kenderaan jenis tersebut, iaitu jenis pacuan empat roda tidak dinaikan dalam Belanjawan 1998. Mungkin beliau tersilap yang dinaikkan ialah duti import. Yang Berhormat dari Gaya juga ada menyentuh mengenai isu pengubahsuaian kenderaan perdagangan yang memerlukan pelan lukisan asal dengan bayaran harga yang mahal. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Gaya supaya mengemukakan pelan lukisan asal bagi kenderaan perdagangan yang dikeluarkan sebelum tahun 1944 yang mana pelan lukisan asalnya sukar diperolehi, jika ada pun harganya mahal, perkara ini akan diteliti dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Berhubung dengan desakan supaya diteliti semula aktiviti PUSPAKOM yang sejak kebelakangan ini lebih mementingkan keuntungan dan tidak lari dari masalah penyelewengan, Kementerian Pengangkutan sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan maklumat-maklumat lanjut mengenai perkara ini untuk membolehkan kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat dari Hulu Langat meminta kenaikan cukai jalan motosikal berkuasa besar dikaji semula kerana ianya adalah lebih selamat di

samping mengurangkan kesesakan lalu lintas. Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat ini, ingin saya menjelaskan bahawa kenaikan cukai jalan bagi motosikal kategori ini adalah berpatutan dan tidak membebankan pemilik-pemilik motosikal tersebut. Mereka yang mempunyai motosikal jenis ini adalah terdiri dari golongan yang berkemampuan.

Yang Berhormat dari Jelevu meminta supaya kelonggaran diberi kepada pemegang lesen pemandu 'P' untuk mendapatkan lesen PSV dan GDL bagi memberi peluang kepada mereka untuk mencari pekerjaan. Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Jelevu saranan ini adalah sukar diberi pertimbangan. Ini adalah kerana tujuan seseorang pemandu baru disyaratkan menjalani tempoh percubaan selama dua tahun, adalah bagi memastikan mereka cekap dan berpengalaman memandu dan juga menghayati ciri-ciri pemanduan berhemat. Ini adalah lebih-lebih lagi jika seseorang pemandu tersebut memandu kenderaan perkhidmatan awam yang memerlukan lesen PSV dan pengangkutan barangan yang memerlukan GDL. Atas pertimbangan inilah maka kerajaan mensyaratkan seseorang pemandu yang ingin mendapatkan lesen PSV dan GDL hendaklah berumur tidak kurang daripada 21 tahun.

Yang Berhormat dari Pokok Sena membangkitkan tentang menu yang disediakan oleh pihak MAS kepada penumpang. Beliau mencadangkan ditukarkan menu ala-tempatan seperti makanan dan buah-buahan, sementara minuman beralkohol dikurangkan kerana boleh mendatangkan perkara-perkara yang tidak diinginkan jika diminum secara berlebihan di sepanjang perjalanan. Mengenai perkara menu penerbangan Malaysia ataupun MAS yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa MAS sememangnya menghadirkan makanan serta buah-buah tempatan dalam menu-menu atas penerbangan MAS. Saya fikir Yang Berhormat pun mungkin biasa jumpa.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya bangkitkan dalam Dewan ini bukan kerana menu. Menu makanan memang baik. Tetapi tentang ‘cock tail’, tentang minuman, dahulu bila saya bangkit tentang minuman, segala arak duduk dalam satu menu. Tetapi bila saya bangkit, sudah diasingkan tetapi diberi juga. Kepada orang Islam pun diberi juga. Saya ada bawa sekeping menu sebagai contoh hari itu. Maksud saya minuman arak tidak patut diperbesarkan, tetapi besarkan minuman-minuman tempatan yang halal misalnya air jambu, air limau, air belimbing (star fruit), selepas itu macam-macam jenis air yang ada di Malaysia yang halal. Kalau pun orang-orang puteh yang minum arak hendak minum benda-benda yang lain daripada itu, tulis kecil sahaja ‘kalau ada passenger yang ingin minum lain daripada buah-buahan ini sila berunding dengan air-hostess.’ Bukankah lebih baik. Sekarang ini beverages, segala screw driver, brandy, whisky itu yang besar tulisannya, tetapi minuman buah-buahan kecil sahaja di bawah itu, hujung sahaja, dia tidak tulis buah jambu dan sebagainya,

tidak ada. Yang ada semuanya whisky, brandy, arak, screw driver dan sebagainya yang saya mention hari itu. Ada nama 'screw driver'.

**Seorang Ahli:** Ada.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Itu yang saya maksudkan. Dahulu mengikut jawapan yang diberi semasa kami melawat, kerana kononnya dengan minuman arak ini orang suka naik. Orang suka naik MAS kerana ada minuman itu. Jadi, ini saya minta supaya - saya tengok tidak mungkin kerana minuman arak ini yang menyebabkan orang hendak naik MAS. Baru-baru ini ada bergaduh di New Zealand sebab dia minum. Dia balik satu kapal terbang dengan saya daripada London, saya turun di Kuala Lumpur mereka sambung naik sampai New Zealand. Saya tengok dalam news paper 71 nelayan daripada Polland tumbuk air steward MAS, kena dua bulan jail di New Zealand. Ini hasil daripada minuman keras di atas kapal terbang MAS kita. Terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat. Bagaimanapun, saya selalu naik, saya selalu nampak minuman buah-buahan tempatan. Saya tidak nampak yang brandy lebih dahulu. Bagaimanapun, kita akan ambil perhatian jika perkataan-perkataan minuman tempatan ini lebih kecil daripada minuman-minuman keras, kita akan lihat supaya minuman-minuman ataupun makanan-makanan tempatan itu lebih besar ditulis.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Berkaitan minuman tadi itu adalah untuk orang yang bukan Islam. Bagaimanapun, kita mengawal supaya mereka tidak minum berlebihan, kerana memang pramugari-pramugara MAS telah diberi latihan yang tertentu supaya kalau mereka minta pun dalam jumlah yang terhad.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan nampak. Yang ada tertulis di dalam menu itu takkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak nampak. Saya tidak nampak ada tulis tentang air jambu, air limau, tetapi yang ada segala whisky, brandy, di bawah baru ada minuman buah-buahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri naik kapal terbang mana? [*Ketawa*] Maksud saya international flight. Kita dapatkan menu itu macam booklet. Selepas itu ada sekeping tentang 'cock-tail' dipanggil. Nama pula 'cock-tail', ekor apa tidak tahulah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya selalu naik kapal terbang MAS untuk makluman Tuan Yang di-Pertua. Biasanya bila saya masuk sahaja sama ada kapal terbang dalam negeri atau luar negara, air pertama dia beri kepada saya air jambu, air berorientasikan....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Masya-Allah!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:**....dan satu lagi air mango. Itu yang selalu diberi kepada saya. Tetapi memang ada juga minuman keras tadi macam disebutkan. Jika memang tidak ditulis kita akan mengambil

perhatian supaya ditulis air jambu, air mango, air apple, air nenas dan sebagainya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan apa yang diberi kepada kita, tetapi apa yang tertulis dalam menu itu. Bukan dia beri kepada kita, memang kepada saya dia beri oren juice, air jambu. Bukan yang dia beri kepada kita, tetapi apa yang tertulis dalam menu, saya bawa hari itu tetapi saya beri kepada wartawan. Apa yang tertulis dalam 'cock-tail' itu, dia tulis segala brandy, whisky, screw driver, last sekali beer, selepas itu di bawah sekali baru ditulis minuman buah-buah tempatan. Itu maksud saya. Apa yang saya bangkitkan di sini supaya minuman-minuman air jambu, air limau ini dibesarkan, dan segala minuman 'cock-tail' ini dikecilkan. Jika ada passenger ataupun penumpang yang ingin minum lain daripada air buah-buahan itu sila urus dengan air-hostess. Maksud saya supaya tidak nampaklah sebuah negara Islam - maksud saya MAS flight, saya tidak peduli flight negara lain. MAS flight international. Dalam negara memanglah bila naik dia beri air oren sahaja, tambah pula kelas ekonomi, oren itu sahajalah. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Insyallah, kita akan ambil tindakan. Sengaja kita hendak dapat sedikit elaborasi yang jelas.

Walaupun terdapat beberapa pandangan daripada ramai pihak berkaitan dengan perkhidmatan MAS, bagaimanapun memang MAS sedang meningkatkan lagi prestasi MAS dalam memberi perkhidmatan yang baik, dan kita ingin mengucapkan tahniah kepada MAS kerana laporan akhbar hari ini

menyatakan bahawa MAS telah mengalahkan 67 syarikat penerbangan lain dan menjadi johan anugerah khas Kelas Bisnes Perjalanan Jauh (Long Hold Business Class). Dalam kelas kajian tahunan Business Junior Class 1997, anugerah ini berasaskan penilaian, kecekapan perkhidmatan semasa sarapan, tempoh dan juga gaya layanan dan kualiti perkhidmatan total yang diberi kepada pelanggan-pelanggan. MAS juga menang tempat kedua dalam perkhidmatan mesra, check-in dan kualiti serta utiliti.

Saya juga ingin maklumkan bahawa MAS juga telah mendapat tempat terbaik Perkhidmatan Kelas Pertama dalam kajian 1992 dan 1993 dan tempat pertama dalam cabin crew responsiveness and dress and style of the cabin crew dalam tahun 1994 - Survey Business Class.

Yang Berhormat dari Yan ada menyatakan bahawa semua kereta di lapangan terbang mesti pakai kereta nasional dan bukannya kereta import, dan MAS boleh bantu Sukom melalui paparan pada badan kapal terbang. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan mengenai cadangan MAS supaya bantu Sukom melalui paparan pada badan kapal terbang telah dikemukakan untuk pertimbangan pihak MAS.

Yang Berhormat dari Klang menggesa kerajaan merombak semula pengurusan MAS, Yang Berhormat beranggapan bahawa perkhidmatan MAS telah merosot adalah disebabkan status monopoli yang diberikan kepada MAS. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Klang ini, suka saya memaklumkan bahawa kerajaan sememangnya dari masa ke semasa memberi pandangan dan hasrat kepada MAS berhubung dengan usaha-usaha

untuk meningkatkan taraf perkhidmatan dan MAS secara amnya menunjukkan sikap positif terhadap pandangan dan nasihat kerajaan. Kerajaan juga telah membenarkan empat syarikat penerbangan yang lain, iaitu Air Asia, Trans Mile Air, Siaga Air dan Pelangi Air untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan berjadual di dalam dan di luar negeri.

Yang Berhormat dari Lumut meminta kerajaan membuat kajian untuk mengenakan cukai kepada pemilik kapal terbang dan jet eksekutif. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut ini, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan pada masa sekarang tidak bercadang mengenakan cukai ke atas pemilik kapal terbang dan jet eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan saya berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Suka saya memaklumkan bahawa bagi isu-isu yang belum mendapat penjelasan ianya akan diberi perhatian dan dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Saya bersedia untuk memberi penjelasan pada masa yang lain sekiranya perlu. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dan telah sudi meluang masa untuk memberi pandangan-pandangan yang baik supaya prestasi kementerian ini dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa untuk kepentingan orang ramai dan juga negara. Semua teguran dan cadangan akan diteliti dan tidak akan disia-siakan demi memastikan bahawa ianya mendatangkan manfaat kepada kementerian dan negara dalam melaksanakan

program serta rancangan pengangkutan negara pada masa kini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Kerja Raya.

**5.06 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Belanjawan 1998. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya menyentuh soal kadar tol. Isu ini telah menarik ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk berucap bagi membahas, membidas dan juga membuat cadangan masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Batu Gajah, Ledang, Klang, Kota Melaka, Bagan, Johor Bahru, Parit Buntar dan Senai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat biasa saya sendiri dapat merasakan kegelisahan dan kebimbangan akibat dari beban bayaran tol. Saya anggap penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan soal kadar tol sebagai satu cerminan rasa tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas kepentingan dan kebajikan rakyat jelata. Saya ucapkan terima kasih bagi pihak

rakyat Malaysia sekalian kerana kepekaan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat tunjukkan terhadap masalah dan kepentingan mereka.

Sebagai Menteri Kerja Raya yang bertanggungjawab ke atas lebuhraya yang diswastakan, saya telah memberikan penjelasan saya di dalam dan di luar Dewan ini berhubung dengan soal kadar tol. Memandangkan isu soal kadar tol ini masih dibangkitkan, saya sukalah mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk memberikan penjelasan saya supaya isu-isu yang berkaitan dengan penswastakan dan kadar tol yang dikenakan dapat difahami oleh semua.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, pembinaan lebuhraya melibatkan perbelanjaan tinggi, dengan izin, capital intensive, dan gestation period yang agak lama. Oleh yang demikian, dalam menimbangankan pelaksanaan projek melalui kaedah penswastakan, antara perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah daya maju projek, dengan izin, viability. Ini bermakna hasil pungutan tol mestilah mencukupi untuk membayar balik pinjaman di samping boleh memberikan pulangan yang munasabah untuk membiayai kos menaikkan taraf jalan, kos penyelenggaraan dan kos operasi.

Dalam hal ini, kaedah menentukan kadar bayaran tol ialah secara kenaikan berperingkat-peringkat di sepanjang tempoh konsesi. Cara kenaikan tol berperingkat ini merupakan kaedah yang paling sesuai kerana kadar bayaran tol permulaan adalah rendah dan tidak membebankan pengguna-pengguna. Kaedah ini juga dapat menggalakkan penggunaan jalan/lebuhraya bertol. Kenaikan kadar tol secara berperingkat, dengan izin, staggered di Lebuhraya Utara-Selatan telah diluluskan oleh kerajaan berkuatkuasa mulai 1 September

1996 setelah mengambil kira kesan dan beban kepada pengguna, beban kewangan yang ditanggung oleh PLUS dan unjuran trafik semasa.

Dalam menetapkan kadar tol yang terakhir ini, kerajaan telah bersetuju mengurangkan kadarnya lebih rendah dari yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Akibatnya kerajaan perlu membayar pampasan sebanyak RM150 juta di mana sebanyak RM50 juta telah ditunaikan. Bayaran pampasan perlu diberikan demi mengekalkan daya maju syarikat yang perlu menunaikan obligasinya kepada peminjam dan pengguna dari segi perkhidmatan yang berkualiti. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat menghujah bahawa syarikat konsesi patut menunaikan obligasi sosial dan tidak hanya memikirkan soal keuntungan sahaja. Justeru itu, syarikat konsesi harus menimbangkan untuk tidak menaikkan kadar tol demi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, perkara yang menjadi pertimbangan utama sesebuah syarikat ialah daya maju. Kita faham bahawa sesebuah syarikat itu juga perlu memikirkan soal obligasi sosial, tetapi pertimbangan ke atas perkara ini tidaklah harus menjejaskan daya maju syarikat berkenaan. Jika unsur obligasi sosial ini hendak dimasukkan di dalam perjanjian konsesi, perkara ini sewajarnya telah dimaklumkan kepada syarikat konsesi supaya ianya dapat dipertimbangkan bersama dalam mengukur daya maju projek.

Sebagai menteri yang bertanggungjawab saya sentiasa menekankan kepada syarikat-syarikat konsesi supaya memberikan perhatian ke atas obligasi sosial. Sungguhpun demikian, saya sangat peka bahawa obligasi sosial ini akan

hanya dapat dilaksanakan sekiranya sebuah syarikat itu meraih keuntungan. Sehubungan dengan ini, jika soal obligasi sosial ini hendak dijadikan sebagai syarat dalam perjanjian konsesi, ianya tentu mempunyai implikasi kos dan akhirnya memberi kesan juga ke atas penetapan kadar tol dan kemungkinan tempoh konsesi juga. Dalam apa jua hal pun, sekiranya syarikat konsesi yang ada sekarang ini didapati meraih keuntungan yang berlebihan, saya yakin kerajaan tidak akan membenarkan kenaikan kadar tol.

Mengenai cadangan supaya tempoh konsesi dilanjutkan bagi membolehkan kadar tol dikekalkan pada tahap sekarang, kita perlu mengambil perhatian bahawa tempoh yang dipersetujui sekarang mempunyai kaitannya dengan kemudahan pembiayaan oleh institusi kewangan. Pihak syarikat konsesi perlu memenuhi syarat-syarat pinjaman yang disalurkan oleh institusi kewangan dalam tempoh ditetapkan dan tempoh pembayaran balik tidaklah berasaskan tempoh konsesi. Pada biasanya tempoh bayaran balik ialah dalam lingkungan 10 hingga 15 tahun. Ini bermakna perlanjutan tempoh konsesi tidak mengubah obligasi syarikat konsesi untuk menyelesaikan bayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, adalah jelas bahawa perlanjutan tempoh konsesi tidak mempunyai kesan ke atas penetapan kadar tol.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga menyebut bahawa kadar bilangan trafik akan terus meningkat dalam tempoh konsesi dan akan memberikan pulangan yang berlebihan kepada syarikat konsesi. Ini hanyalah merupakan suatu unjuran. Dalam membuat unjuran ini, saya sukalah menarik perhatian

Dewan ini tentang projek-projek lebuhraya baru yang akan diswastakan, iaitu lebuhraya-lebuhraya tersebut termasuklah Lebuhraya Banting-Taiping, Gelah Patah-Gemas-Johor Bharu dan Kajang-Seremban. Siapnya lebuhraya-lebuhraya ini kelak dijangka akan memberi kesan ke atas bilangan trafik yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan. Oleh itu, unjuran-unjuran yang kita ramalkan hari ini dengan hanya melihat berasaskan pertumbuhan semasa, tidak boleh diterima sebagai suatu asas mutlak untuk menentukan bilangan trafik akan datang dan seterusnya menjadi faktor penentu kadar tol masa kini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan Dewan ini bahawa selain daripada pinjaman komersial, syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan juga mendapat kemudahan pinjaman kerajaan berjumlah RM1.5 bilion yang pihak itu perlu bayar balik mulai tahun 2003. Tanggungan ini sudah tentu akan membebankan lagi kedudukan kewangan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sangat peka ke atas kegelisahan rakyat terhadap isu kenaikan tol dan sedang meneliti soal ini dengan terperinci. Dalam menimbang soal kenaikan tol ini, kerajaan akan mengambil kira semua perkara yang saya sebutkan tadi dan juga mengambil kira segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh perkara-perkara lain yang juga dibangkitkan semasa perbincangan Belanjawan. Ahli Yang Berhormat dari Sibu menyentuh mengenai pembinaan Lebuhraya Pan Borneo

dan Jambatan Durin. Bagi tahun 1998 sebanyak RM3.8 juta diperuntukkan bagi tiga projek Lebuhraya Pan Borneo, iaitu projek Jalan Lutong di sempadan Brunei dan Jalan Limbang di sempadan Brunei dan Jalan Lawas-Temburung. Sebenarnya projek-projek ini adalah projek Rancangan Malaysia Keenam dan telah siap dibina. Peruntukan sebanyak RM3.8 juta ini adalah hanya untuk pembayaran pampasan tanah dan tuntutan kontrak yang belum diselesaikan lagi.

Walau bagaimanapun, dua projek baru untuk Lebuhraya Pan Borneo telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini adalah projek menaiktaraf Jalan Lawas, Merapoh dan projek Jalan Lutong, Kuala Baram. Kedua-dua projek ini telah diluluskan peruntukan sebanyak RM6.26 juta.....

**Tuan Michael Lisa Kaya:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Bukit Mas bangun. Dia hendak tanya barangkali.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan tadi bahawa Lebuhraya Pan Borneo di Limbang, sempadan Lawas dan Brunei sudah siap dibina. Sebetulnya, ini memang dalam kawasan saya. Tetapi saya selalu mengatakan pihak kerajaan negeri juga pernah melawat ke kawasan ini. Ada sebilangan tujuh kilometer jalan raya daripada terusan di Lawas ke sempadan Brunei belum lagi siap dibina, ini termasuk Pan Borneo. Saya minta penjelasan adakah peruntukan yang RM3.8 juta mencukupi untuk membina Pan Borneo? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini akan dimasukkan dalam projek-projek baru. Seperti saya kata peruntukan sebanyak RM6.26 juta dan RM20 juta masing-masing dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya percaya dengan peruntukan itu kita boleh juga mendapat penyelesaian untuk pembinaan projek itu.

Mengenai Jambatan Durin, ianya dijangka akan mula dibina pada pertengahan tahun 1998. Peruntukan yang disediakan untuk pembinaan Jambatan Durin dalam tahun 1998 ialah sebanyak RM28 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seremban menyentuh mengenai penswastaan bekalan air telah mendatangkan masalah kepada rakyat kerana gagal memberi perkhidmatan yang baik dan serentak itu membangkitkan soal kilang dan kuari yang dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan tadahan dan memberi kesan kepada kualiti air.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini hanya Jabatan Bekalan Air Kelantan diswastakan dan Jabatan Bekalan Air Johor dikorporatkan, manakala negeri-negeri lain belum diswastakan. Apa yang berlaku sekarang di negeri-negeri seperti Selangor, Kedah, Perak dan Negeri Sembilan ialah penswastaan perkhidmatan bekalan air yang tertumpu kepada kemudahan sumber air, iaitu empangan dan operasi rawatan loji air sahaja. Cara pengendalian penswastaan seperti ini lebih merupakan konsep kontrak mengurus operasi loji air. Melalui cara ini, pihak syarikat konsesi hanya merawat air mentah dan kemudian menjualkan air bersih itu kepada Jabatan Bekalan Air Negeri. Pihak Jabatan Bekalan Air Negeri masih

bertanggungjawab terhadap pengurusan semua sistem agihan dan perkhidmatan pengguna termasuk pungutan hasil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, negeri Selangor dan Negeri Sembilan sedang dalam proses rundingan menswastakan bekalan air secara keseluruhan. Dalam rundingan penswastakan, kedua-dua negeri tersebut, Jawatankuasa Penswastakan yang diketuai oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan bahawa terma-terma perjanjian konsesi nanti akan menjaga kepentingan kerajaan dan juga pengguna. Perkara ini juga telah diberikan perhatian khusus dalam penggubalan enakmen bekalan air yang baru, di mana semua peruntukan pengawalan serta penyeliaan pengurusan syarikat konsesi telah dikemaskini ke arah ini. Adalah dijangka kualiti perkhidmatan bekalan air yang diswastakan itu akan turut meningkat.

Berkaitan dengan perlindungan dan pengawalan pembangunan di kawasan tadahan air, ianya adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Pada masa kini, terdapat banyak pembangunan berlaku di dalam kawasan hulu sungai berhampiran loji air. Perundangan berhubung dengan pencemaran adalah mencukupi dan isu kini ialah untuk menguatkuasakan undang-undang pencemaran sungai oleh kilang-kilang dan pembangunan lain. Ini melibatkan kerjasama banyak jabatan kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan. Satu laporan lengkap mengenai krisis bekalan air, khususnya di Lembah Kelang telah disediakan oleh kementerian saya untuk dimaklumkan kepada Jemaah

Menteri di mana beberapa langkah penyelesaian masalah yang berkaitan dimuatkan untuk perhatian dan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang membangkitkan mengenai jalan-jalan yang baru diturap telah dikorek semula oleh TNB dan Telekom. Tidak dinafikan terdapat kes-kes di mana jalan raya dikorek oleh TNB, Telekom atau JBA.

**Dato' Hon Choon Kim:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sebelum Yang Berhormat pergi ke Ledang, tentang bekalan air. Dalam perbahasan saya, saya minta kementerian atau kerajaan buat satu kajian tentang bekalan air untuk masa yang akan datang sama ada cukup atau tidak untuk dibekalkan kepada pengguna pada masa yang akan datang. Sebab kita tidak mahu pada satu masa nanti timbul masalah kerana tidak cukup air, ini satu bab.

Kedua, saya hendak tanya dari segi pengawalan. Tadi Yang Berhormat sebut pengawalan patutlah dijalankan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, apa jenis koordinasi atau coordination di antara jabatan-jabatan berkenaan supaya memastikan bahawa peristiwa yang berlaku di Hulu Kelang ini tidak berulang di tempat-tempat lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya telah mendapat banyak masalah dari beberapa negeri dan selepas itu kita mengkaji untuk mendapatkan satu badan untuk menjaga bekalan air bukan sahaja di dalam negeri, tetapi daripada satu negeri ke negeri yang lain di mana

kita tidak ada air. Jadi, kita telah mencadangkan untuk mengadakan satu Lembaga Air Persekutuan, bukannya kita menarik balik hak kerajaan negeri. Tetapi tidak ada kerajaan negeri yang bersetuju. Bila ada masalah, lari untuk meminta wang. Bila kita mencadang tidak mahu dengar. Sekarang pun kita juga ada banyak masalah. Suka saya juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tahun 1998 kekurangan air iaitu 4%, bererti 100 milion liter air kurang daripada pembekalan, apa yang kita boleh buat. Kita tidak boleh buat apa-apa oleh kerana tiap-tiap negeri suka menjaga kepentingan sempadan mereka. Jikalau ada juga, satu negeri air yang banyak, ada juga negeri tidak ada air. Oleh kerana itu, kerajaan telah meluluskan kepada satu syarikat pakar perunding untuk mengkaji. Kajian itu sedang dijalankan. Saya sendiri telah mengadakan perbincangan dengan....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya selesai dahulu dengan Ahli Yang Berhormat. Saya sendiri telah mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar negeri Selangor berkenaan dengan masalah ini. Sekarang kita telah mencadang kepada Jabatan Perdana Menteri, jangan kita tunggu untuk projek-projek dari negeri Selangor sahaja. Saya percaya Wilayah Persekutuan, satu kawasan yang sedang membangun dengan pesat, mesti mengadakan tanggungjawab untuk membekal air kepada penduduk-penduduk dalam Wilayah Persekutuan ini, oleh kerana ada juga satu rancangan baru tetapi kita belum umumkan lagi. Sila.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa dari segi permasalahan yang dihadapi oleh kementerian yang mana pihak negeri yang kita tahu dari segi kuasa mutlak menentukan air biasanya dahulu kerajaan negeri. Dengan adanya konsep penswastaan sekarang ini yang mana kita tahu dua negeri, iaitu negeri Selangor dan Negeri Sembilan dalam proses penswastaan, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan dinasihatkan dia tidak dengar. Saya ingin mendapat penjelasan untuk menentukan bahawa bekalan air adalah satu-satunya sumber yang sangat penting dalam hidup kita, iaitu air amat penting, andainya kementerian yang bertanggungjawab di seluruh negara ini tidak didengar oleh kerajaan negeri, di mana lagi kita hendak mengadu? Permasalahan ini saya rasa ada kelemahan di satu tempat atau di mana pihak pun, wajar sekiranya pihak kementerian sebagai Kerajaan Pusat dapat setidaknya memberikan satu pandangan, bimbingan kepada negeri-negeri. Kalau esoknya semua negeri boleh buat, di mana kedudukan pihak kementerian sebagai badan bertanggungjawab di negara ini di peringkat kementerian?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga banyak kerajaan negeri suka menswastakan bekalan air sebagai suka hati, tidak payah rujuk kepada Jabatan Perdana Menteri pun. Jabatan Perdana Menteri kena memberi peringatan kepada mereka semua projek seperti ini mesti dirujuk kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) satu-duanya masalah yang besar. Contohnya, negeri Sabah, suka hati sahaja swastakan semua tempat yang mana kita ada masalah air, sudah jadi swasta, beri kepada beberapa syarikat. Air

yang dibersihkan oleh syarikat itu kerajaan ambil alih untuk membekal, membuat ratikulasi, jual kepada rakyat. Tetapi kita bayar RM170 juta, kita kutip daripada rakyat RM30 juta sahaja. Tiap-tiap tahun kita rugi RM130 juta. Tidak ada orang peduli berkenaan dengan itu.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Libaran bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Orang Sabah saya boleh jawablah.

Sabar sedikitlah Sabah! Oleh kerana itu saya telah bangkitkan perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada EPU dan kita telah mengadakan beberapa peperangan dengan negeri itu, *[Ketawa]* peperangan sebelum kita boleh selesaikan masalah ini. Pada akhirnya baru sahaja dua bulan yang lalu Jabatan Perdana Menteri telah menghantar kertas kerja kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri bersetuju untuk mengadakan penswastan bekalan air ke seluruh negeri Sabah. Saya percaya dengan kebenaran Tuhan, insya Allah, saya harap kita boleh selesaikan masalah dalam negeri Sabah.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Libaran.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okay, sila Sabah.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Saya cuma ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah penswastan ini berlaku dalam kerajaan sekarangkah atau kerajaan sebelumnya? Kedua, saya cuma ingin tahu sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk

menubuhkan satu badan agar perkara ini tidak lagi menjadi masalah di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ini kedua-dua kerajaanlah - kerajaan lama separuh, kerajaan baru lebih separuh. *[Ketawa]* Jadi, jikalau kita ada apa-apa aduan berkenaan dengan mereka, saya percaya itu saya akan bangkitkan dalam Jemaah Menteri, tak payah saya bincang di sini. Satu lagi saya akan membawa Lembaga Air Persekutuan ini sekali lagi kepada perhatian kerajaan-kerajaan negeri tidak lama lagi. Masa itu saya harap kita akan dapat kelulusan daripada semua kerajaan, ini bukan bererti kita menaruh balik hak mereka untuk menjual, mendapat keuntungan daripada itu tetapi tiap-tiap negeri boleh juga menjual air kepada negeri yang lain yang tidak mencukupi air. Mereka boleh juga mendapat pendapatan mereka walaupun sudah dikurangkan tetapi kita mesti ada satu badan untuk menjaga saluran-saluran air dari satu negeri kepada yang lain. Ini ada dalam timbangan, saya akan bangkitkan kepada Majlis Menteri-menteri Besar tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan terdapat kes-kes di mana jalan raya dikorek oleh TNB, Telekom atau JBA bagi memasang peralatan-peralatan seperti kabel dan paip air. Walau bagaimanapun, sebelum kerja pengorekan tersebut dijalankan, pihak-pihak terbabit perlu mendapat kebenaran pihak berkuasa. Agensi tersebut akan bertanggungjawab menurap semula jalan tersebut seperti yang disyaratkan oleh pihak berkuasa setelah kerja-kerja pengorekan dijalankan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah kementerian saya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertahanan. Sebelum daripada itu ada Usul. Silakan Yang Berhormat.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usul yang memohon supaya mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam, hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

**DAN**

**USUL**

## **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Kementerian Pertahanan.

**5.36 ptg.**

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh di dalam perbahasan Belanjawan negara 1998 berkenaan dengan tugas Kementerian Pertahanan.

Saya hanya ingin menjawab perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah agar Angkatan Tentera Malaysia dilengkapi dengan senjata dan peralatan yang canggih seperti negara jiran kita yang kecil yang telah melengkapkan Angkatan Tentera negaranya dengan Fire Power, suka saya memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap program pemodenan Angkatan Tentera Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedang melaksanakan program pemodenan ATM yang mana antaranya bertujuan melengkapkan keupayaan ATM dengan peralatan dan teknologi canggih dan terkini termasuklah menyediakan infrastruktur, mempertingkatkan latihan bagi anggota ATM dan menyusun semula struktur organisasi ATM.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan tidak berhasrat dan tidak bercadang untuk menjadikan pembangunan Angkatan Tentera negara-negara jiran sebagai pengukur di dalam membangunkan dan memodenkan Angkatan Tentera Malaysia. Program-program pembangunan ATM akan dijalankan mengikut keperluan negara bagi membolehkan Angkatan Tenteranya melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara yang paling efektif.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Pertahanan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, ya.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya sudah tutup baru pula hendak bercakap! *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baru pukul 5.30! Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sebab saya sering bertanya mengenai masalah pertahanan dan sering ditolak soalan-soalan termasuklah yang disebutkan tadi mengenai rancangan ATM. Walaupun saya setuju bahawa kita mesti menyimpan rahsia keselamatan, tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan sedikit

sebanyak mengenai persepsi ancaman, konsep sekuriti dan doktrin operasi yang digunakan untuk mengadakan rancangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat kerana di dalam tempoh tujuh tahun ini kita telah memperuntukkan lebih RM15 bilion untuk pembangunan ATM.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas saya cuba menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, malangnya Yang Berhormat tidak ada di sini. Jadi kalau selepas itu kalau hendak suruh saya menerangkan berkenaan persepsi, doktrin peperangan, ini akan mengambil masa yang agak panjang. Jadi, saya fikir buat masa ini mencukupilah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:**

*[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Okay.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Yang Berhormat Menteri Pertahanan jangan dok jawab benda-benda yang pelik sebab Kepong ini dia spy!

*[Ketawa]*

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tadi saya ingat Kepong dia semua keluar, merajuk sekejap. Dia tak sama dengan DAP, masuk dalam Barisan Nasional senang sedikit. *[Ketawa]* Ahli DAP kena jaga-jaga sedikit dengan Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pokok Sena kerana mengingatkan bahawa ada spy. Jadi, perkara-perkara yang dibangkitkan yang saya tidak dapat sentuh akan saya ambil perhatian dan kita akan sentiasa memberikan pandangan dan akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut keperluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

**5.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan perkara-perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbincangan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Sebahagian daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telahpun diberi penjelasan semasa sesi Soal Jawab di Dewan yang mulia ini. Meskipun demikian, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang projek MSC dan Internet baik dari aspek pembangunan IT, keselamatan informasi dan akses dan kesan baik buruknya penggunaan Internet.

Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa projek MSC tetap akan diteruskan oleh kerajaan. Kerajaan juga akan terus memberi perhatian dan menjalankan usaha-usaha promosi secukupnya untuk menjayakan projek ini. Ini termasuk memastikan minat pelabur asing untuk bertumpu kepada projek ini dan beberapa usaha lagi untuk memastikan bahawa momentum yang dibangunkan bagi projek tersebut akan terus wujud. Projek ini juga akan diberikan profile yang luas dan tinggi termasuk di luar negeri melalui usaha-usaha promosi seperti road show, pameran-pameran dan persidangan-persidangan mengenainya.

Satu aspek yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan MSC serta juga IT keseluruhannya ialah peningkatan usaha-usaha untuk mewujudkan critical mass, dengan izin, yang diperlukan bagi mempercepatkan pembangunan IT di negara kita. Antara usaha-usaha adalah meningkatkan laluan kepada komputer peribadi (PC) dan peningkatan pengetahuan dan kecekapan menggunakannya khususnya dalam kerja-kerja harian termasuk urusan-urusan perniagaan dan pentadbiran. Pemberian rebate dan juga cukai sebanyak RM400 untuk pembelian komputer peribadi boleh menyumbangkan kepada tujuan tersebut. Pada masa yang sama kerajaan akan terus memainkan peranan leadership melalui aplikasi flagships kerajaan berelektronik sebagai usaha menggalakkan penguasaan penggunaan IT di kalangan rakyat. Di samping itu kerajaan akan terus berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai yang dapat menggalakkan penggunaan IT dalam semua aspek

ekonomi dan sosial melalui memperkenalkan rangka kerja perundangan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini komputer peribadi.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tertarik kepada usaha untuk menarik pelabur dan juga untuk mewujudkan rakyat Malaysia sebagai celik kepada komputer dan juga satu road show untuk mencapai critical mass. Boleh Yang Berhormat mempertimbangkan sekiranya kita ada rombongan misalnya di AIPO - kita akan adakan satu perhimpunan pada minggu yang ketiga bulan September, minggu yang terakhir September, dan kita akan ada ahli-ahli Parlimen dari ASEAN dan bilangan itu mungkin 400 orang, bolehkah kita buat satu road show lagi untuk masa ini menunjukkan kebolehan DAP - bukan DAP, kebolehan kerajaan, *[Ketawa]* Kita tolong sedikitlah, kita hendak menjayakan MSC, ada itu terlajak lidah sedikit, bukan terlajak fikiran, otak tu betul.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah semua ahli Parlimen akan datang ke sini, bolehkah pihak kementerian mengaturkan program-program yang cukup untuk menunjukkan begitu hebatnya IT kita?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana dia begitu

berani untuk menolak arahan dari ketuanya untuk boycott keluar dari Parlimen sebentar tadi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini komputer peribadi merupakan satu laluan yang terpenting untuk ke Internet. Internet merupakan satu laluan kepada penggunaan urusniaga, perangkaian dan nadi kepada rangkaian yang membolehkan kita menembusi rangkaian pelbagai maklumat, gambar, informasi, data dan sebagainya dengan begitu pantas sekali termasuk bahan-bahan lucu yang tidak diingini. Bahan-bahan tersebut boleh didapati sama ada secara terbuka mahupun secara tertutup.

Memandangkan hal ini adalah amat sukar untuk penguatkuasaan undang-undang dijalankan bagi mencegah laluan ke halaman-halaman yang tidak dikehendaki, maka kawalan kepada laluan terhadap sesuai halaman Internet adalah terletak kepada pengguna sendiri atau institusi keluarga. Di samping itu ia juga banyak bergantung kepada daya ketahanan diri seseorang itu yang dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan asas dan agama seterusnya. Oleh itu kita perlulah bijak memilih serta menggunakan Internet untuk tujuan-tujuan yang positif dan bermanfaat.

Perlu ditegaskan bahawa beberapa negara telah berusaha untuk menghalang program negatif dan bersifat sensitif supaya tidak ditembusi oleh masyarakat atau golongan-golongan tertentu melalui penggunaan peralatan 'fire-walls', dengan izin, namun begitu usaha-usaha ini tidak berkesan. Oleh itu perkara penting di sini adalah aspek penghidupan, disiplin diri dan peningkatan kesedaran tentang implikasi unsur-unsur

negatif yang tersebar melalui Internet. Usaha-usaha ini akan dilaksanakan dan diberikan penekanan selari dengan usaha-usaha pembangunan di bawah agenda IT.

Satu lagi aspek penting dari segi usaha membangunkan dan menjayakan projek MSC ialah persoalan keselamatan maklumat yang terdapat dalam rangkaian komputer khususnya dengan mengambil kira kejadian-kejadian hacking dan authorised access, dengan izin, yang pernah berlaku beberapa kali bukan sahaja di luar negara kita tetapi juga di Malaysia sendiri. Kita sedar bahawa pengguna-pengguna perlu mempunyai keyakinan untuk menggunakan network bagi tujuan perniagaan dan juga urusan-urusan yang melibatkan maklumat-maklumat sulit di Malaysia. Hal ini juga dipengaruhi sejauh mana pengguna-pengguna akan menggunakan network termasuk perkhidmatan aplikasi-aplikasi seperti yang dirancang di bawah MSC.

Tindakan-tindakan yang sedang diambil ialah dengan mewujudkan 'fire-walls' tertentu. Dari segi perundangan kita telahpun ada Computer Crimes Act dan juga Digital Signatures Act. Di samping itu, kementerian sedang dalam memproses menggubal satu rang undang-undang yang dipanggil Data Security Act.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Timbalan

Menteri ada menyatakan isu penapisan dalam Internet ini terpulang kepada pengguna semata-mata manakala kerajaan tidak akan mengambil sesuatu apa pun untuk kita menapis. Kalau tidak semua, sekurang-kurangnya peringkat pertama atau kedua untuk menapis kerana kadang-kadang kita nampak anak-anak kita yang bersekolah sudah ada PCnya sendiri, kadang-kadang perkataan ataupun dokumen membawa maklumat-maklumat yang tak harus mereka ini dapati.

Adakah penapisan pada peringkat itu tidak boleh dilaksanakan oleh kerajaan langsung? Mungkin penapisan dalam layer, dengan izin, tiga dan empat mungkin susah sebab ia ada talian atau rangkaian-rangkaian tertentu tetapi perkataan-perkataan yang tertentu yang membawa gambaran atau maklumat yang lucu adakah ini tidak boleh diusahakan langsung oleh kerajaan, adakah kita semata-mata kita kata 'the onus of scientific', dengan izin, terpulang kepada pengguna semata-mata, maka kita penggunanya. Kalau pengguna itu macam kita, mungkin, tetapi kalau pengguna itu terdiri dari anak-anak murid kita, anaka-anak sekolah kita, maka tidak kita cuba juga menapis sekurang-kurang pada peringkat lapisan yang pertama atau kedua. Saya minta sedikit penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pengalaman dan usaha-usaha dalam aspek ini yang telahpun dijalankan oleh negara-negara lain, memang sukar bagi kita mengadakan penapisan dari segi teknikal, memang susah. Seperti saya sebutkan tadi selain dari diri

sendiri, institusi keluarga akan memainkan peranan yang penting sekali dalam aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha sedang dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi penggunaan Internet di kalangan rakyat. Salah satu usaha tersebut adalah melaksanakan tarif perkhidmatan Internet yang kompetitif. Tarif perkhidmatan Internet yang sedang berkuatkuasa ialah RM1.50 sejam bagi pengguna-pengguna persendirian dan pelajar-pelajar manakala tarif untuk pengguna-pengguna organisasi ialah RM2.40 sejam.

Sebagai perbandingan kadar sejam penggunaan Internet di negara-negara lain, ialah misalnya di Jepun 1 jam ialah RM6.25; di Mexico RM11.25; Jerman RM9.25; Britain M8.00 dan New Zealand RM7.50. Dengan itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tarif perkhidmatan Internet di Malaysia adalah antara yang paling rendah dan kompetitif di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ledang telah menyentuh perkara berkaitan pembaziran tenaga elektrik yang diakibatkan oleh pihak-pihak kerajaan tempatan yang tidak menutup lampu jalan apabila hari telah siang. Beliau telah menyeru untuk menghentikan pembaziran seperti ini. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos amat bersetuju di atas seruan Yang Berhormat dari Ledang. Pembaziran sedemikian bukan sahaja berbentuk wang tetapi juga berbentuk sumber-sumber asli kita terutamanya gas yang digunakan dengan banyaknya untuk menjana elektrik. Pembaziran ini akan memendekkan lagi jangka hayat sumber tersebut. Selain daripada itu pengurangan pembaziran elektrik akan juga mengurangkan leasing, dengan

izin, ke udara kerana penjana elektrik dari bahan seperti gas, arang batu dan minyak mengeluarkan gas-gas 'green house', dengan izin, yang mencemar alam sekitar dan memberi kesan buruk kepada cuaca.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sukacita saya menegaskan di sini bahawa segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya nyatakan di sini satu persatu akan diberi perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**5.53 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Marang, Yan, Gelang Patah, Tambun, Larut, Kluang, Johor Bahru, Rompin, Libaran, Labuan dan Muar yang telah memberikan teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat

dari Tanjong mendakwa bahawa cadangan kenaikan cukai CBU, CKD kereta-kereta motor dalam Belanjawan 1998 akan menguntungkan Proton dalam masa jangka pendek. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan untuk menaikkan cukai CBU, CKD kenderaan bermotor adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan dan seterusnya mengurangkan import. Ini akan membantu mengurangkan jumlah defisit dalam akaun semasa imbalan bayaran negara.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat dari Maran mengenai tindakan penambahan import simen bagi menangani masalah kekurangan simen, beliau mencadangkan kerajaan bersikap lebih serius mengurangkan import demi perkembangan industri tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, pengimportan simen yang dibuat dalam tahun 1997 merupakan langkah jangka pendek untuk menampung keperluan permintaan simen yang melebihi permintaan tempatan. Bagi tahun 1997 dianggarkan sebanyak 2.3 juta metrik tan simen akan diimport berbanding dengan pengeluaran tempatan sebanyak 15.5 juta tan metrik bagi menampung permintaan simen sebanyak 17.8 juta metrik tan setahun. Bagi tahun 1998 pula berikutan dengan peningkatan kapasiti pengeluaran kilang-kilang sedia ada dan kilang-kilang baru mulai beroperasi adalah dianggarkan negara akan mempunyai lebih bekalan simen sebanyak 1.3 juta metrik tan setahun. Ini berdasarkan jangka peningkatan pengeluaran simen tempatan pada 20.89 juta metrik tan berbanding dengan permintaan yang dianggarkan sebanyak 19.58 juta metrik tan setahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat dari Yan supaya peruntukan IKS sebanyak RM1 bilion digunakan untuk mengenal pasti projek yang sesuai untuk dimajukan. Ingin dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa peringkat pegawai yang ditubuhkan di Perbendaharaan Malaysia masih lagi berbincang kaedah-kaedah pelaksanaan dana ini. Namun begitu, dana ini adalah untuk membangunkan projek-projek IKS yang terlibat dalam rancangan industri sokongan di sektor perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah supaya Malaysia menguasai penuh teknologi pembuatan kereta nasional, sukacita dimaklumkan bahawa ini adalah satu usaha yang sedang giat dibuat oleh Proton dan juga Perodua. Proton telah mencapai kandungan tempatan sebanyak 80% dari segi kuantiti dan sedang meningkatkan peratusan ini dengan mengeluarkan bahan-bahan yang mempunyai kandungan tempatan dan teknologi yang tinggi seperti cylinder block, crank shaft dan cam shaft, dengan izin. Adalah dipercayai bahawa dengan pembuatan keluaran-keluaran seperti di atas, Malaysia boleh meningkatkan penguasaan teknologi pembuatan kereta.

Yang Berhormat dari Tambun telah menyarankan supaya usaha untuk mempertingkatkan produktiviti mutlak perlu dijalankan dengan meninggikan proses automasi dalam kaedah-kaedah pengeluaran industri. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya menyedari bahawa usaha untuk mempertingkatkan produktiviti mutlak perlu dijalankan dengan meninggikan proses automasi dalam kaedah-kaedah pengeluaran industri.

Justeru itu, kerajaan melalui Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) telahpun menekankan keperluan penggunaan teknologi perkilangan termaju, penyusunan semula sistem dan kaedah perkilangan, program transformasi tenaga kerja bagi menggalakkan kemahiran dan penekanan kepada kualiti dan piawaian dalam reka bentuk dan pembangunan produk.

Kerajaan telahpun mewujudkan pelbagai program dan insentif untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti pengeluaran perkilangan khususnya kepada Industri Kecil dan Sederhana. Program tersebut termasuklah Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi, Skim Peningkatan Kualiti, Program Tabung Bantuan Teknikal, Program Dana Perolehan Teknologi dan Program Dana Pengkomersialan, Penyelidikan dan Pembangunan.

Kerajaan juga menggalakkan kegiatan P&P ataupun R&D melalui program penumpuan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan dan Skim Geran Perindustrian dengan menyediakan bantuan kewangan kepada institusi P&P dan juga swasta bagi membiayai aktiviti P&P dalam bidang yang telah dikenal pasti di bawah IMP2 iaitu elektronik terkini ataupun advanced electronic, dengan izin, bioteknologi, automasi dan sistem pengilangan fleksibel optik elektro dan optik bukan linear, bahan terkini (advanced material), auto electronic, kejuruteraan perisian, sumber tenaga lain dan ruang angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan dalam Rancangan Malaysia Keenam kerajaan telahpun membangunkan kawasan perindustrian

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seluas 87 ekar di Kuala Kangsar, Perak. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) bercadang untuk menumpukan pembangunan tapak perindustrian .....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik Pulau bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bercakap tentang produktiviti, tadi Yang Berhormat telah menyenaraikan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan produktiviti. Semasa perbincangan dasar tempoh hari saya telah menimbulkan kerunsingan saya tentang walaupun telah dikenal pasti bahawa perlunya kita tingkatkan produktiviti dan telah dilaksanakan berbagai-bagai langkah seperti Yang Berhormat senaraikan tadi. Kalau kita tengok angka NPC kita lihat bahawa TFP (Total Factor Productivity) negara ini sebenarnya pada hari ini menunjukkan trend yang menurun. Maknanya dari segi total productivity kita dalam dua tiga tahun kebelakangan ini peratusan pertumbuhan perentasenya telah menunjukkan bukannya semakin tinggi dalam pada kita memberi penekanan tetapi semakin merendah. Ini menimbulkan kerunsingan kepada kita kalau kita sedar ini satu perkara yang kita perlu beri perhatian dan kita telah katakan kita lakukan berbagai-bagai langkah untuk kita tingkatkan, tetapi ia masih lagi rendah.

Perkara ini saya telah katakan dalam perbahasan tadi dan saya mohon sedikit penjelasan kenapa benda seperti ini berlaku walaupun kita sedar ianya penting dan kita telah melakukan berbagai perkara untuk meningkatkannya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Tuan Yang di-Pertua, dari segi formulanya produktiviti adalah output dibahagi dengan input. Jadi setakat mana kita dari segi perbadanan ataupun NPC akan cuba memastikan agar produktiviti khususnya output itu dipertingkatkan. Saya telah menyatakan tadi langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak NPC dan langkah-langkah ini akan terus diperbaiki untuk memastikan agar produktiviti secara menyeluruh dapat dipertingkatkan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa produktiviti tidak meningkat dengan kadar peningkatan dari segi wages dan sebagainya tetapi saya rasa usaha-usaha sedang pun dijalankan dan sekiranya Yang Berhormat dari Balik Pulau ada cadangan bagaimana untuk mempertingkatkan aktiviti ini, saya rasa ianya boleh dikemukakan.

Untuk menyambung tadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) bercadang untuk menumpukan pembangunan tapak perindustrian di IKS di kawasan kelompok-kelompok industri yang telah ditentukan mengikut kumpulan industri tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kluang mengenai pembangunan industri kecil dan sederhana disambut baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang pertama, insentif-insentif yang disediakan untuk Industri Kecil dan Sederhana meliputi semua bidang baik industri berasaskan pertanian dan makanan mahupun industri-industri lain seperti automotif, perkapalan, mesin dan kejuruteraan elektrik dan elektronik dan industri kimia dan petrokimia malahan selain daripada insentif-insentif yang disediakan secara am ada juga disediakan skim pinjaman mudah iaitu Skim Pinjaman Mudah Peningkatan Kualiti yang dikendalikan oleh Bank Pembangunan dan Skim Automasi dan Modenisasi yang dikendalikan oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad, kedua-duanya pada kadar faedah 4%.

Kedua, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) yang telah ditubuhkan melalui Akta 579 dan mula beroperasi pada 2 Mei 1996 adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai pusat tumpuan dan rujukan bagi keseluruhan pembangunan IKS di negara ini. Ketika ini SMIDEC tidak mempunyai pejabat-pejabat cawangan dan maklumat-maklumat mengenai IKS kini disalurkan melalui pejabat-pejabat cawangan MITI di seluruh negara. SMIDEC telah mengambil bahagian dalam beberapa siri seminar, woksyp dan pameran-pameran di seluruh negara sebagai usaha SMIDEC menyebarkan maklumat mengenai program-program dan insentif-insentif yang disediakan untuk IKS.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:**

*[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sedikit penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat dari Jerantut - Setiausaha Parlimen yang baru dari Jerantut, syabas, menjawab dengan baik. Tentang SMIDEC ini kita di kawasan luar bandar seperti Yang Berhormat sendiri selalu tertanya-tanya bila membangunkan IKS, pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, kita mahu juga penglibatan daripada masyarakat luar bandar. Sekarang syabas kepada kementerian menubuhkan satu badan SMIDEC yang khusus membangun IKS tetapi dari segi usaha hendak membangunkan Industri Kecil dan Sederhana di luar-luar bandar, adakah SMIDEC bercadang untuk menubuhkan juga pusat-pusat pembangunannya atau pejabat-pejabatnya di luar bandar sebagai contoh, atau apakah usaha membangunkan industri IKS di luar-luar bandar khusus. Kalau hanya sekadar diberi dalam bandar mungkin dari segi kos tenaga kerjanya tinggi, kos barang dan sebagainya tetapi kalau di luar bandar mungkin lebih mampu, peluang untuk membangunkan IKS mungkin lebih baik. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Terima kasih kepada sahabat saya dari Rompin. Kami makan nasi sekawah semasa di hostel. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, memang ini menjadi satu dasar

kementerian agar kita pastikan industri tidak hanya bertumpu kepada kawasan Pantai Barat khususnya di Lembah Kelang dan kita amat menggalakkan agar pertumbuhan industri ini disamaratakan di peringkat Industrial Corridor di sebelah timur dan juga di Sabah dan Sarawak. Jadi, sama ada SMIDEC mahupun kementerian sendiri amat menggalakkan sama ada ianya di Rompin mahupun di Jerantut ataupun di kawasan-kawasan yang lain. Saya percaya Muazzam kini banyak terdiri kilang-kilang sekarang ini semenjak Ahli Yang Berhormat dari Rompin menjadi wakil rakyat di sana.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, SMIDEC peka terhadap kehendak pengusaha IKS yang memerlukan prosedur-prosedur insentif dan bantuan yang ringkas dan mudah. Dalam hubungan ini, usaha-usaha memperkemaskan prosedur-prosedur pentadbiran sentiasa dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Rompin supaya MITI menjadi pusat yang boleh mengawal keperluan barang-barang import, MITI telahpun melaksanakannya. Sebagai permulaan, satu inventori meliputi senarai lengkap mengandungi nama, alamat serta jenis jentera berat dan peralatan alat ganti yang boleh dibekalkan oleh pengeluar serta pembekal tempatan telah disediakan. Ini bertujuan untuk dijadikan sumber rujukan kepada mana-mana pengimport supaya mendapatkan bekalan dari pembekal tempatan terlebih dahulu. MITI hanya akan menimbang dan meluluskan permohonan jentera berat jika tidak dapat diperolehi dari sumber tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin bangun pula, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dari segi pelaksanaan menyediakan pusat di mana boleh dikawal kemasukan barang-barang import. Saya hendak bertanya, kalaulah syarikat-syarikat pembuatan tempatan bersaing dengan alat-alat atau produk-produk yang dibuat di luar negara dibawa masuk secara tidak disedari, adakah mereka ini boleh mengemukakan rayuan atau kompelin mereka kepada kementerian? Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, tidak disedari ini macam mana, dia diselup malamkah? Sebabnya segala bentuk alat ataupun jentera berat mesti mempunyai AP ataupun permit untuk mengimport. Jadi kalau ia tidak disedari, diselup dalam kapal selam, macam mana saya tak faham?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung sedikit. Apa yang saya maksudkan saya pernah dengar syarikat pembuatan tempatan, dalam satu projek yang besar, projek itu, katakan kerusi sebagai contoh, supaya satu jenis spesifikasi itu hanya dibuat di luar negara sahaja. Oleh kerana itu kontraktor projek itu membawa kerusi daripada luar negara, sebagai contoh. Ini di KLIA saya dimaklumkan, kerusi itu boleh dibuat di tempatan tetapi

oleh kerana spesifikasi dalam projek itu mengatakan kerusi itu mesti begini, begini, begini, terpaksa dibawa daripada luar negara. Ini yang saya kata tak disedari tadi. Oleh kerana kontraktor tidak ada pilihan, dia terpaksa membekalkan kerusi itu, kalau tidak ia membekalkan barang yang tidak diluluskan oleh kontrak. Itu yang saya katakan tidak disedari. Banyak lagi contoh-contoh lain, Yang Berhormat. Saya yakin kalau Yang Berhormat mengatakan kementerian bersetuju untuk menerima laporan atau kompelin, saya rasa ramai yang akan menulis surat kepada Yang Berhormat nanti.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya dari Rompin. Ini adalah mengikut spesifikasi yang diberikan kepada Bahagian Kontrak, Kementerian Kewangan. Jadi, maknanya misal Bahagian Kontrak menerima spesifikasi daripada pakar perunding yang mengatakan terpaksa kerusi diimport, saya rasa boleh jadi pihak Kementerian Kewangan patut lebih arif dalam perkara ini. Tetapi dari segi prinsipnya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak pastikan bahawa barangan Malaysia digunakan setakat mana yang boleh, macam saya katakan tadi sekiranya tidak ada barangan Malaysia yang boleh digunakan ataupun boleh mengambil tempat yang diperlukan, maka terpaksa diimport.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jerlun.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tumpang tanya, jika ada kilang-kilang tempatan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak boleh sebut ‘tumpang’.

*[Ketawa]*

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Ya, penjelasan. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, orang Kedah macam itu, Tuan Yang di-Pertua, ‘tumpang’lah, ‘tenggek’lah! Ada industri-industri tempatan yang mengeluarkan barang-barang, komponen, spare-parts dan sebagainya yang boleh dibekalkan tetapi dalam masa yang sama kementerian membenarkan jenama ataupun komponen yang sama diimport. Apabila diimport masuk, industri tempatan ini diberi macam-macam kemudahan tetapi dari segi persaingan akhirnya orang ini dia tak hendak beli komponen daripada tempatan, dia masih juga hendak beli yang diimport. Jadi, apa dasar kementerian dalam hal ini untuk hendak protect perusahaan-perusahaan tempatan ini? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, seperti juga soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Rompin, ini saya rasa lebih mirip kepada Kementerian Kewangan tetapi saya ingin menegaskan bahawa bagi kerajaan selagi barangan itu dibuat dalam negara ini, saya rasa kerajaan akan memberikan penumpuan kepada barangan tempatan dahulu dan pihak private ataupun pihak swasta akan dipujuk untuk memastikan agar barangan tempatan didahulukan berbanding dengan barangan yang diimport. Itu saya rasa sebagai prinsip dari segi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung. Ahli Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan mengenai persediaan negara

menghadapi proses liberalisasi ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, liberalisasi akan dilaksanakan secara beransur-ansur selaras dengan tahap kemajuan yang dicapai oleh sektor berkenaan. Sektor-sektor yang kurang berkeupayaan bersaing tetapi penting kepada pembangunan ekonomi negara akan dikecualikan atau diberikan perlindungan sementara.

Tuan Yang di-Pertua, MITI ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, Muar dan Libaran yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berhubung dengan perdagangan luar Malaysia serta cadangan yang telah diberikan bagi meningkatkan eksport Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia menjalinkan hubungan terus dengan syarikat-syarikat pengimport di luar negeri. Melalui cara ini peranan orang tengah akan dapat dikurangkan. Program-program dijalankan bagi mencapai tujuan ini meliputi penghantaran rombongan-rombongan dalam galakan perdagangan ke luar negeri, penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa, penganjuran lawatan pembeli ke Malaysia ataupun Incoming Buying Mission, pengedaran pertanyaan-pertanyaan perdagangan dari luar negeri kepada pengeksport Malaysia serta penyebaran maklumat-maklumat dari kajian pasaran. Melalui program-program ini para pengeksport Malaysia dapat berhubung terus dengan pembeli-pembeli dari luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Muar, MATRADE adalah sebuah agensi yang ditubuhkan untuk membantu sektor swasta meningkatkan eksport mereka ke pasaran luar negeri dan tidak bersaing dengan mereka. Oleh yang demikian, MATRADE tidak perlu diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Muar juga iaitu kerajaan perlu menggubal semula Dasar Perindustrian Negara dengan memberi insentif-insentif bagi industri-industri tertentu seperti industri pertanian, barang perantaraan (intermediate goods) dan barangan modal (capital goods) untuk mengatasi nilai import yang kian meningkat dan adalah dimaklumkan pada bulan November 1996 MITI telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) yang menggariskan Dasar Perindustrian Negara bagi 10 tahun akan datang iaitu tahun 1996 hingga tahun 2005. Pelan ini merangkumi semua aspek pembangunan sektor industri termasuklah aspek insentif eksport bekalan bahan-bahan mentah dan khidmat sokongan. Pelan Induk ini juga mengenal pasti bahawa sistem insentif yang sedia ada akan dikaji semula untuk dijadikan lebih relevan dengan objektif IMP2 dan memenuhi keperluan kelompok-kelompok industri termasuk insentif-insentif bagi industri tertentu seperti pertanian, barangan perantaraan dan barangan modal.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima

kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian.

**6.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Marang, Kubang Krian, Senai, Kangar, Balik Pulau, Kluang, Tawau, Libaran, Bukit Bintang, Santubong juga Lubok Antu dan Jelebu telah membangkitkan soal peningkatan import bahan makanan yang kian bertambah serta mencadangkan supaya langkah-langkah tertentu diambil oleh pihak kementerian.

Saya juga menjelaskan bahawa kerajaan sebenarnya telah dan sedang mengambil tindakan serta langkah-langkah ke arah mempertingkatkan hasil pertanian negara khasnya dalam bidang pengeluaran makanan. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah:-

- (a) mewujudkan zon-zon pertanian dan akuakultur yang sesuai di setiap negeri untuk mempertingkatkan lagi

pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil ternakair (akuakultur);

- (b) menggalakkan penubuhan taman-taman agroteknologi di negeri-negeri untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan dengan menggunakan teknologi tinggi;
- (c) mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pengembangan dalam projek berkelompok dan mini estet dalam usaha mempertingkatkan hasil pengeluaran buah-buahan/sayur-sayuran oleh pekebun-pekebun kecil;
- (d) meningkatkan hasil perikanan laut dalam dan kemudahan infrastruktur di kompleks-kompleks pendaratan ikan di seluruh negara;
- (e) memperluaskan program kejenteraan ladang serta meningkatkan prasarana pertanian seperti sistem pengairan dan saliran dan jalan-jalan ladang di kawasan jelapang padi;
- (f) memberi tumpuan kepada R&D dalam usaha meningkatkan produktiviti bahan-bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran makanan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dasar Pertanian Negara memang menggalakkan sektor swasta terutama dalam bidang pertanian komersial seperti estet getah, sawit dan lain-lain, mencebur diri dalam subsektor ternakan dan pertanian bahan makanan. Di antara usaha-

usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Pertanian adalah seperti berikut:

- (a) mengadakan perbincangan untuk menggesa syarikat-syarikat perladangan khususnya syarikat-syarikat kepunyaan Perbadanan Nasional Berhad (PNB) untuk menggalakkan syarikat-syarikat tersebut menceburi dalam bidang pengeluaran makanan;
- (b) meminta kerajaan-kerajaan negeri mengambil tindakan untuk menubuhkan taman agroteknologi sebagai langkah memudahkan individu dan syarikat swasta melabur dalam sektor pertanian;
- (c) memberi insentif serta khidmat nasihat kepada sektor swasta yang ingin menceburkan diri dalam pelaburan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang R&D dalam bidang pengeluaran makanan, pihak MARDI telah menjalankan berbagai-bagai penyelidikan termasuklah dalam teknologi makanan, bioteknologi, komoditi seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi, koko dan ternakan serta telah dapat memperkenalkan hasil penyelidikan yang boleh dikomersialkan. MARDI juga telah menghasilkan teknologi 'cloning' dan 'bioteknologi' yang merupakan pendekatan terkini untuk pengeluaran jenis-jenis tanaman bermutu tinggi seperti kejayaan-kejayaan memasukkan gen-gen asing ke dalam jenis-jenis padi Malaysia dan mewujudkan pokok-pokok padi yang

tahan kepada serangan penyakit atau virus di samping mengatasi masalah-masalah lain dalam usaha meningkatkan hasil padi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menggalakkan sektor swasta membiayai kerja-kerja R&D bagi pengeluaran makanan, ianya merupakan satu cadangan yang baik, di samping insentif untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam R&D sudah pun ada. Contohnya dalam usaha untuk membangunkan usahawan dalam industri pemprosesan makanan, MARDI telah melaksanakan empat program iaitu Skim Anak Angkat, Skim Pengembangan, Skim Projek Khas dan Konsultasi.

Sebanyak 38 buah syarikat telah diambil sebagai 'anak angkat' MARDI untuk mengeluarkan berbagai produk dan 282 buah syarikat telah mengikuti program pengembangan. Di bawah Skim Projek Khas, sebanyak 19 buah syarikat telah mendapat bantuan dan latihan teknikal manakala 15 buah syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) pula telah mendapat khidmat konsultasi. Bagi pihak-pihak yang tidak berkesempatan berhubung dengan MARDI mereka boleh mendapatkan terbitan MARDI mengenai penyelidikan dan buku-buku panduan yang boleh membantu para usahawan menceburi diri dalam bidang pertanian dan perniagaan. Selain daripada itu, MARDI juga telah menjalankan penyelidikan bersama-sama dengan syarikat-syarikat swasta dan anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan lagi aktiviti pengeluaran bahan makanan, kerajaan telah menubuhkan dana khas iaitu Tabung Untuk Makanan atau 'Fund For Food' (3F) beberapa tahun dahulu. Sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pembiayaan dengan syarat-syarat yang mudah untuk aktiviti pengeluaran bahan makanan. Dana ini merupakan satu skim pinjaman yang menarik dengan kadar faedah yang rendah iaitu hanya 4% setahun serta tempoh bayaran balik selama lapan tahun manakala jumlah pinjaman minimum sebanyak RM50 ribu. Sehubungan ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mac 1997 sebanyak RM295.90 juta daripada peruntukan pertama 3F berjumlah RM300 juta telah diluluskan bagi membiayai 1,034 buah projek. Saya yakin dengan usaha-usaha seperti ini serta sokongan padu daripada pihak swasta usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan akan berjaya dan dapat mengatasi masalah imbalan pembayaran yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan soal adanya syarikat perikanan laut dalam yang menyalahgunakan lesen mereka dengan mendaratkan hasil tangkapan mereka di pelabuhan-pelabuhan negara jiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pendaratan ikan di pelabuhan perikanan di negara jiran adalah kecil dan terkawal. Sehubungan itu adalah dianggarkan kira-kira 14% daripada 564 buah.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tolong Timbalan Menteri ini bercakap panjang sangat, berhenti sekejap, relax dan jawab soalan ini. Saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap hal buah-buahan, sayur-sayuran pengeluarannya dan sekarang berpindah ke soal ikan. Jadi, saya soal hal buah dahulu. Jadi, soal buah ini, Tuan Yang di-Pertua, galakan kerajaan untuk menanam buah itu memang banyak. Hari kelmarin Timbalan Menteri ada membuat satu jawapan menunjukkan orang Malaysia kurang makan buah-buahan Malaysia, jadi buah ini ditanam banyak tetapi orang tak makan. Orang masih makan epal, makan grapes, makan pear dan makanan-makanan import. Jadi, saya hendak bertanya Timbalan Menteri mengenai soal kempen galakan makan buah Malaysia yang dibuat oleh kementerian beberapa tahun dahulu dan masih berjalan dan macam mana prestasinya. Saya bertanya ini ialah berlandaskan apa yang saya sendiri perhatikan atau observed di hotel-hotel besar, lima bintang, empat bintang, satu bintang, tiga bintang, berapa bintang pun buah-buahan tempatan yang disajikan tetapi malangnya umpamanya kalau buah nenas, yang disajikan berbentuk macam kiub, nenas ini yang diadakan masa muda, jadi bila disajikan buah nenas ini ia rasa masam, tak enak macam nenas yang kita buat di rumah sebab nenas yang kita hidangkan di rumah itu nenas yang sudah masak. Nenas yang disajikan di hotel adalah nenas yang muda. Jadi, kalau kita hendak galakkan pun siapa manusia yang hendak makan nenas

yang masam macam itu, walaupun nenas Sarawak sekali pun, kalau disajikan di hotel, ia rasa masam juga kerana nenas muda yang disajikan. Begitu juga pisang, berapa banyak orang suka makan pisang rastali tetapi bentuk pisang rastali ini kalau ia masak, ia semakin hitam macam ini. Orang Sarawak sebut pisang ini pisang ‘emas keling’ sebab ia enak, sedap tetapi hitam sedikit. Jadi,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jepun tak terima hitam macam tu!

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh kerana pisang macam itu, chef di hotel yang dilatih di Switzerland, di negara Eropah yang anggap semua pisang ini mesti kuning jelebu, putih jelebu. Jadi ia mesti putih seputih-putihnya, kuning sekuning-kuningnya, tidak ada berbintik-bintik hitam tetapi yang berbintik hitam adalah pisang rastali yang sedap. Tetapi pisang ini tidak boleh disaji di hotel oleh kerana chef yang diprint di Eropah, di England di mana-mana itu tidak menerima pisang ini sebagai pisang yang enak, yang sedap boleh dimakan. Jadi macam mana kita promosi, kita promosikan orang makan makanan tempatan tetapi buah yang kita saji di hotel-hotel, yang kita tunjuk kepada pendatang luar buah Malaysia ini tak boleh dimakan, yang masam, yang sedap, yang pahit, semua ada keluar, to us is low quality buahnya. Jadi saya berpendapat kalau kita pandang di hotel-hotel besar saya berharap pihak kementerian macam mana kita mengatasi masalah pandangan chef yang dilatih yang telah bekerja di hotel-hotel, tiap-tiap hotel lima bintang, empat bintang, tiga bintang ini menerima buah-buah yang low quality, buah-

buah yang tak enak, tak sedap dimakan. Jadi ini akan membantutkan kempen kita 'Makan Buah Malaysia'. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Memang ada kebenaran sebahagian apa yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat. Setengah-setengah hotel kita agak kurang berminat sedikit untuk menghidangkan buah-buahan yang mempunyai kualiti yang terlebih baik. Mungkin juga kerana untuk mendapatkannya agak susah, tidak konsisten dari segi supplynya. Namun demikian, memang kempen 'Makanlah Buah-buahan Malaysia' akan diteruskan oleh kementerian saya dan insya-Allah, kita akan memberi tumpuan kepada hotel-hotel supaya hidangan-hidangan sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan itu akan dapat ditingkatkan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang sungutan dari wakil Marang tadi, saya mengatakan bahawa hanya kira-kira 14% sahaja daripada 564 buah vesel perikanan laut dalam yang dilesenkan yang dipercayai mendaratkan ikan mereka di pelabuhan-pelabuhan negara jiran, terutama di Thailand. Kebanyakan vesel-vesel yang bermasalah ini adalah dari negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor. Kerajaan melalui agensi-agensinya telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ledang, Kubang Kerian, Kangar dan Selangau mengenai kenapa subsidi harga padi tidak dinaikkan, suka saya memaklumkan bahawa.....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun lagi.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri mengenai dengan tangkapan ikan ini. Daripada bilangan lesen laut dalam yang diberikan, berapakah yang betul-betul beroperasi di kawasan Malaysia ini. Kita tahu bahawa ada satu kawasan iaitu di kawasan Terumbu Layang-layang yang kita panggil kawasan zon eksklusif untuk perikanan, berapa buahkah yang beroperasi di kawasan itu? Jadi saya minta penjelasan, kerana kawasan ini kita tahu bahawa memang begitu berpotensi tinggi dan ikan-ikan di situ tidak dipedulikan, tidak ditangkap, orang kampung kata dia mati beragan, mati tua oleh kerana tidak kena tangkap. Kalau bolehlah, di Sabah kita minta galakkan supaya nelayan-nelayan tempatan ini diberi peluang ataupun dipandu supaya mereka boleh mengerjakan tangkapan laut dalam ini.

Bagi nelayan-nelayan di pesisiran pantai memang ikan juga banyak oleh kerana terumbu karang begitu baik di kawasan antara pesisiran pantai daripada Miri hingga ke Kudat, iaitu pantai barat Sabah sehingga ke kawasan Terumbu Layang-layang. Tetapi masalah yang timbul adalah mengenai dengan aktiviti mengebom ataupun menangkap ikan dengan bahan letupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, minat saya memang memancing tetapi bila kita pergi, kadang-kadang kita begitu sakit hati. Bila kita memancing ikan, dekat bot kita ini orang memasang bom ikan dan sedang dalam keadaan rancak ikan mematak ataupun memakan kail kita, bila bom meletup dia terus senyap. Perkara ini memang begitu berleluasa dan meluas khususnya di Sabah. Baru-baru ini pun dirampas ikan-ikan yang dijual di pasar, dia digunakan dengan

bahan letupan ataupun ikan-ikan yang dibom. Kita minta pertolongan daripada Jabatan Perikanan dan Kementerian Pertanian Malaysia kerana kemampuan Jabatan Perikanan Sabah untuk mengawal aktiviti mengebom ikan ini tidak boleh dijalankan oleh kerana kekurangan penguatkuasaan. Jadi kita mintalah Jabatan Perikanan Malaysia supaya menambah ataupun mempertingkatkan aktiviti mencegah tangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan dan juga racun.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada satu cara baru menangkap ikan, dia gunakan spray. Ikan itu dia spray ataupun udang kara itu dia spray, ikan ini pengsan lebih kurang 10 minit. Masa dia pengsan itu, dia tangkap, dia bawa masuk dalam perahu, selepas itu ikan itu hidup balik. Jadi, ini teknik baru yang digunakan oleh nelayan-nelayan khususnya nelayan asing. Jadi, kita mintalah supaya dapat diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir sampai masanya nanti nelayan-nelayan pesisiran pantai ini kehilangan punca pendapatan kerana terumbu-terumbu karang yang dahulunya cantik, yang banyak ikan, sekarang ini telah ranap habis. Ini kita dapat lihat sendiri. Saya selalu memancing menggunakan alat yang dipanggil Sounder. Kawasan itu dahulunya begitu cantik dengan batu karang dan ikan banyak di situ, tetapi bila kita pergi sebulan selepas itu, kita tengok sudah jadi rata, tidak ada bukit-bukit batu karang. Ini menunjukkan kawasan itu telah pun dibom ataupun digunakan bahan letupan.

Yang penting di sini Jabatan Perikanan, kita mintalah dipertingkatkan untuk mencegah dan tindakan yang lebih keras kepada nelayan-nelayan yang

tidak bertanggungjawab ini, yang cukup menyakitkan hati. Kita rasa sedikit masa lagi bila karang-karang ini telah habis, ikan pun tidak mahu datang ke tepi dan nelayan-nelayan pesisiran pantai terpaksa akan hilang punca pendapatan dan ikan pun makin mahal. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sipitang. Saya belum sampai lagi ke tempat pengeboman ikan, insya-Allah, akan sampai. Selepas itu, berapa peratus bot-bot yang dilesenkan itu mengadakan kegiatan penangkapan ikan, minta maaf, saya tidak ada angkanya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang teguran Ahli-ahli Yang Berhormat mengapa subsidi harga padi tidak dinaikkan. Suka saya memaklumkan bahawa kadar pemberian Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) telah dinaikkan daripada RM16.50 setiap 100 kilogram dalam tahun 1980 kepada RM24.81 dalam tahun 1991 iaitu kenaikan sebanyak 50%. Dengan kenaikan kadar ini dan kerana pertambahan hasil padi, jumlah pemberian SSHP telah meningkat daripada RM17.7 juta dalam tahun 1981 kepada RM411 juta dalam tahun 1996. Penambahan subsidi adalah tidak bersesuaian dengan usaha-usaha liberalisasi dan perdagangan bebas. Oleh itu, pihak kerajaan sedang mengkaji untuk menyusun semula pakej pemberian bantuan dan subsidi supaya ianya selaras dengan komitmen di bawah WTO. Strategi jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani adalah menerusi peningkatan produktiviti dan kualiti serta usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu bekalan baja yang dikendalikan oleh NAFAS tidak sampai kepada kumpulan sasar, suka dinyatakan bahawa pemberian baja subsidi kepada pesawah yang diamalkan sekarang adalah berasaskan kepada dasar yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu semua peladang sama ada pengusaha, penyewa atau pemilik pengusaha yang mengerjakan sawah seluas 6 ekar ke bawah layak diberi bantuan subsidi baja.

Berasaskan dasar, peraturan dan proses pemberian baja kepada pesawah yang ditetapkan itu, kementerian ini dapat memberi jaminan bahawa petani yang berdaftar layak menerima subsidi baja. Untuk makluman, sehingga kini pihak kementerian dan agensi-agensinya tidak pernah menerima aduan atau laporan daripada pesawah-pesawah yang telah berdaftar dengan pihak PPK bahawa mereka tidak diberi subsidi baja. Sekiranya terdapat pesawah-pesawah yang berdaftar yang layak menerima subsidi baja mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan tetapi tidak menerimanya, pihak kementerian sentiasa bersedia menerima aduan daripada pesawah yang berkenaan dan akan membuat siasatan yang terperinci terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gaya pula telah membangkitkan masalah menggunakan bahan letupan untuk menangkap ikan iaitu mengebom ikan di negeri Sabah, sepertimana juga yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat dari Sipitang sebentar tadi, sehingga menjejaskan sumber ikan di sana. Beliau menyeru agar tindakan serta pasukan petugas khas ditubuhkan bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan dengan lebih berkesan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam hal ini saya suka menyatakan bahawa lebih kurang 95% daripada nelayan yang terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan secara haram menggunakan bahan letupan itu adalah merupakan nelayan asing terutamanya Filipina yang bermastautin di pinggir pantai Sabah. Sejak dari tahun 1991 hingga 1996 sebanyak 563 kes tangkapan telah dibuat di Sabah oleh pelbagai agensi penguatkuasaan maritim kebangsaan dan mereka ini telah disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 26(1)(c) Akta Perikanan 1985. Penggunaan peralatan menangkap ikan secara haram bukan sahaja terhadap kepada penggunaan bom, tetapi terdapat juga penggunaan racun sianid (cyanide).

Isu berhubung dengan penggunaan kedua-dua cara penangkapan ikan ini telah sering dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Operasi Maritim (JBOM) dan Kumpulan Penyelarasan Bertindak Maritim (KPBM), iaitu di bawah kelolaan Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Jabatan Perdana Menteri. Beberapa program dari Kementerian Pertanian untuk menyedarkan serta mendidik para nelayan dan orang awam telah dirancang untuk membanteras kegiatan tersebut. Antara lain program yang dirancang adalah seperti mengadakan kempen-kempen bagi mencegah penggunaan cara menangkap ikan yang diharamkan seperti penggunaan bom dan racun melalui media massa.

Selain daripada itu, kementerian ini menerusi Jabatan Perikanan juga mengadakan dialog dengan para nelayan di beberapa lokasi di seluruh negeri

Sabah bagi memaklumkan aktiviti alternatif bagi pengusaha-pengusaha cara menangkap ikan selain daripada menggunakan bom dan racun. Keadaan pantai yang panjang serta berliku-liku, perairan yang luas dan pulau-pulau yang banyak telah mengakibatkan pergerakan yang menyeluruh tidak dapat dilaksanakan dengan aset dan kakitangan jabatan yang terhad bagi mengawal aktiviti pengeboman dan penggunaan racun bagi penangkapan ikan ini. Agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia juga telah diminta untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan ke atas aktiviti pengeboman dan penggunaan racun untuk menangkap ikan.

Di samping itu juga, kementerian ini menerusi Jabatan Perikanan telah menghantar sebuah lagi kapal ronda iaitu dari siri yang paling besar dalam jabatan, ke Wilayah Persekutuan Labuan khususnya bagi membantu membanteras kegiatan yang tidak sihat ini. Walau bagaimanapun, pergerakan kapal ronda Jabatan Perikanan tidak akan dapat dijalankan pada tahap yang unggul kerana kekurangan ruang dan juga peruntukan dari masa ke semasa, insya-Allah, akan ditambah. Kerjasama yang lebih erat dari penduduk serta nelayan yang prihatin serta pengembangan dan pendidikan untuk menggalakkan amalan yang betul adalah amat diharapkan. Para wakil rakyat khususnya lebih rapat mendampingi masyarakat di tepi-tepi pantai boleh juga membantu usaha Jabatan Perikanan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Jerlun yang berpendapat sektor pengeluaran jagung perlu diadakan bagi menampung pengeluaran makanan negara, suka dijelaskan bahawa dalam tahun

1996 negara telah mengimport sebanyak RM1.4 bilion jagung dan 94% daripada pengimportan ini adalah untuk makanan ternakan. Walaupun nilai pengimportan jagung adalah tinggi, cadangan mempertingkatkan pengeluaran jagung bagi menampung pengeluaran makanan negara sukar digalakkan, memandangkan kos pengeluaran jagung dalam negara ini adalah tinggi berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai kawasan tanah yang luas dan rata yang memudahkan penggunaan mesin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut pula telah menyentuh tentang harga sayur, ikan dan daging yang dikatakan terlalu mahal terutama seperti di Johor. Ini menurutnya adalah kerana kebanyakan ikan tempatan dihantar ke negara jiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan memang sedar tentang masalah kenaikan harga barangan makanan, terutama harga ikan. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah benar kenaikan itu disebabkan kesan eksport ikan ke negara luar. Ini kerana faktor eksport dan import ikan adalah seimbang dari tahun 1988 hingga 1995. Malahan eksport telah menyumbang lebih dagangan kepada pihak Malaysia kerana ikan yang dieksport adalah bernilai tinggi jika dibandingkan dengan ikan yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kenaikan harga ikan adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) pengeluaran ikan pada keseluruhannya adalah di paras mendatar atau sederhana;

- (ii) permintaan terhadap ikan meningkat, mengatasi pengeluaran;
- (iii) pertambahan penduduk sedangkan pengeluaran ikan tidak berubah; dan
- (iv) perubahan sikap pengguna yang lebih gemar memakan ikan daripada memakan daging.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah pun membuat kajian semula di mana beberapa strategi baru telah diperkenalkan bagi menambahkan lagi hasil pengeluaran perikanan negara, iaitu dengan mempertingkatkan lagi penglibatan pihak swasta dan ahli-ahli korporat di dalam bidang pengeluaran ikan bagi mengadakan ternakan ikan laut terbuka dan juga kegiatan-kegiatan di lombong-lombong yang ada di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian mengambil maklum dengan saranan Yang Berhormat dari Teluk Intan dan Bukit Bintang supaya usaha dijalankan bagi mengeluarkan hasil pengeluaran ternakan seperti daging lembu, supaya harga tidak meningkat dan seterusnya dapat mengurangkan kadar inflasi yang dijangka meningkat sekiranya tidak dikawal.

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Saya ingat ini yang penghabisan sebab saya ada satu dua perkara lagi.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Minta penjelasan sedikit tentang usaha kementerian menggalak ternakan ikan sangkar di sungai. Apakah rancangan yang telah disediakan oleh kementerian dan apakah insentif yang diberi untuk mereka yang berusaha dalam bidang tersebut. Adakah mereka juga layak untuk memohon Tabung 3F? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Sehingga ini memang perusahaan ternakan air dalam sungai ini ialah boleh dikatakan 80% daripada kegiatan kita sedang berjalan di sungai-sungai, tetapi di akhir-akhir ini kementerian merasa tidak begitu senang hati kerana banyak pencemaran berlaku dan selalu ternakan-ternakan ikan dalam sangkar di sungai-sungai telah mati dan mengakibatkan kerugian yang besar kepada penternak-penternak. Jadi, sebab itu kita beralih kepada laut luas supaya pencemaran itu tidak akan dapat merosakkan sumber ikan sebagaimana yang telah dijalankan di negara-negara maju. Namun demikian, kepada PPRT mungkin bantuan-bantuan ataupun pinjaman-pinjaman dapat diberi di sungai-sungai yang didapati tidak tercemar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan meningkatkan lagi usaha-usaha pengeluaran hasil terutama melalui cara:

- (i) sejumlah 17 kawasan Projek Integrasi Tanaman Kekal dan Ruminan telah dikenal pasti. Dijangka seluas 1.2 juta hektar kawasan kelapa sawit dan getah akan dapat

menampung pemeliharaan 800,000 ekor lembu secara integrasi;

- (ii) pengusaha dan penternak yang sedia ada digalakkan meningkatkan penglibatan ke tahap komersial;
- (iii) kerajaan akan terus menyediakan dana kepada pelabur untuk melabur dalam sektor ternakan melalui Tabung 3F; dan
- (iv) mengukuhkan lagi prasarana perkhidmatan veterinar dan usaha pengawalan dan membasmi penyakit ternak di samping khidmat nasihat dan latihan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai import ternakan dan hasil ternakan pada tahun 1996 memanglah begitu tinggi iaitu kira-kira RM1.55 ribu juta dan nilai import makanan untuk ternakan serta ubat ternakan pula ialah kira-kira RM1.8 bilion. Kini negara mampu mengeluarkan daging ayam, daging khinzir dan telur pada tahap yang maksimum dan dapat dieksportkan. Kekurangan ini adalah merupakan yang terbesar iaitu pengeluaran daging lembu, kambing/bebiri dan susu segar yang akan diberi perhatian oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan pula telah meminta supaya kerajaan menambahkan peruntukan untuk pembangunan dusun bagi menambahkan pengeluaran buah-buahan tempatan untuk dieksport. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam usaha meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah-buahan tempatan di kalangan petani-petani, kementerian

melalui Jabatan Pertanian telah memulakan pendekatan Projek Dusun Nukleus pada tahun 1992. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Pertanian telah diberi peruntukan sebanyak RM5.8 juta untuk mempertingkatkan lagi pembangunan projek-projek dusun nukleus.

Melalui pendekatan ini, tanah-tanah hak milik petani digabungkan dan diuruskan di bawah satu unit pengurusan yang cekap dan efisien. Setiap projek dusun nukleus akan berfungsi sebagai satu entiti pengeluaran yang ekonomik dan komersial dan akan dijadikan sebagai sebuah pusat pengeluaran, pemprosesan dan pembekalan berteknologi tinggi. Setiap projek dusun yang dibangunkan akan menjadi nukleus kepada pembangunan dusun di sekitar kawasan yang terpilih.

Dusun-dusun nukleus yang diwujudkan berlandaskan konsep estet nukleus dan 'core management'. Jenis-jenis buah-buahan yang diberi tumpuan ialah yang berdaya maju dan berpotensi termasuk durian, rambutan, limau, duku langsung/dokong, jambu, nanas, tembikai, betik, belimbing, pisang, ciku, cempedak, nangka, mangga dan manggis.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab mengenai cadangan beliau supaya Kementerian Pertanian mengambil inisiatif untuk mencantumkan tanah-tanah terbiar yang bersaiz kecil untuk dijadikan lot-lot pertanian yang lebih besar dan ekonomik serta mencadangkan skim sewaan tanah bertempoh, kementerian saya suka menjelaskan bahawa memandangkan Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa ke atas hal tanah, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ialah meminta

dan menggesa kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat supaya mengawal dan mengekalkan agar 8 buah kawasan jelapang padi di Semenanjung dan 74 buah mini jelapang terus digunakan bagi tanaman padi.

Kementerian Pertanian juga mengelolakan mesyuarat dengan Ahli-ahli Exco Pertanian Negeri mengesyorkan supaya penukaran syarat tanah pertanian kepada aktiviti ekonomi yang lain tidak dibuat sewenang-wenang iaitu tanpa mengambil kira keperluan tanah pertanian untuk sumber makanan. Persefahaman telah juga dicapai tentang perlunya kerajaan negeri mengekalkan kawasan tanaman pertanian tersebut. Kerajaan-kerajaan negeri digalakkan supaya mengezonkan kawasan-kawasan tanaman sayur-sayuran. Ini adalah untuk memastikan pengeluaran sayuran tempatan mencukupi bagi keperluan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar mencadangkan bahawa nama Kementerian Pertanian ditukarkan kepada Kementerian Pembangunan Pertanian dan Industri Makanan. Suka saya menyatakan bahawa oleh kerana bidang ini adalah budi bicara mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka saya tidak dapatlah memberi apa-apa komen.

Juga dicadangkan bahawa MARDI dan Bank Pertanian dikorporatkan lantaran dakwaan bahawa kedua-dua badan tersebut tidak berapa berkesan. Saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa pihak kerajaan tidak ada kesangsian terhadap kedua-dua badan berkanun tersebut dari segi keupayaan dan prestasi mereka. Jadi, cadangan kerajaan untuk memperbadankan hatta menswastakan Bank Pertanian dan MARDI kelak adalah kerana

memperkecilkan bilangan agensi-agensi kerajaan, bukan kerana kelemahan dan kekurangan keupayaan badan-badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab, saya akan menentukan supaya perkara-perkara tersebut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**6.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1998, terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban, Kluang, Parit Buntar, Jelebu, Teluk Intan dan Libaran yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan kejatuhan nilai Ringgit sebanyak lebih kurang 36% berbanding dengan Dolar Amerika dan juga dengan beberapa

mata wang utama dunia, tekanan inflasi import dijangka akan berlaku dengan melibatkan secara langsung barang-barang siap yang diimport dan secara tidak langsung barang-barang yang menggunakan bahan-bahan mentah atau alat-alat mesin yang diimport, iaitu jika diimport dari negara-negara yang nilai mata wangnya meningkat berbanding dengan Ringgit Malaysia. Kesan kenaikan harga ini mungkin melibatkan juga barang-barang keluaran tempatan sekiranya permintaan bertumpu kepada barang-barang tempatan tetapi bekalan tidak mencukupi.

Bagi barang-barang kawalan yang diimport seperti bawang, kentang, buah-buahan, cili kering dan sebagainya, masa dan kadar kenaikan harga bergantung kepada dari negara mana diimport dan kuantiti stok lama yang ada. Begitu juga bagi barang-barang yang dikawal harga seperti tepung gandum dan gula yang bahan mentah utamanya diimport, kadar kenaikan harga masing-masing bergantung kepada paras harga dunia bahan mentah berkenaan, peratus kos bahan mentah itu berbanding dengan jumlah kos pengeluaran barang-barang tersebut, kuantiti stok barang dan stok bahan mentah yang ada, kadar pertukaran mata wang dan sebagainya. Bagi barang-barang kawalan ini, kedudukan bekalan dan pergerakan harganya akan terus diawasi. Sekiranya permohonan kenaikan harga diterima bagi barang-barang yang dikawal harga, perkiraan kos pengeluaran akan dibuat dengan teliti dan sebarang kenaikan harga akan cuba dielakkan tetapi kepentingan industri akan juga diambil kira untuk menentukan industri tidak mengalami kerugian dan bekalan barang-barang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan meneruskan langkah-langkah penstabilan harga yang lain seperti membuat pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan di bawah operasi “Ops Sedar” bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah kementerian ini khasnya dan juga membanteras amalan-amalan yang tidak beretika seperti menyorok barangan (hoarding) dengan tujuan untuk menaikkan harga, tidak meletakkan tanda harga, mencatut (profiteering), menipu dalam timbang dan sukat, membuat iklan yang mengelirukan dan sebagainya. Bagi tempoh 1 Januari hingga 1 November tahun ini, sejumlah 467,815 premis perniagaan telah diperiksa dan hasilnya sebanyak 5,829 peniaga telah diambil tindakan di atas pelbagai kesalahan dengan melibatkan nilai barangan hampir RM28.7 juta, kompaun sebanyak RM1.42 juta dan denda sebanyak RM512,970.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kempen Inflasi Sifar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, adalah dimaklumkan bahawa kempen ini merupakan sasaran jangka panjang yang ditumpukan kepada barang-barang asas yang lazimnya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Matlamat sebenar kempen antiinflasi dan kempen inflasi sifar adalah untuk membendung dan seterusnya menurunkan kadar inflasi negara ke tahap yang serendah mungkin. Ia juga bertujuan mendidik dan menyedarkan pengguna serta peniaga akan hak dan tanggungjawab masing-masing, termasuk mengenai kesan negatif kadar inflasi yang tidak terkawal dan cara-cara bagaimana mereka dapat membantu membanteras inflasi.

Kajian penilaian kempen ini oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1996 menunjukkan bahawa lebih kurang 90% responden memahami apa itu inflasi dan kesan negatif inflasi yang tidak terkawal. Adalah diharapkan kempen tersebut telah menimbulkan kesedaran positif di kalangan pengguna serta peniaga untuk bersama-sama berusaha membanteras inflasi. Oleh itu, kempen tersebut ada mempunyai kesan tetapi mungkin tidak seperti yang diharapkan. Walaupun demikian, kadar inflasi negara yang diukur menerusi Indeks Harga Pengguna oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah 2.6% bagi tempoh Januari hingga September 1997 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1996.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kempen Inflasi Sifar diteruskan oleh kementerian melalui seminar, bengkel, forum dan ceramah di bawah aktiviti pendidikan pengguna dan peniaga. Di antara pendekatan dan penekanan baru yang selari dengan keadaan semasa ialah para peniaga dan pengguna digalakkan menjual atau membeli barang-barang tempatan, selain berjimat cermat apabila berbelanja dan menambahkan penabungan serta mengelakkan pembaziran.

Berhubung dengan penelitian untuk mengkaji semula bilangan barang-barang kawalan, perlu dijelaskan bahawa negara kita mengamalkan dasar ekonomi bebas dan ini bermakna harga barangan dan perkhidmatan umumnya ditentukan oleh kuasa-kuasa penawaran dan permintaan di pasaran. Campur tangan kerajaan untuk mengawal harga hanya terhad kepada beberapa barang makanan dan binaan yang asas dan strategik sahaja dan kerajaan mengawasi

harga barang-barang kegunaan harian, terutama yang lazimnya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Buat masa ini kerajaan tiada cadangan untuk menambah bilangan barangan yang dikawal tetapi kedudukan tersebut akan dikaji apabila keadaan memerlukan.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menyentuh isu gas petroleum cecair dalam tong gas yang dijual RM1 lebih daripada yang ditetapkan oleh kementerian. Kementerian telah menyiasat perkara ini dan mendapati bahawa memang terdapat di kalangan peniaga di Perak yang mengenakan bayaran antara 50 sen hingga RM1 bagi setiap tong gas sebagai upah penghantaran dan pengangkutan, terutama jika melibatkan penghantaran ke kediaman di rumah-rumah pangsapuri dan flat. Perkara ini masih dalam kajian dan Persatuan Peniaga-peniaga Gas Perak telah pun diminta menyediakan memorandum mengenai perkara ini. Pihak kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga yang menjual gas memasak pada harga yang melebihi harga yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan juga mencadangkan supaya barangan buatan Malaysia dilabelkan demikian. Dalam hal ini, suka saya maklumkan bahawa penandaan demikian telah pun diwajibkan bagi barang-barang tersedia bungkusan. Bagi barang-barang lain, kementerian sedang membuat kajian mengenainya.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah membangkitkan isu perbelanjaan bagi menganjurkan Kempen Inflasi Sifar dan sambutan Hari Pengguna Sedunia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengumuman program-program

kepenggunaan oleh kementerian ini dan termasuk semua kos perbelanjaannya adalah diluluskan oleh pihak Perbendaharaan, iaitu dari segi jumlah kos dan juga kadar-kadar bayaran yang terlibat. Adalah tidak tepat mengatakan gubahan bunga untuk pentas bagi Hari Pengguna Sedunia menelan belanja RM20,000. Sebenarnya gubahan bunga dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kosnya bagi Hari Pengguna Sedunia 1996 ialah RM3,527.40 dan bagi tahun 1997 ialah RM3,080 sahaja. Bagi Kuiz Pengguna Peringkat Kebangsaan pula, kos sebenarnya bagi Kuiz Pengguna Antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 1997 baru lepas ialah RM130,100 dan bukan RM300,000 sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.

Adalah dimaklumkan bahawa pada masa-masa lepas, program-program pengguna di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah telah diadakan bukan sahaja di hotel-hotel terkemuka tetapi juga di Pusat Islam, di dewan-dewan kepunyaan Dewan Bandaraya, di dewan-dewan serbaguna dan di dewan-dewan sekolah di bandar atau daerah berkenaan. Hotel-hotel kadangkala dipilih kerana menyediakan pakej iaitu perbelanjaan makan dan minum termasuk perhiasan dewan dan sebagainya di mana dewan tidak dikenakan apa-apa bayaran. Kementerian ini juga mendapati bahawa para pengguna dari masa ke semasa lebih suka menghadiri seminar-seminar yang diadakan di tempat yang selesa. Ini adalah penting kerana pendidikan pengguna itu merupakan ceramah-ceramah yang perlu disampaikan kepada pengguna dan penghayatannya diharap bertambah jika dalam keadaan yang

selesa. Ceramah bagi penuntut-penuntut sekolah biasanya diadakan di dewan-dewan sekolah sahaja. Berikutan dengan keputusan kerajaan baru-baru ini untuk mengurangkan perbelanjaan, kementerian ini telah pun mengeluarkan arahan kepada semua pejabat kementerian supaya hanya menggunakan dewan-dewan bagi penganjuran aktiviti-aktiviti kepenggunaan dan tidak menggunakan mana-mana hotel untuk mengelakkan perbelanjaan yang tinggi.

Adalah juga dimaklumkan bahawa penganjuran seminar, Hari Pengguna Sedunia dan Kempen Inflasi Sifar di peringkat negeri dan daerah ada dijalankan secara separuh hari, iaitu mulai pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari, ataupun sehari daripada pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa pembiayaan seminar-seminar ini mengandungi penyediaan pakej golf bagi pihak-pihak yang terlibat dalam acara-acara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti tunjuk minatlah kepada kementerian ini. Saya ada dua perkara yang hendak saya tanya kepada Timbalan Menteri.

Pertama, soal promosi barang makanan dan eksploitasi kepada kanak-kanak. Dua tahun lepas kerajaan pernah mengatakan sepatutnya dielakkan pengeksploitasian kepada kanak-kanak di dalam mempromosikan apa-apa barang, tetapi ternyata sekali saya pernah dan selalu bercakap di dalam Dewan ini mengenai soalan outlet-outlet makanan, umpamanya KFC, Mc Donald, A&W dan sebagainya, mereka menggunakan promosi dan eksploitasi kepada kanak-kanak ini berleluasa menggunakan benda-benda macam patung Transformer, kereta dan macam-macam lagi rupanya, ala disneyland dan sebagainya dan benda-benda ini bukan ada kualiti, sebelum sampai ke rumah pun, dalam kereta semua sudah habis rosak. Jadi, pokok pangkalnya anak-anak ini bukan hendak makan benda-benda yang dijual di kedai yang tersebut, tetapi hendak beli benda yang dia jual itu, umpama Batman dan sebagainya. Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat.

Di negara-negara lain, kalau kita pergi ke Amerika, Filipina, Eropah dan sebagainya, dia tidak gunakan benda-benda disney sebagai patung dan sebagainya, tetapi gunakan pinggan, piring, mug dan sebagainya, benda-benda yang betul-betul berkualiti dan boleh digunakan. Sepatutnya kita jangan dipergunakan oleh masyarakat luar dan mempromosikan, dieksploitasikan bukan oleh masyarakat muda sahaja bahkan seluruh rakyat Malaysia dieksploitasikan outlet-outlet yang sedemikian. Kenapa pula tidak berlaku di negara lain, tetapi berlaku di Malaysia? Ini menunjukkan kita kena eksploitasi. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, ini mengenai soal jual murah. Kadang-kadang kita sebut inflasi sifar, tetapi orang buat jual murah. Kita menerima hakikat bahawa memang benar ada benda yang berkualiti dijual murah, tetapi kebanyakan benda yang dijual murah itu adalah benda-benda yang betul-betul murah, tidak ada turun pun harga benda itu. Label sahaja nama branded good, tetapi sebenarnya benda-benda yang dibuat di belakang rumah mereka sendiri, yang tidak ada kualiti langsung.

Yang anehnya lagi, benda-benda yang tidak diguna itu dijual. Saya ada menerima tiga empat aduan di pejabat saya menunjukkan celana seluar macam ini yang jahitannya koyak dan sebagainya. Bahkan saya boleh tunjukkan ada satu seluar yang orang hantar ke pejabat saya, yang menunjukkan seluar itu sepatutnya saiz besar, tetapi dijahit in such a way, jadi macam baju teluk belanga orang dahulu, jadi satu round macam ini sahaja. *[sambil menunjukkan gaya tangan]* Jadi dijual murah, tetapi pembeli itu tidak usul periksa, dia lihat benda itu murah, branded good, dia beli, bila sampai ke rumah baru tahu, tetapi tidak boleh tukar semula. Jadi, dia gunakan jualan murah ini sebagai dumping, menjualkan benda-benda yang tidak berkualiti, benda-benda yang tidak ada guna, memang tidak boleh dijual dengan harga yang asal. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini, kalau tidak pun, macam mana tindakan kementerian mengenai persoalan ini. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah membangkitkan dua perkara iaitu mengenai promosi. Promosi itu kalau barang-barang yang

digunakan adalah dibenarkan, biasanya barang-barang baru ataupun barang-barang makanan yang disediakan itu sebagai satu pakej baru, satu persiapan yang baru dan sebagainya. Kalau hadiah diberi atau galakan diberi kepada pembeli-pembeli dalam promosi itu, perkara itu dibenarkan. Cuma kalau barang-barang yang diberi sebagai hadiah, termasuk alat-alat permainan dan sebagainya, kalau tidak sampai kepada mutu yang dituntut (claim) oleh pihak yang berkenaan, kita boleh ambil tindakan bahawa mereka menipu kanak-kanak dan sebagainya. Tetapi kalau barang-barang yang dibekalkan dalam promosi itu disebutkan keadaan sebenar ataupun diskripsi yang sebenar, kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan.

Saya berharaplah dalam hal-hal promosi dan juga dalam jualan murah dan sebagainya, ini adalah memerlukan tiga pihak yang benar-benar bekerjasama. Satu, peniaga yang menjalankan perniagaan yang beretika, tidak menipu pengguna termasuk kanak-kanak. Yang kedua, yang lebih penting adalah penguatkuasaan yang kita jalankan. Saya pun tadi sebutkan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap peniaga-peniaga yang menyeleweng, yang melakukan kesalahan dan sebagainya.

Selain daripada kedua-dua pihak ini, yang lebih penting ialah pengguna. Dalam hal kanak-kanak, kita harap ibu bapa bertanggungjawab untuk menasihati anak-anak dan mengelak daripada membeli barang-barang semasa promosi jika mendapati barang-barang itu kurang mutu ataupun diperalatkan. Ini mustahak. Macam jualan murah pun kita ada banyak peraturan yang perlu diikuti oleh peniaga-peniaga apabila menjalankan jualan murah dan ini pun

telah dihadkan. Kita minta pihak peniaga hanya boleh melakukan jualan murah jika ada petunjuk harga - berapa harga lama, berapa yang dikurangkan dan berapakah harga yang dijual. Kalau mereka tidak menunjukkan harga itu, kita boleh ambil tindakan. Tetapi kadangkala pembeli pun membeli barang, belanja dengan tanpa menilaikan duit yang sedia ada oleh kerana jualan murah dilakukan. Kalau pembeli betul-betul membeli barang-barang yang diperlukan atau mengadakan perbandingan di antara gedung-gedung yang melakukan jualan murah, kita bolehlah mengatasi masalah-masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kalau barang yang tidak boleh dipakai seperti seluar dan sebagainya, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, ini penipuan. Kalau penjual tidak bersetuju untuk menukar barang itu, perkara itu perlu dirujuk kepada kita dan kita boleh menghubungi pihak syarikat supaya mereka tukar atau kalau tidak, kita tengoklah macam mana, di bawah akta mana mereka melakukan kesalahan dan kita boleh mendakwa mereka.

Jadi, yang penting ialah pengguna bersama-sama dengan kita dalam hal-hal seperti yang saya katakan. Dari pengalaman kita pun sekarang rakyat dari masa ke semasa lebih memahami tentang tanggungjawab dan peranan mereka apabila mereka melakukan pembelian barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan.

Semalam saya terima satu surat daripada seorang pengguna yang mengatakan dia pergi ke sebuah restoran di Jalan Tuanku Abdul Rahman, dia dikenakan 30 sen untuk air suam. Dia buat aduan bahawa harga itu terlalu lebih. Kita siasat, penjaja-penjaja pun mengenakan 20 sen. Perkara-perkara ini

apabila disampaikan kepada kita, kalau pengguna lebih bertanggungjawab, lebih menyedari tentang hak, kita pun dapat maklumat yang lebih sempurna untuk kita mengawasi dan mengambil tindakan-tindakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan itu, lagi sekali saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahas mengenai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun diambil kira dan juga akan digunakan sebagai ingatan apabila kita menjalankan tanggungjawab dan tugas kita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Pendidikan.

**7.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1998 dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang perlulah saya di sini memberi sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat dari Kubang Kerian berhubung tabung pinjaman pendidikan sebagai ganti biasiswa akan mengancam peluang orang-orang miskin untuk meneruskan pengajian ke institut pengajian tinggi adalah tidak berasas sama sekali.

Penubuhan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional adalah bertujuan memperluaskan peluang kepada lebih ramai pelajar termasuk dari golongan miskin untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Perlu ditegaskan pengwujudan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional tidak bermakna skim biasiswa yang lain akan dimansuhkan sebaliknya biasiswa akan tetap ditawarkan oleh penaja sedia ada seperti MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Dalam hubungan di atas, agenda untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah khususnya bumiputera akan tetap diteruskan. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu bumiputera dalam pendidikan agar tidak terpinggir dan tercicir dari arus pendidikan seperti yang dihuraikan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan Yang Berhormat dari Marang. Kementerian Pendidikan telah mengadakan program Matrikulasi di universiti-universiti tempatan dengan tujuan mengatasi masalah kekurangan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi di universiti-universiti awam. Di samping itu juga, langkah kerajaan memberikan kuasa kepada Institut Teknologi MARA untuk menganugerahkan ijazah hingga ke peringkat Ph.D juga adalah bertujuan menambahkan bilangan bumiputera dalam bidang-bidang profesional.

Yang Berhormat dari Marang juga tidak seharusnya berasa bimbang dengan peningkatan kos pengajian di universiti setelah pengkorporatan IPT tempatan. Saya ingin menjelaskan, yuran pengajian ijazah pertama bagi tahun 1998 dan 1999 akan dikekalkan pada kadar sekarang, manakala untuk

pengajian ijazah lanjutan, universiti diberi kebebasan untuk menentukan kadar yurannya sendiri dengan tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Perlu ditegaskan juga bahawa subsidi kerajaan akan diteruskan bagi menampung kos pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan budaya teknologi maklumat (IT) di sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat dari Senai, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan beberapa strategi bagi melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan dan kemahiran komputer. Antaranya melaksanakan program latihan untuk 1,712 jurulatih utama di seluruh negara dalam kemahiran asas komputer. Kumpulan ini dijangkakan dapat melatih seramai 30,000 guru di seluruh negara menjelang tahun 1998. Di samping itu, mata pelajaran Teknologi Maklumat dimasukkan ke dalam kurikulum latihan guru dan dijadikan mata pelajaran wajib di bawah komponen asas Diploma Perguruan di semua peringkat. Latihan perguruan yang memfokuskan kepada pengetahuan asas komputer dan kemahiran menggunakan komputer sebagai 'personal productivity tool', dengan izin. Setakat ini seramai 37,446 guru lepasan maktab perguruan bermula keluaran Disember 1995 sehingga keluaran Julai 1997 mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas komputer.

Yang Berhormat dari Yan dan Yang Berhormat dari Sandakan telah menggesa agar Kementerian Pendidikan menambah bilangan komputer di sekolah-sekolah luar bandar supaya pelajar-pelajar luar bandar tidak ketinggalan mengikuti perkembangan teknologi maklumat. Langkah-langkah

yang positif telah pun diambil dalam pembekalan komputer ke semua sekolah rendah dan menengah sama ada bandar ataupun luar bandar. Program ini telah bermula sejak tahun 1996. Bagi sekolah-sekolah yang belum mempunyai bekalan elektrik, perancangan untuk pembekalan elektrik akan dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Tumpat dan Yang Berhormat dari Sri Gading, pembelajaran al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam telah diberi penekanan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Separuh dari masa 180 minit seminggu bagi pembelajaran Pendidikan Islam diperuntukkan kepada pembelajaran al-Quran. Dengan pesatnya perkembangan IT, pihak kementerian akan meluaskan lagi skop pembelajaran al-Quran di kalangan pelajar dengan penggunaan CD al-Quran seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Batang Lupa, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mengadakan mata pelajaran seks secara khusus. Sebaliknya pengetahuan seks diajar secara merentas kurikulum melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Mengenai cadangan beliau agar syarat kenaikan pelajar dari Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat diperketatkan, adalah menjadi dasar kerajaan agar golongan muda negara ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** .....mendapat pendidikan formal daripada sembilan tahun ke sebelas tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lular bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri.

Saya ingin bertanya soalan pengajian seks. Saya baru balik pada minggu ini, saya telah menerima aduan daripada PIBG yang mana seorang murid sekolah telah didapati mengandungi dan apabila sekolah berkenaan melaporkan perkara itu kepada pihak Jabatan Pendidikan, nasihat Jabatan Pendidikan ialah murid itu dibenarkan melanjutkan pelajarannya hingga di peringkat mana public examination. Maknanya boleh melanjutkan pelajaran pada apa-apa peringkat sekali pun. Jadi, berlaku pada murid ini iaitu kejahilan daripada ilmu seks dan kedua, nampaknya pihak sekolah menerima hakikat walaupun kehamilan ini berlaku oleh kerana murid ini tidak faham dan melakukan seks di luar perkahwinan, usia muda dan sebagainya. Jadi, ini dinampakkan oleh pihak ibu bapa yang berkenaan dengan mengatakan ini adalah satu pengiktirafan pihak kementerian dan jabatan, iaitu murid-murid yang melakukan perkara yang begitu jahat pun diterima dan digalakkan, masih boleh menuntut di sekolah tersebut. Oleh itu, macam mana sebagai dasar keseluruhannya, murid-murid yang melakukan sedemikian melanjutkan pelajaran di sekolah tersebut?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar Kementerian Pendidikan memang tidak izinkan kita galakkan, memang selalunya kita memberi nasihat kepada pelajar-pelajar kita supaya tidak ada kegiatan-kegiatan seperti itu. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar boleh beri saya butir-butir memang saya akan siasat supaya kita boleh beri jawapan yang lebih mendalam tentang kes seperti yang diterangkan.

Yang Berhormat dari Santubong telah memilih isu persekolahan satu sesi dalam ucapannya. Pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang menjalankan keberkesanan dan kesesuaian persekolahan satu sesi dengan waktu yang dipanjangkan di 28 buah sekolah percubaan daripada semua aspek.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun lagi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dato' minta maaf macam mengganggu lagi ini.

Tadi, Dato' ada menjawab soalan iaitu kalau seorang murid menduduki peperiksaan sekolah yang daripada Tingkatan Tiga sampai ke Tingkatan Empat itu, kalau lulus satu mata pelajaran pun boleh dinaikkan sehingga Tingkatan Empat. Jadi, persoalan yang berbangkit banyak desas-desus mengatakan bahkan saya diberi pandangan oleh orang ramai mengatakan kalau beginilah lakunya, jika murid-murid itu hanya lulus dalam segi drawing atau art work di sekolah, dia boleh juga naik ke Tingkatan Empat, bahkan murid ini mungkin buta huruf, tidak pandai membaca atau menulis, tetapi dia boleh melukis sedikit

sahaja. Dalam keadaan sedemikian, maknanya murid ini bukan sahaja menjadi beban kepada dirinya sendiri tetapi juga kepada sekolah bahkan kepada masyarakat seluruhnya. Persoalannya kenapa pula tidak kerajaan lihat perkara ini sebagai satu beban negatif kepada kerajaan, kepada murid-murid dan ini mungkin menjadi satu gejala tidak baik kepada sekolah itu kerana tidak dapat dibimbing, disebabkan tidak mempunyai kemampuan yang khusus untuk menjelajah alam akademiknya. Jadi, saya ingin penjelasan lanjut dari Yang Berhormat mengenai soalan ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa ini. Untuk kumpulan pelajar ini sebilangan besar sekolah menengah teknik dan sekolah menengah vokasional masih menawarkan kursus aliran kemahiran kepada pelajar lepasan PMR yang kurang berkemampuan dari segi akademik atau yang gagal memasuki Tingkatan Empat di sekolah akademik biasa. Jadi, kita ada saluran ini khususnya membantu pelajar-pelajar seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat.

Dasar Kementerian Pendidikan ialah kita cuba sedaya-upaya untuk kekalkan mereka di sistem persekolahan supaya mereka bolehlah memperluaskan ilmu dan pengalaman mereka.

Tadi, berkaitan dengan isu sekolah satu sesi ini, dapatan dari penilaian tersebut akan menjadi asas dan dalam menentukan sama ada program ini akan diteruskan, diubahsuai atau dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menyambut baik saranan Yang Berhormat dari Tumpat agar menempatkan guru-guru kelulusan ijazah di sekolah rendah. Langkah ini hanya boleh dilaksanakan dalam jangka masa panjang. Isu kekurangan guru bahasa Mandarin telah sering ditimbulkan dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sibul, kekosongan jawatan tersebut diisi oleh guru-guru bahasa Cina yang mendapat latihan dari maktab-maktab perguruan di negara ini. Selain itu, guru-guru bahasa Cina yang telah bersara wajib juga diambil berkhidmat secara kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Johor Bahru telah menggesa agar digalakkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta di Johor Bahru untuk mengelakkan pelajar-pelajar tempatan melanjutkan pelajaran ke Singapura. Kerajaan tidak pernah menghalang ibu bapa yang mahu menghantar anak-anak mereka belajar di luar negara. Namun demikian, dalam keadaan kemerosotan nilai mata wang kita, kerajaan berpendapat lebih baik pelajar-pelajar melanjutkan pengajian di dalam negara. Pada masa ini terdapat 16 buah IPTS di Johor Bahru daripada 14 buah sebelumnya. Adalah menjadi dasar kerajaan juga untuk menggalakkan penubuhan institusi-institusi seperti itu, iaitu kolej swasta sejajar dengan hasrat menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu serantau dan dunia sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut.

Mengenai gesaan Yang Berhormat dari Kluang dan Yang Berhormat dari Teluk Kemang agar kelulusan penubuhan IPT dipercepatkan, kerajaan

perlu mengambilkira beberapa aspek seperti memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Ini penting bagi memastikan bahawa mereka yang benar-benar serius, layak dan komited sahaja boleh dan menubuhkan institusi pengajian swasta tempatan yang baru. Sehingga kini juga terdapat lima buah universiti swasta yang telah dipelawa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk ditubuhkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, walaupun dasar kerajaan sekarang mengurangkan penghantaran pelajar keluar negara, kerajaan masih menghantar pelajar keluar negara dalam bidang-bidang kritikal dan bidang-bidang yang tidak ditawarkan di institusi pengajian tinggi tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat dari Telok Kemang calon yang memohon universiti awam bagi sesi 1997/1998 di peringkat STPM adalah 39,862 orang dan yang berjaya ialah 29,968 orang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Sibu, Yang Berhormat dari Selangau dan Yang Berhormat dari Kapar yang menyarankan agar kerajaan lebih memberi perhatian dan bermurah hati terhadap sekolah-sekolah bantuan modal, memang selama ini pun menjadi dasar kerajaan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan modal. Bantuan sentiasa disalurkan kepada sekolah-sekolah tersebut mengikut peraturan dari semasa ke semasa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Yan agar semua sekolah luar bandar mempunyai asrama, Kementerian Pendidikan akan meneruskan program pembinaan asrama desa dan asrama harian yang sedia ada. Di dalam

Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 153 projek pembinaan asrama harian dan asrama desa akan dibina oleh kementerian.

Mengenai pemilihan pelajar ke sekolah-sekolah berasrama penuh yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Yan, pemilihan adalah berdasarkan 'merit' dan yang mengambilkira latar belakang, status sosio-ekonomi ibu bapa pelajar, lokasi sekolah dan pencapaian akademik. Merit tersebut dengan sendirinya memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang datang dari luar bandar.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan satu kes spesifik iaitu sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tidak peka terhadap sensitiviti kaum dan agama dengan mengadakan peperiksaan sehari sebelum perayaan Deepavali. Untuk makluman ahli-ahli Dewan yang mulia, masalah tersebut telah selesai dan pihak sekolah berkenaan telah mengambil tindakan menangguhkan peperiksaan akhir tahun sekolah tersebut kepada minggu berikutnya.

Yang Berhormat dari Telok Kemang telah mendakwa terdapat pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri yang enggan meluluskan cuti ganti semasa perayaan Deepavali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Negeri Sembilan, semua sekolah SRJKT yang memohon cuti ganti pada 29 Oktober 1997 semuanya diluluskan.

Saranan Yang Berhormat dari Larut agar diadakan agenda khas seperti kursus pertahanan diri dan kursus IT bagi mengisi masa lapang yang terluang selepas peperiksaan merupakan cadangan yang baik. Walau bagaimanapun,

pada masa ini jadual-jadual peperiksaan awam telah dilewatkan. Ini bermakna masa yang terluang untuk pelajar menunggu keputusan adalah lebih singkat. Di samping itu, kemasukan ke IPT tempatan juga telah dipercepatkan iaitu pada bulan Mei.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Memang ada perkara-perkara yang lain tetapi tidak ada masa menjawab, saya jamin bahawa kita akan fikir semua cadangan itu.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Penerangan.

**7.34 mlm.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas keprihatinan serta pandangan-pandangan yang membina mengenai fungsi Kementerian Penerangan semasa membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1998 di peringkat dasar.

Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena telah membawa dua cadangan yang kementerian anggap cukup significant. Pertama, supaya waktu siaran Berita Perdana dipinda dari pukul 8.00 malam kepada pukul 9.00 malam.

Kedua, mengenai ucapan dan percakapan yang menggunakan bahasa Inggeris di dalam siaran berita jam 8.00 malam di stesen kerajaan ataupun swasta. Sukalah saya jelaskan kedua-duanya bahawa kementerian telah

membuat kajian dan survey berkaitan dengan Berita Perdana, sama ada Berita Perdana jam 8.00 malam dapat menuju kepada sasaran jika dianjak kepada jam 9.00 malam. Jika survey atau kajian ini didapati memadai pada jam 8.00 malam ataupun menunjukkan jam 9.00 malam sebagai satu response yang baik, maka kementerian akan membuat keputusan sesuai dengan kajian yang dibuat. Bagaimanapun pada ketika ini waktu siaran berita jam 8.00 malam difikirkan sesuai kerana sebahagian besar audiences yang kita dapati hari ini, sebelum hasil survey itu kita perolehi, kita dapati bahawa sebahagian besar audience di negara ini telah dibiasakan dan serasi dengan waktu siaran berita berkenaan.

Cadangan yang kedua, saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya stesen-stesen kerajaan dan swasta hendaklah menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya dalam siaran berita jam 8.00 malam. Hebahan mengenai keputusan ini telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan melalui kenyataan akhbar pada 20 Julai 1997. Kementerian ini sedang melaksanakan keputusan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Larut mencadangkan supaya RTM menyiarkan pertandingan bola sepak antarabangsa kerana tidak ramai yang mampu melanggan ASTRO atau Mega TV. Kementerian Penerangan telah pun menandatangani perjanjian persefahaman dengan ASTRO pada 19 September 1997 bagi mendapatkan hak menyiarkan secara langsung siaran tertunda dan weekly highlight dengan izin, Liga Inggeris dan Piala FA melalui siaran TV2. Siaran dalam bentuk weekly highlight telah dimulakan sejak 6 September yang lalu dan akan berterusan sehingga tamat Liga Inggeris. Dengan cara ini

penonton yang tidak melanggan siaran ASTRO akan berpeluang menonton siaran bola sepak tersebut. Gesaan Ahli Yang Berhormat dari Jelevu agar pelaksanaan Institut Latihan Penerangan di Jelevu dipercepatkan.

Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian ini sedang menunggu keputusan secara bertulis mengenai penyelesaian bayaran premium tanah daripada pentadbiran negeri berkenaan. Dalam pada itu peruntukan ini masih dalam pertimbangan Economic Planning Unit, Jabatan Perdana Menteri. Jika semuanya berjalan lancar, projek pembinaan Institut Latihan Penerangan ini dijangka akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah menyentuh peranan dan fungsi Kementerian Penerangan semasa membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1998 peringkat dasar. Jika ada perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidak sempat diberi jawapan, kementerian ini akan mengambil perhatian dengan sewajarnya ke atas perkara-perkara tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**7.40 mlm.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato'**

**Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-

isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan Belanjawan 1998.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan isu dan permasalahan yang timbul akibat dari wabak coxsackie dan fermenter jerebu yang telah memberi kesan negatif terhadap industri pelancongan negara. Beliau menerangkan agar kementerian melipatgandakan usaha mempertahankan industri pelancongan negara agar tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, wabak coxsackie, fermenter jerebu hanya memberi kesan negatif yang sedikit kepada industri pelancongan negara. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah melipatgandakan usaha memberi penerangan yang sejelas-jelasnya mengenai wabak coxsackie dan jerebu yang melanda Malaysia melalui pejabat-pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di luar negeri. Usaha-usaha memberi penerangan ini akan diteruskan di dalam semua aktiviti-aktiviti promosi yang dijalankan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan dan cadangan membina kepada kementerian, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Semua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Sumber Manusia.

**7.45 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji**

**Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pebekalan 1998, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang fungsi Kementerian Sumber Manusia. Justeru itu cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah diutarakan itu sangatlah dialu-alukan dan kementerian ini akan mengambil tindakan yang positif terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini mempunyai peranan yang penting bukan sahaja untuk memperjuangkan hak-hak, faedah-faedah dan tahap kebajikan yang lebih baik untuk ahli-ahlinya, malah mereka juga harus bertanggungjawab untuk sentiasa mendorong ahli-ahlinya supaya lebih produktif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan. Keseimbangan dalam tuntutan kesatuan dan peningkatan produktiviti pekerja akan mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang harmonis sekaligus membuatkan iklim pelaburan di negara ini lebih kondusif kepada pelaburan asing.

Justeru itu seruan Ahli Yang Berhormat dari Ledang kepada pusat-pusat perburuhan di negara ini seperti QUEPACS dan MTUC supaya tidak memperjuangkan kenaikan gaji sahaja tetapi mesti diiringi dengan peningkatan

kualiti perkhidmatan sebenarnya menyuarakan harapan kerajaan selama ini. Peningkatan kualiti perkhidmatan boleh merangsang produktiviti untuk meningkat. Oleh itu kerajaan menggalakkan kesatuan-kesatuan dan majikan-majikan supaya menggunakan sistem reformasi gaji yang menghubungkan kenaikan gaji dengan peningkatan produktiviti. Hanya menerusi peningkatan produktiviti kita akan dapat mempertahankan secara lebih berkesan daya saingan harga barangan eksport negara di pasaran antarabangsa.

Pada masa yang sama, semua pihak baik kesatuan sekerja mahupun majikan perlu mempunyai sikap bersedia ke meja rundingan untuk menyelesaikan secara damai sebarang masalah secepat yang mungkin, di samping bertolak ansur dan sentiasa bersikap kesederhanaan apabila berhadapan dengan sebarang pertikaian perusahaan. Pertikaian perusahaan yang berpanjangan tidak akan mendatangkan manfaat kepada mana-mana pihak malah ianya boleh mengeruhkan hubungan baik antara pekerja dan majikan sehingga menjejaskan perkhidmatan sesebuah syarikat itu dan mungkin juga imej negara.

Lantaran itu kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban berhubung dengan kes-kes pertikaian perusahaan di Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang masih belum diselesaikan adalah cerminan kebimbangan Kementerian Sumber Manusia juga. Sukalah saya menjelaskan bahawa kementerian ini melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan sedang berusaha keras untuk bukan sahaja merundingkan penyelesaian yang terbaik

supaya boleh diterima oleh pihak kesatuan dan pengurusan MAS malah berusaha memastikan kes-kes yang sudah mencapai persetujuan dilaksanakan sewajarnya.

Kementerian ini sangat komited untuk menyelesaikan 18 kes yang masih tertangguh di MAS secepat yang mungkin, justeru itu saya ingin merayu sekali lagi terutamanya kepada pihak pengurusan MAS supaya lebih prihatin terhadap isu-isu yang telah diutarakan oleh pihak kesatuan sekerja. Mereka juga harus lebih komited untuk tidak melengahkan lagi pelaksanaan persetujuan yang telah dicapai melalui rundingan damai bagi beberapa kes sementara mencari jalan penyelesaian pada kes-kes pertikaian perusahaan yang masih tertangguh.

Pada masa yang sama, pihak kesatuan sekerja hendaklah juga bertolak ansur dalam rundingan damai yang dijalankan dan bersikap kesederhanaan dalam tuntutan mereka. Walau apapun, saya yakin dan percaya kepentingan negara akan mengatasi segala-galanya dan kes-kes berkenaan akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung saranan Ahli Yang Berhormat dari Seremban supaya pindaan kepada Akta Kerja 1995 disegerakan, khususnya tentang peruntukan yang menggalakkan amalan waktu kerja yang lebih fleksibel seperti kerja separa masa dan sambilan, sukalah saya memaklumkan bahawa cadangan pindaan akta tersebut akan dikemukakan untuk dibahas dan dipersetujukan dalam sidang Parlimen yang dijadualkan bermula pada bulan April tahun hadapan. Cadangan pindaan tersebut adalah yang paling komprehensif yang pernah dibuat oleh kerajaan terhadap Akta Kerja 1995 dan

ianya adalah menjurus kepada keperluan dan kehendak masakini dan masa akan datang.

Untuk makluman, pada masa sekarang waktu kerja anjal (flexi-time) seperti kerja separa masa dan sambilan adalah dibenarkan oleh undang-undang buruh dan ada majikan di sektor swasta mengamalkannya. Namun ianya tidak diamalkan secara meluas malah kurang diminati oleh para majikan kerana undang-undang buruh berkehendakkan majikan memberi faedah dan kemudahan yang sama seperti yang dinikmati oleh pekerja penuh masa kepada pekerja separa masa atau sambilan.

Walau bagaimanapun apabila cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1995 diluluskan nantinya ianya akan memantapkan lagi sistem waktu kerja anjal dengan mewujudkan mekanisme kawalan yang secukupnya ke atas pelaksanaannya nanti. Ianya juga akan menggalakkan konsep waktu kerja anjal supaya digemari oleh majikan khususnya dan dijadikan sebagai salah satu tarikan untuk lebih ramai tenaga kerja tempatan terutamanya suri rumah memasuki pasaran buruh.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan terutamanya mengenai Skim Pampasan Pekerja Asing. Sukalah saya memaklumkan bahawa isu ini sudah berkali-kali dibahas, dibincang dan dijawab di Dewan yang mulia ini.

Kementerian Sumber Manusia tidak ada apa-apa perkara baru yang hendak ditambah dan memadailah saya memberi jaminan bahawa keputusan kerajaan memperkenalkan single insurance system, dengan izin untuk

mengendalikan SPPA ialah untuk menghapuskan sama sekali tiga masalah utama yang dihadapi ketika multiple insurance system, dengan izin diamalkan itu.

- (i) business rivalry dan premium undertaking di antara syarikat-syarikat insurans;
- (ii) under-insurance oleh majikan-majikan; dan
- (iii) ketiadaan akauntabiliti di pihak majikan dan syarikat insurans untuk menyelesaikan tuntutan pampasan oleh pekerja.

Justeru itu SPPA yang dikendalikan melalui single insurance system ini tidak seharusnya dilihat dari sudut komersial sahaja ataupun menyifatkannya sebagai bercorak monopoli. Untuk menangani isu monopoli ini, Kementerian Sumber Manusia telah menasihatkan dan pihak syarikat yang mengendalikan SPPA iaitu London and Pacific Insurance Company Berhad (LonPac) telah bersetuju untuk menawarkan penyertaan reinsurance kepada syarikat-syarikat insurans yang lain hingga ke paras 71 peratus dari perniagaan insurans di bawah SPPA. Pada masa sekarang 18 buah syarikat insurans yang lain sudah ditawarkan melalui penyertaan reinsurance. Walau bagaimanapun berikutan permintaan beberapa syarikat insurans yang lain untuk peluang mengendalikan SPPA, maka Kementerian Sumber Manusia pada masa ini sedang mengkaji tentang kemungkinan mewujudkan suatu panel syarikat insurans bagi maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan di atas, saya percaya ianya telah mencakupi perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**7.50 mlm.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, Kluang, Petaling Jaya Selatan dan Tawau yang telah memberi pandangan, teguran dan mencadangkan beberapa langkah yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah menyarankan supaya kerajaan melaksanakan dengan lebih berkesan Program Pembangunan dan Penyelidikan Teknologi Maklumat dan lain-lain teknologi. Ahli Yang Berhormat juga menyarankan supaya Malaysia bukan hanya sebagai negara pengguna, tetapi sebagai negara pengeluar teknologi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang berusaha mempertingkatkan penggunaan Teknologi Maklumat dalam pelbagai urusan yang berkaitan ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi perkembangan teknologi maklumat.

Bagi melaksanakan wawasan ini kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMN) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta ahli-ahli yang terdiri dari wakil-wakil pihak kerajaan dan wakil-wakil dari pihak swasta. Penubuhan majlis ini adalah bertujuan untuk merancang dan menentukan arah tuju pembangunan teknologi maklumat berkenaan bagi membangun dan memperluaskannya kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu Program Pembangunan Teknologi Maklumat akan menjadi salah satu komponen penting dalam pembangunan negara. Di antara peranan-peranan yang akan dimainkan oleh Program Pembangunan Teknologi Maklumat adalah seperti berikut:

- (a) sebagai alat penting dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh industri Malaysia.;
- (b) sebagai satu sektor yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan menyumbang kepada pendapatan negara; dan
- (c) sebagai alat untuk meningkatkan kebijaksanaan masyarakat Malaysia. Pelan tindakan ini juga merangkumi program-program teknologi maklumat dalam industri di

semua sektor ekonomi bagi meningkatkan produktiviti, kualiti barangan dan perkhidmatan yang disediakan. Di antara bidang-bidang yang terkandung dalam pelan tindakan ini ialah:

- (i) pembangunan tenaga manusia;
- (ii) infrastruktur telekomunikasi;
- (iii) undang-undang multimedia;
- (iv) pembangunan dan perolehan teknologi maklumat;
- (v) penggunaan teknologi maklumat di sektor industri;
- (vi) pembangunan industri teknologi tempatan;
- (vii) pengkomputeran dan proses reengineering dalam kerajaan; dan
- (viii) lebuhraya maklumat negara.

Pada peringkat permulaan tiga bidang telah dimulakan iaitu pembangunan tenaga manusia, infrastruktur, telekomunikasi dan undang-undang multimedia.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang mencadangkan supaya pemuliharaan alam sekitar dijadikan agenda utama dalam program pembangunan ekonomi negara dan seterusnya mencadangkan supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar diberi tanggungjawab yang lebih untuk memastikan keadaan alam sekitar dapat dipelihara. Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar merangka satu dasar rancangan jangka panjang untuk menangani masalah jerebu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan telah menyarankan supaya Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengadakan satu pencegahan terhadap pencemaran air sebelum sesuatu sungai tersebut tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada umumnya alam sekitar di negara ini tetap terpelihara dan pencemaran yang berlaku masih terkawal. Sungguhpun begitu kerajaan berpendapat bahawa masih ada ruang untuk mempertingkatkan usaha-usaha pemuliharaan, pencegahan dan pengawalan alam sekitar. Oleh itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus melipatgandakan usaha-usaha bagi mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar selaras dengan pembangunan negara yang pesat ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan hanya akan berjaya dilaksanakan apabila setiap lapisan masyarakat memainkan peranan yang bersungguh-sungguh untuk membendung masalah pencemaran dan yang berkaitan dengannya.

Kejayaan dan keberkesanan kerajaan untuk melaksanakan cabaran ini adalah bergantung kepada kesedaran dan amalan individu bagi setiap lapisan masyarakat. Sebagai amalan setiap individu perlu mengambilkira sepenuhnya faktor-faktor alam sekitar dalam sebarang tindakannya supaya negara akan terus mengekal kehijauannya, kebersihannya, keindahannya dan kemakmurannya.

Mengenai dasar rancangan jangka panjang untuk menangani masalah jerebu, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian telah mengambil langkah-

langkah yang melibatkan dua bentuk tindakan iaitu dalam negeri dan serantau.

Tindakan-tindakan yang diambil dalam negeri bagi menangani jerebu adalah seperti berikut:

- (a) memperkemaskan pelan tindakan jerebu kebangsaan atau national haze action plan, dengan izin.
- (b) mengadakan operasi pembenihan 'awam' (cloud seeding), dengan izin, 'awan' bukan 'awam' [*Ketawa*] untuk mengurangkan jerebu;
- (c) melaksanakan program pancutan air dari bangunan-bangunan tinggi;
- (d) menubuhkan jawatankuasa jerebu di peringkat negeri, pihak berkuasa tempatan dan daerah;
- (e) mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang mengenai pembakaran terbuka; dan
- (f) menubuhkan stesen bumi penerimaan data satelit yang dapat membantu penerimaan data satelit secara langsung bagi penggunaan ramalan cuaca dan kejadian kebakaran.

Bagi tindakan di peringkat serantau pula, satu mesyuarat ASEAN Haze Technical Task Force akan mengadakan mesyuaratnya pada 18 November 1997 ini di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk merangka satu pelan tindakan serantau bagi.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, dia duduk balikklah!

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Batang Lupar hendak.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Dato' saya hendak tanya sedikit soalan mengenai alam sekitar, haze, pembenihan awan (cloud seeding) dan sebagainya. Kita hendak buat awan banyak. Jadi, kita kena simpan banyak garam kerana pembenihan awan itu menggunakan garam. Kita nampak pada satu ketika apabila haze ini sampai ke tahap 800 point di Sarawak dahulu ada laporan mengatakan kita tidak cukup garam. Jadi, saya berharaplah pihak kementerian melihat perkara ini, kerana kalau kita hendak membuat cloud seeding, kita kena cukup garam, maknanya tiap-tiap kali apabila sampai bulan Julai atau bulan Ogos kita kena menyimpan banyak garam. Oleh itu macam mana tindakan kementerian supaya garam kita mencukupi dan aktiviti cloud seeding kita tidak terganggu.

Yang kedua, cloud seeding ini juga menggunakan kapal terbang yang sesuai untuk tindakan-tindakan yang tertentu. Buat sementara ini kita gunakan helikopter ataupun kapal terbang tentera Caribou. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan kerjasama serantau supaya kita mengadakan infrastruktur dan kemudahan. Seperti sekarang kita tahu yang Singapura, Malaysia dan Indonesia sudah mengatur langkah supaya perkara ini tidak akan berlaku pada masa akan datang juga menjemput Kerajaan Brunei Darussalam,

sama ada pihak Brunei boleh sponser membeli kapal terbang untuk pementrian 'awan' ini. 'Awam' juga saya sebut, sebab saya terikut-ikut dengan Dato' itu, 'awan'. Itu soalan infrastruktur.

Yang kedua, apakah tindakan kementerian oleh kerana jerebu ini memang banyak mendatangkan masalah. Walaupun kita try to play down maklumatnya, tetapi masyarakat luar negara memang dia ghairah hendak menyebarkan masalah-masalah di negara kita. Keluarga saya ramai yang tinggal di luar negara dan saya menerima telefon dari Australia, dari Sweden mengatakan dia hendak datang ke Sarawak tetapi tidak berani kerana mendengar laporan jerebu di Malaysia ini. Jadi, dia kata kapal terbang tidak boleh landing dan sebagainya.

Jadi, apakah kerjasama yang dibuat ataupun dirancang oleh pihak kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan agar pelancongan tidak terjejas dan orang yang berpotensi hendak datang memang tiap-tiap tahun mereka datang, keluarga mereka datang sampai lima-enam orang datang ke Sarawak jumpa dengan keluarga-keluarga di Sarawak. Oleh kerana sebaran yang sedemikian, jadi mereka tidak jadi datang, oleh kerana dia anggap jerebu ini kita yang buat, jerebu yang masih tidak boleh hilang dari negara kita ini, dan apakah tindakan bersama dengan pihak kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan agar maklumat ini diperbetulkan, yang pada masa sekarang kapal terbang boleh datang ke Malaysia dan jerebu ini tidak mendatangkan masalah-

masalah tertentu kepada orang yang datang melancong ke Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Ada dua persoalan, satu mengenai dengan cloud seeding garam. Kejadian jerebu seluruh negara mendapat kejutan, kita tidak sangka perkara ini berlaku. Dan tidak terlintas bahawa indeks bacaannya 832 di Kuching, Sarawak satu ketika. Satu jawatankuasa telah dibentuk, Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dipengerusikan oleh saya sendiri dengan beberapa ahli-ahli sains, pakar-pakar daripada universiti dan kebanyakan kementerian yang ada kaitan dengan transport, pengangkutan dan lain-lain lagi, MITI.

Jadi, bila ia datang mengejut dan ini adalah salah satu langkah yang telah diambil, action plan yang telah diambil, tindakan yang telah diambil untuk menghantar pada permulaannya kapal terbang untuk buat cloud seeding. Dalam Malaysia ini cuma ada satu-dua sahaja di Kedah pada ketika itu. Angkatan tentera TUDM tidak cukup peralatannya, belum dapat dipasang lagi. Jadi, peralatannya begitu terhad. Jadi, mula-mula kapal terbang yang diguna di Kedah digunakan untuk cloud seeding di Lembah Klang. Kapal terbang yang dihantar ke Kuching adalah hasil daripada perkiraan-perkiraan dibuat selepas berbincang dengan Majlis Tindakan Negara dan tindakan telah diambil yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Darurat dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diambil dengan begitu segera dengan beberapa kapal terbang angkatan

tentera telah dipasang dengan peralatan ini. Garam digunakan untuk tembak cloud. Kalau tidak ada awan ini sukar, ianya tidak boleh ditembak.

Jadi, ianya terhad, tidak ada stok, tidak dirancang. Jadi, inilah diambil tindakan-tindakan emergency. Fasal itulah kekurangan ini berlaku di Sarawak. Sekarang kita sudah dapat pengalaman daripada peristiwa pahit yang kita tidak jangka angka bacaannya 832 yang tinggi sekali yang tidak pernah berlaku. Apabila kita mengadakan mesyuarat setiap minggu untuk monitor perkara jerebu ini, kita tidak jangka bahawa ianya boleh melepasi 500. Tetapi bila sampai satu ketika ianya lepas 832, ini mengejutkan semua orang. Itulah sebabnya tindakan segera diambil, tidak ada stok, kekurangan stok garam ini, dan barangkali kalau berlakulah perkara ini satu masa lagi mungkin persediaan-persediaan yang lebih rapi lagi dapat dibuat, insya Allah. Itulah keadaannya.

Yang kedua, fasal berita jerebu, kekurangan pelancong-pelancong datang, kita kehilangan pendapatan melalui industri pelancongan, betul. Ini adalah oleh kerana kita yang memberi berita ini kepada dunia, dan dunia setengahnya tidak suka kepada kita, dia akan perbesarkan berita yang besar ini. Pada satu ketika sahaja apabila indeks readingnya 832 itu dia gembar-gemburkan seluruh dunia. Tetapi apabila ianya sudah turun kepada 32, bawah pada 50 yang baik, berita dunia tidak lagi interested. Ini yang merosakkan imej negara kita.

Saya juga ditanya apabila berada di Hetrow Airport dua hari yang lepas, apabila disebutkan dari Malaysia dia mengaitkan ini dengan haze, dengan jerebu. Inilah buruknya kerana kita menghantarkan berita yang tidak baik.

Apabila berita ini dimanipulasikan, disalahgunakan oleh mereka yang kurang senang dengan kemajuan negara kita, maka ini akibatnya. Jadi, kita kenalah awasi sedikit. Setengah-setengah negara kalau katakan negara jiran kita, dia menerima yang sama tetapi tidak keluar macam ini. Tetapi kita yang taruh, isi angka-angka yang bukan-bukan yang hanya berlaku sekejap sahaja, tetapi apabila sampai kepada tahap keadaan normal kita tidak memberi gambaran yang nyata kepada dunia. Ini kesilapan kita sendiri.

Saya sungguh dukacita perkara ini. Tolonglah kita jagakan ini semua, kerana perkara yang telah berlaku ini adalah satu peristiwa yang pahit kepada kita di Malaysia ini. Saya harap perkara ini tidak dapat diulangkan lagi. Itulah sebab-sebabnya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Kuala Pilah bangun.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berasa amat tertarik hati di atas keprihatinan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi peristiwa yang melanda negara kita akibat daripada jerebu. Jelas sekali bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menghayati betapa pahitnya dan menampakkan satu keseriusan dan berharap perkara ini dapat kita atasi di masa-masa akan datang. Persoalan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat bersetuju di masa-masa awal berlakunya jerebu mungkin kita tidak menyangka angka

IPU akan meningkat lebih daripada 500. Satu ketika ada satu kenyataan daripada Menteri Penerangan kita menyatakan kalau berlaku 500 bacaan IPU kita akan declare ataupun isytiharkan darurat. Apabila sudah berlaku, maka ini menimbulkan kurang kepercayaan rakyat di atas kenyataan yang dikeluarkan itu. Ini pun saya berpendapat satu pengajaran kepada kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa di masa-masa yang akan datang perlu kita berhati-hati mengeluarkan kenyataan demikian rupa. Kalau kita tidak perkotakan maka rakyat akan kurang yakin kepada keputusan yang dibuat. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan atau berita-berita yang benar mesti diberitahu kepada rakyat. Angka yang 500 itu adalah salah satu daripada keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan kalau sampai kepada tahap itu diisytiharkan darurat. Dan apabila pelan tindakan ini telah dipersetujui dan dipengerusikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sendiri pada ketika itu, maka kita minta Yang Berhormat Menteri membawa kepada Kabinet untuk mendapat endorsement Kabinet, penerimaan atas pelan tindakannya. Apabila Kabinet menerima, itulah makluman ini mesti diberitahu kepada rakyat. Kalau tidak nanti mereka akan kata kita memutarbelitkan fakta-fakta. Berita ini ada kaitan dengan kehidupan rakyat.

Jadi, perkara ini kita tidak boleh berselindung, kita memberitahu benda yang benar. Tetapi apabila sampai pada tahap itu, ini terpaksa, tetapi apabila sampai pada tahap 500 indeksinya, kerajaan mesti memikir dahulu sebelum

membuat perisytiharan mendapat kebenaran daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pengerusi untuk mengisytiharkan ini kerana mengawasi. Tetapi bila sampai kepada tahap 800 lebih, maka tidak ada jalan lain ianya mesti diberitahu. Itu pandai-pandailah kita menilai dan melihatkan daripada sudut mana berita-berita yang dikeluarkan, informasi-informasi mengenai dengan indeks jerebu ini.

Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Kuala Pilah, kerana perkara-perkara ini kita tidak boleh berselidung, kita tidak boleh hendak menyorokkan fakta-fakta ini, kerana itu pun apabila diberitahu the readingnya masih lagi dipersoalkan. Tetapi inilah benda-benda yang dapat daripada reading-reading tempat-tempat yang diletakkan alat-alat ini di seluruh negara. Itulah keadaannya, perkara ini menjadi pengalaman kepada kita semua dan kita minta jauh daripada Allah S.W.T. daripada perkara ini berlaku lagi akan datang. Ini kerana akibat orang lain, kita yang mengalami perkara-perkara macam ini. Inilah benda-benda yang tidak pernah kita rasai selama ini. Kita harap perkara ini menjadi pelajaran dan bersama-samalah kita cuba mengatasinya. Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit lagi, saya sambung habiskan.

Tuan Yang di-Pertua, pelan ini akan merangkumi kerjasama dan tindakan dalam mewujudkan sistem amaran awal dan sistem pengawasan bagi mengesan kebakaran tanah gambut dan hutan, dengan izin, early warning and monitoring system to detect land and forest fires. Mesyuarat ini juga akan mewujudkan prosedur dan mekanisme untuk bertindak segera sebaik sahaja kebakaran dapat dikesan serta mengambil tindakan dengan menghantar

peralatan-peralatan dan sumber tenaga yang terlibat bagi memadamkan kebakaran tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau telah mencadangkan supaya penumpuan yang lebih diberikan dalam kawasan Tawau untuk menangani masalah jerebu. Di samping itu, beliau juga mencadangkan supaya diadakan peralatan-peralatan tertentu untuk mengkaji kesan-kesan pencemaran udara di Tawau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian akan mengambil pendekatan yang menyeluruh bagi menangani perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian akan mengambil pendekatan yang menyeluruh bagi menangani masalah jerebu yang dihadapi oleh Malaysia pada masa ini dan juga pada masa akan datang.

Kementerian telah mengambil perhatian mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diberikan perhatian yang khusus untuk menangani jerebu di kawasan Tawau. Berhubung dengan ini, saya sukacita memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu stesen pengawasan kualiti udara sedang diuruskan untuk dipasang di Tawau bagi mengawasi kesan-kesan pencemaran udara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak sempat disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan

saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil, insya Allah.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Minta kemukakan usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

8.14 mlm.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), iaitu dengan tidak menghiraukan Usul yang diluluskan terdahulu dari ini, Majlis Mesyuarat pada hari ini akan ditangguhkan selepas sahaja selesai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi jawapannya atau sehingga jam 9.30 malam mengikut yang mana terdahulu.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), iaitu dengan tidak menghiraukan Usul yang diluluskan terdahulu dari ini, Majlis Mesyuarat pada hari ini akan ditangguhkan selepas sahaja selesai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi jawapannya atau sehingga jam 9.30 malam mengikut yang mana terdahulu.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), iaitu dengan tidak menghiraukan Usul yang diluluskan terdahulu dari ini, Majlis Mesyuarat pada hari ini akan ditangguhkan selepas sahaja selesai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi jawapannya atau sehingga jam 9.30 malam mengikut yang mana terdahulu.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**8.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, Ledang, Kubang Kerian, Pokok Sena, Mersing, Kota Melaka, Larut, Tuaran, Johor Bahru, Hulu Langat, Jelebu, Teluk Intan, Selangau, Shah Alam yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pembahasan Rang Undang-undang Belanjawan 1998 ini.

Yang Berhormat dari Batu Gajah telah membangkitkan masalah pembuangan sampah di merata-rata tempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun mengedarkan satu garis panduan berkenaan dengan penyimpanan, pungutan, pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal untuk diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan. Kementerian sentiasa mengingatkan pihak berkuasa tempatan supaya meningkatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan pengawalan orang ramai daripada membuang

sampah merata-rata. Pihak berkuasa tempatan disarankan mempergiatkan aktiviti-aktiviti berkaitan seperti kempen antisampah dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya kebersihan.

Yang Berhormat dari Ledang telah mencadangkan orang yang didapati bersalah membuang sampah di merata-rata patut dijatuhkan hukuman menyapu dan membersihkan kawasan awam dan memakai T-shirt dengan tanda 'saya pengotor' bagi mengatasi masalah sampah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang bercadang untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan mereka yang bersalah membuang sampah merata-rata untuk menjalani kerja-kerja kemasyarakatan di dalam cadangan Akta Pengurusan Sisa-sisa Pepejal yang sedang disediakan. Walau bagaimanapun, cadangan peruntukan ini sedang dikaji oleh pihak Jabatan Peguam sebelum ianya boleh dimasukkan ke dalam cadangan akta tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan Johor Bahru telah menyentuh mengenai kenaikan kuota orang asing membeli rumah mewah dari 30% kepada 50% di mana ianya akan menimbulkan masalah keseimbangan penduduk di antara orang asing dengan rakyat tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kenaikan kuota pembelian rumah mewah oleh orang asing tidak akan menimbulkan masalah keseimbangan di antara penduduk tempatan dengan penduduk asing.

Yang Berhormat dari Pokok Sena telah mencadangkan supaya pembedaan najis bersebelahan Sekolah Rendah Gelang Patah, Pokok Sena, Kedah, ditarik balik pembinaannya. Mengenai cadangan ini ingin saya

memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tanah lapang yang berhampiran dengan sekolah berkenaan, pihak kerajaan bercadang untuk mendirikan satu lagun bagi merawat enapcemar bagi kawasan Alor Setar. Walau bagaimanapun, dalam hal ini pihak kementerian dan pihak kerajaan negeri masih mengkaji kemungkinan untuk memindahkan cadangan tapak lagun enapcemar itu ke kawasan yang lebih sesuai.

Yang Berhormat dari Pokok Sena juga telah membangkitkan masalah tekanan air di mana pihak bomba didapati sukar memadamkan kebakaran. Mengenai perkara ini, ingin saya maklumkan bahawa pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa menghubungi Jabatan Bekalan Air supaya tindakan memadam api dapat dilakukan dengan menutup injap di tempat lain supaya tekanan air di dalam paip yang menghala ke tempat kebakaran dapat dipertingkatkan tekanannya semasa berlaku kebakaran.

Yang Berhormat dari Mersing telah bertanya apakah perkembangan terakhir kempen kebersihan tandas awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian adalah dalam proses penelitian hasil sesi sumbangsaran (brain storming) yang telah disertai oleh pegawai-pegawai kerajaan jabatan-jabatan yang berkenaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Cadangan akan dibuat oleh pihak kerajaan yang meliputi isu-isu di peringkat dasar berkaitan dengan perkara-perkara seperti polisi, pembiayaan, kemudahan pembinaan tandas awam, rekabentuk dan kelengkapan serta kesedaran dan sokongan orang awam dalam usaha menjaga kebersihan tandas awam. Setelah

perkara-perkara berkenaan dipastikan, barulah kempen kebersihan tandas boleh dilancarkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Shah Alam telah menyentuh mengenai kegagalan kerajaan membina rumah kos rendah dan kos pembinaannya didapati terlalu tinggi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos yang tinggi dalam pembinaan perumahan kos rendah disebabkan kerajaan negeri menghadapi masalah tapak yang sesuai untuk projek perumahan awam kos rendah. Kebanyakan tapak memerlukan perbelanjaan yang tinggi bagi kos infrastruktur projek, dan pihak kerajaan negeri perlu menampung kos perbezaan di antara harga jualan dengan kos pembangunan projek.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Jelebu juga telah meminta....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Kuala Pilah bangun.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari segi aspek pembinaan rumah kos rendah dan juga pembangunan rumah biasa yang biasanya dibangunkan oleh pemaju-pemaju yang mereka diperlukan mendapatkan developers licence dan sebagainya. Apabila mereka telah mendapat persetujuan pihak negeri, pihak tempatan dan sebagainya dan diadakan perjanjian development agreement dan sebagainya, di

sini persoalan saya ialah dalam satu-satu pakej yang meliputi rumah kos rendah dan rumah berbentuk mewah, pemaju-pemaju biasanya mendahulukan pembinaan rumah mewah. Dan apabila rumah mewah selesai dijual, dia tidak buat lagi rumah kos rendah dan ketika itu dia minta bermacam-macam variation, dan ketika itu juga apabila rumah mewah siap, dia memohon Certificate of Fitness, dengan izin, Sijil Kelayakan Untuk Menduduki. Apa pandangan Yang Berhormat dalam satu pakej yang meliputi rumah mewah dan kos rendah dan pihak pemaju hanya membina rumah mewah dan cuba mengelakkan rumah kos rendah. Persoalannya adakah wajar dan sepatutnya Certificate of Fitness ini diberi kepada yang mewah sahaja tanpa mengambil kira kedudukan rumah kos rendah, obligasi yang sudah sepatutnya dipertanggungjawabkan oleh pemaju. Perkara ini berlaku di setengah-setengah kerajaan tempatan dan saya bersedia memberi maklumat secara terperinci kepada kementerian perilaku pemaju yang berbuat demikian rupa. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Saya memang setuju terdapat kes-kes seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi perkara-perkara tentang pembinaan rumah-rumah kos rendah selagi projek itu di dalam satu pakej yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita memang ada menghadapi masalah untuk meneliti atau mengawasi pembinaan atau kemajuan tersebut. Kerana syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak negeri apabila projek tersebut diluluskan, maka kita tidak

ada kuasa lagi atas penguatkuasaan atau mengawasi pihak pemaju untuk mengikuti semua syarat yang ditetapkan dalam pemajuan tersebut.

Walau bagaimanapun, kita ada satu cara atau satu sudut yang dari pihak kementerian ini kita boleh cuba mengawasi atau mengingatkan pemaju-pemaju itu supaya tidak berlaku lagi kecuaiian seperti yang disebutkan tadi. Melalui kelulusan permit atau setiap permohonan permit yang akan disampaikan kepada kementerian saya, kita akan meneliti daripada permohonan tersebut sama ada pemaju itu sudah melakukan kecuaiian atau tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam sesuatu pemajuan yang sudah dibuatkan. Maknanya, kita akan ambil tindakan terhadap sesuatu kecuaiian yang telah berlaku. Saya rasa ini adalah antara satu cara yang kita boleh, dari segi kementerian kita boleh mengawasi projek-projek....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Kuala Pilah bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** ....yang dikendalikan oleh pemaju.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berasa amat gembira mendengar penjelasan Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berusaha menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Izinkan saya mohon penjelasan sedikit lagi Yang Berhormat tentang untuk kita dapat satu penjelasan dan juga permasalahan yang berlaku ekoran daripada satu arahan daripada kementerian yang mana intipati isi kandungannya berkaitan dengan mengeluarkan Certificate

of Fitness, dengan izin, Sijil Kelayakan Menduduki, di mana seorang pegawai daripada kementerian telah menulis surat kepada semua kerajaan tempatan supaya mempercepatkan mengeluarkan Certificate of Fitness - fair enough, dengan izin. Persoalan tadi dalam satu pakej yang sebagaimana saya kata tadi dalam satu pembangunan yang mempunyai jangka masa katalah dalam tempoh 30 bulan atau tiga tahun pembangunan perlu disiapkan, kalau tidak, ada penalty clausenya. Maksudnya, pemaju akan didenda dalam mana-mana syarat biasanya. Persoalan saya sekarang ini apabila perkara pemaju ini sudah membuat rumah mewah sahaja dan rumah kos rendah tidak buat dan ini dia akan minta masa lebih jauh, lebih lama dan ini merupakan persoalan di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Kita ahli-ahli majlis kerajaan tempatan yang menduduki sama ada perbandaran, dewan bandaraya bertanggungjawab sepenuhnya mengikut Akta Kerajaan Tempatan. Persoalannya sekarang ini, arahan daripada kementerian memberi seolah-olah to nullify Akta Kerajaan Tempatan itu yang pada hemat saya is very contradictory, conflict. Adakah Yang Berhormat faham ataupun sedar perkara ini berlaku dan ini bukan permasalahan di peringkat kerajaan tempatan. Persoalannya sama ada hendak dipatuhi arahan oleh kementerian tadi ataupun kuasa kerajaan tempatan adalah kuasa mutlak untuk menentukan sesuatu projek di kawasan masing-masing.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya, saya rasa Yang Berhormat apa yang disebutkan tadi adalah berlainan sedikit kalau kita hendak bincang perkara ini dari sudut CFO. Memang kita harap semua pihak berkuasa tempatan akan meluluskan Sijil Kelayakan Menduduki sesuatu rumah itu dalam masa yang

singkat apabila semua syarat dalam pemaju itu atau dalam pembinaan itu sudah diikuti oleh pihak pemaju dan pihak juruperunding pemaju itu. Sebab kita rasa dari perkara CFO ini ianya tidak berkaitan dengan lain-lain syarat atau sebahagian pemajuan itu diagihkan kepada rumah kos rendah. Kerana kalau kita gunakan berkaitan kedua-dua perkara ini, saya rasa kita tidak ada kepada orang yang membeli rumah mewah itu, saya rasa kita tidak adil terhadap mereka, kerana dia beli rumah dengan secara good fact, dengan izin, daripada pihak pemaju. Kalau dia sudah bayar semua harganya patut rumah kalau sudah disiapkan, sudah dibina dengan semua syarat, mengikut semua syaratnya, CFO itu patut dikeluarkan kepada dia, kerana dia tiada kesalahan. Kesalahannya ialah pihak pemaju tidak mengikut syarat untuk membina rumah kos rendah.

Sebab itulah kita di pihak kementerian ini rasa, mengenai CFO ini kalau semua syarat sudah diikuti oleh pihak pemaju dan juruperunding pun sudah memberi semua pengiktirafan tentang siap rumah itu, kalau semua syarat itu sudah dipenuhi, kita rasa pihak berkuasa tempatan patut keluarkan sijil itu dan tidak tahan sijil itu sebab ada lain-lain syarat yang tidak diikuti oleh pihak pemaju. Sebab itulah saya rasa kita tidak akan mengaitkan kedua perkara itu, tetapi kita boleh dari sudut yang saya sebut tadi apabila kita hendak meluluskan permit, developers permit atau permit pemajuan yang pemaju ini akan meminta apabila dia akan kendalikan lain projek, so we can touch him, dengan izin, kita suruh menyekat dia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Jelebu telah meminta penjelasan mengenai

unit-unit rumah kos rendah yang telah dijual kepada golongan yang tidak sepatutnya. Mengenai perkara ini, ingin saya jelaskan di sini bahawa sistem pemilihan yang digunakan pada masa dahulu tidak begitu efektif untuk mengawal penjualan rumah kos rendah. Dengan adanya sistem pendaftaran terbuka berkomputer diharap pembahagian rumah kos rendah dapat dibuat dengan adil.

Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan perkara di mana pihak berkuasa tempatan perlu mensyaratkan pemaju perumahan....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Batang Lepar bangun.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** .....menyediakan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri soal yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri tadi rumah yang dikhaskan kepada golongan yang berpendapatan rendah tetapi dijual kepada orang yang sepatutnya mampu membeli rumah yang kos sederhana. Saya tidak begitu mahir dengan sistem pendaftaran penjualan dan penukaran hakmilik di Semenanjung. Tetapi persoalan saya tidakkah boleh dibuat satu sistem yang mana kalau rumah yang berkenaan hanya boleh dijual kepada seorang individu yang berpendapatan rendah, dan selepas menerima data yang mereka ini ialah individu yang berpendapatan rendah dan patut menerima penjualan yang sedemikian, dan apabila telah membeli rumah itu mereka tidak boleh lagi menjual ataupun

menukar hakmilik kepada pihak lain melainkan mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan atau pihak-pihak tertentu macam mana yang dibuat di Sarawak, umpamanya no reading clause, iaitu mengehendkan penukaran hakmilik ataupun cagaran tanah tersebut kepada pihak kerajaan ataupun mana-mana pihak untuk sumber kewangan. Tidakkah sistem sedemikian boleh juga diintroduce atau diperkenalkan di Semenanjung agar soal sedemikian mungkin boleh diminimise ataupun dikurangkan sedikit. Terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Betullah, sistem itu memang juga digunakan di setengah-setengah kerajaan negeri yang guna pakai cara tersebut. Tetapi dengan sistem pendaftaran terbuka berkomputer ini kita rasa ini lebih elok digunakan kerana dengan sistem ini kita boleh meneliti kalau seseorang pemohon itu minta rumah kos rendah umpamanya di Perak, dan akhirnya dia diagihkan satu rumah dan akhirnya dia minta lagi di negeri Selangor umpamanya, dan namanya ada dalam komputer dan sebagainya, kita boleh apabila pemohon baru yang dikemukakan, kita boleh tolakkan permohonan tersebut. Kalau pemohon itu memang melaporkan data-data yang tidak betul, umpamanya pendapatan beliau sebut memang rendah tetapi akhirnya kita mendapati pendapatan beliau memang tinggi, kita boleh membatalkan pembelian itu. Tetapi ini memang kita perlulah menyiasat setiap orang itu dan ini yang menjadi masalah, siasatan terhadap semua pembeli untuk meneliti sama ada semua data yang diberikan itu adalah betul atau tidak.

Walau bagaimanapun, kita cubalah menggunakan sistem pendaftaran terbuka berkomputer ini dan kita menggalak semua negeri kalau dapat

menggunakan cara ini supaya kita dapat mewujudkan satu sistem di mana satu data yang menyeluruh boleh digunakan di seluruh negara.

Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan perkara di mana pihak berkuasa tempatan perlu mensyaratkan pemaju perumahan menyediakan tapak perkuburan di kawasan taman perumahan yang dimajukan. Kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan dan piawaian bagi perancangan dan penyediaan tapak perkuburan. Pada umumnya perletakan tapak perkuburan disediakan mengikut kriteria kawasan kejiranan serta tadahan penduduk, dan bukannya setiap kawasan perumahan yang ingin dimajukan. Ini bagi membolehkan penyediaan kemudahan tersebut secara sistematik, tidak berselerak di tengah-tengah kawasan pembangunan dan tidak bercanggah dengan kegunaan tanah yang sedia ada.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Berhormat dari Selangau telah membangkitkan masalah pembinaan rumah panjang dan perumahan kos rendah di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga masa ini Kerajaan Persekutuan belum menerima permintaan dari Kerajaan negeri Sarawak untuk membina rumah panjang kos rendah dan sederhana. Mengenai harga rumah kos rendah di negeri Sarawak, kerajaan negeri menganggap harga rumah kos rendah di Sarawak adalah dalam RM32 ribu ke bawah.

Yang Berhormat dari Tuaran telah membangkitkan mengenai masalah perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah di mana ingin saya jelaskan di

sini bahawa Kerajaan Persekutuan memang sedar keperluan mereka. Sebab itulah Kerajaan Persekutuan menguruskan beberapa program bagi menolong mereka memperolehi perumahan. Di Semenanjung Malaysia, Kerajaan Persekutuan serta kerajaan-kerajaan negeri berusaha menentukan pihak swasta juga memainkan peranan membina rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, pendekatan diamalkan oleh Kerajaan negeri Sabah agak berlainan sedikit. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Tuaran boleh menyusuli lebih lanjut dengan kerajaan negeri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat dari Larut kerana mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah berjaya dalam misi memadam kebakaran hutan di Indonesia. Penghargaan ini menunjukkan sokongan rakyat kepada jabatan berkenaan dalam menangani masalah bencana alam bukan sahaja di negara kita, tetapi di negara jiran juga. Itu sahaja jawapan-jawapan daripada kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**8.42 mlm.**

**Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan isu-isu pembangunan yang terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Segala komen dan ulasan

Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan keprihatinan dan komitmen serta sokongan padu Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama kementerian ini bagi menjayakan pembangunan di kawasan luar bandar selaras dengan falsafah dan strategi baru pembangunan tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini isu-isu mengenai program pembasmian kemiskinan, pembangunan dan pemidahan struktur luar bandar, program-program KEMAS dan program Gerakan Desa Wawasan telah menarik minat seramai 10 Ahli Yang Berhormat. Isu mengenai pembasmian kemiskinan telah menarik minat lima Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Selangau dan Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman telah menyarankan agar program pembasmian kemiskinan ini diteruskan dan jumlah peruntukan bagi program ini ditambah khasnya bagi negeri Sarawak. Kementerian akan terus memberikan tumpuan kepada pelaksanaan

program pembangunan luar bandar serta projek pembasmian kemiskinan di semua negeri miskin termasuk negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah 14.5% daripada peruntukan KPLB akan diagihkan bagi pembangunan kawasan luar bandar program pembasmian kemiskinan di negeri Sarawak. Ini merupakan peratusan peruntukan yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.

Selain itu, dasar pembangunan negara telah menetapkan bahawa program pembasmian kemiskinan untuk tempoh rangka Rancangan Malaysia Kedua 1991-2000 adalah ditumpu kepada program pembangunan rakyat termiskin, pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri adalah berasas kepada bilangan keluarga termiskin yang terdapat di sesebuah negeri. Negeri Sarawak adalah salah satu daripada enam negeri yang mempunyai bilangan keluarga

termiskin yang tinggi iaitu 18% daripada jumlah 57,000 keluarga rakyat termiskin. Di samping itu, pengagihan peruntukan ini bergantung kepada pelan tindakan pembasmian kemiskinan yang disediakan oleh setiap daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandau telah membangkitkan isu salah guna peruntukan kewangan PPRT di Bandau dan di negeri Sabah amnya dan menyarankan agar program ini dilaksanakan dengan cermat, teliti serta diimplementasi tanpa mengira fahaman politik. PPRT adalah untuk semua keluarga termiskin tanpa mengira kaum ataupun fahaman politik. Asas pengagihan peruntukan kewangan bagi projek-projek PPRT kepada daerah-daerah adalah berlandaskan kepada bilangan keluarga termiskin seperti terdapat dalam daftar dan profile keluarga termiskin. Asas ini telah dijelaskan kepada pegawai-pegawai di peringkat pusat, negeri dan daerah.

Yang Berhormat dari Pasir Mas memohon agar perhatian yang lebih ditumpu kepada negeri Kelantan dalam peruntukan yang lebih diperuntukkan bagi mengadakan dan memperbaiki rumah-rumah rakyat termiskin di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, pengagihan peruntukan bagi PPRT negeri-negeri adalah berasaskan kepada bilangan keluarga termiskin yang terdapat di sesebuah negeri. Mengikut Daftar dan Profail Keluarga Termiskin, negeri Kelantan adalah salah satu negeri yang mempunyai bilangan keluarga termiskin yang tertinggi bagi seluruh negara. Asas ini telah pun termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat dari Sri Gading menyarankan agar program PPRT ini tidak hanya tertumpu kepada sumbangan secara material tetapi juga kepada penekanan dalaman (rohani) individu terbabit agar dapat menyedarkan dan memotivasikan golongan ini berusaha membebaskan diri dari belenggu kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping pembangunan ekonomi dan pembangunan fizikal, program pembasmian kemiskinan juga memberi tumpuan kepada perubahan minda dan pembangunan motivasi kepada golongan keluarga termiskin agar mereka dapat berdikari. Program ini dilaksanakan melalui Program Perubahan Sikap Keluarga Termiskin. Untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, jumlah peruntukan untuk program ini adalah RM24 juta yang mana RM8.18 juta adalah untuk tahun 1997 dan RM8.9 juta adalah untuk tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembangunan dan peruntukan prasarana Infrastruktur Luar Bandar telah menarik minat lapan Ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan ini. Ahli Yang Berhormat dari Sibuluan, Selangau, Lubok Antu, Sri Aman telah membangkitkan keadaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air bersih yang masih kurang memuaskan di negeri Sarawak. Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan keadaan di mana kontraktor sering terlewat menyiapkan sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memberi perhatian dan keutamaan bagi menyediakan infrastruktur yang berkualiti dan mencukupi bagi kawasan-kawasan desa khususnya di negeri Sarawak. Ini terbukti daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh yang diluluskan bagi program infrastruktur iaitu sebanyak RM407 juta bersamaan 16.1% daripada peruntukan infrastruktur KPLB.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 8 kontrak bekalan elektrik luar bandar telah ditandatangani dengan kontraktor-kontraktor terlibat di negeri Sarawak dengan anggaran kos RM203.4 juta. Dari jumlah tersebut 4 kontrak telah siap 100%, satu kontrak lagi telah 90% siap, manakala 3 kontrak lagi sedang dalam pelaksanaan.

Secara purata adalah diakui terdapat kontraktor-kontraktor yang lewat menyiapkan projek dalam tempoh kontrak asal. Ini berpunca antara lain kerana keadaan cuaca di Sarawak sejak akhir-akhir ini tidak menentu dan muka bumi negeri Sarawak yang 'rugged' menyebabkan perancangan pelaksanaan projek tidak berjalan sebagaimana yang dirancangkan. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa mengambil langkah yang perlu untuk memastikan projek-projek dapat disiapkan mengikut jadual dan kepentingan penduduk luar bandar sentiasa diberi keutamaan.

Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan isu mengenai kualiti dan standard jalan-jalan kampung. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar mengenai perlunya jalan-jalan kampung dibina supaya lebih berkualiti dan tahan lama. Oleh itu KPLB telah menetap dan melaksanakan piawaian dan spesifikasi baru, di mana jalan kampung boleh dinaikkan ke taraf R1A di mana sesuai untuk membolehkan jalan-jalan yang dibina mengikut Sistem MARRIS dan didaftar sebagai jalan negeri dan layak diberi geran penyelenggaraan jalan-jalan negeri.

Selain itu, projek PJK juga akan menggunakan teknologi penstabilan tanah bertujuan untuk memberi ketahanan yang lebih lama dan menjimatkan

kos pembinaan dalam jangka panjang. Bagi kampung-kampung yang kurang sesuai dibina PJK ke taraf R1A, piawaian minimum telah ditetapkan untuk menjamin mutu PJK.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM797.1 juta telah disediakan untuk menaikkan taraf 10,000 batang jalan sepanjang 14,000 kilometer.

Yang Berhormat dari Keningau juga telah menyentuh tentang kekurangan infrastruktur bekalan elektrik di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan yang diperuntukkan ialah RM150 juta iaitu 35% daripada peruntukan seluruh negara untuk negeri Sabah. Dalam tahun 1996, kerajaan telah melaksanakan 81 projek yang telah memberi manfaat kepada 5,781 buah rumah, manakala dalam tahun 1997, kerajaan sedang melaksanakan 78 projek yang memberi manfaat kepada 4,816 buah rumah. Bagi kawasan Parlimen Keningau, bagi tempoh 1996 hingga 1997, kerajaan telah dan sedang melaksanakan 26 projek yang dijangka memberi manfaat kira-kira 1,390 buah rumah dengan kos sebanyak RM10.7 juta.

Yang Berhormat dari Pasir Mas memohon agar perhatian yang lebih diberikan bagi usaha mempertingkatkan kemudahan infrastruktur asas di negeri Kelantan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, negeri Kelantan mendapat peruntukan Bekalan Elektrik Luar Bandar berjumlah RM10 juta daripada RM425 juta yang disediakan bagi seluruh negara. Bagi program Bekalan Air Luar Bandar peruntukan dalam bentuk pinjaman yang

disediakan bagi negeri Kelantan adalah berjumlah RM50 juta daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM500 juta.

Bagi menyediakan infrastruktur jalan pula, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM797.1 juta bagi PJK, RM686 juta bagi Jalan Luar Bandar dan RM113.8 juta bagi Jalan KESBAN. Negeri Kelantan pula diperuntukkan masing-masing sebanyak RM37.19 juta bagi PJK, RM40 juta bagi Jalan Luar Bandar dan RM48.4 juta bagi Jalan KESBAN. Kerajaan akan terus memberi perhatian untuk mengambil kira keperluan sebenar bagi memastikan peruntukan diberi kepada negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah meminta agar peruntukan memperbaiki bangunan/kelas tadika yang usang di Kelantan dinaikkan. Pada dasarnya Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) KPLB sememangnya menyediakan peruntukan untuk memperbaiki kelas-kelas tabika KEMAS yang uzur dan usang di seluruh Malaysia. Peruntukan ini adalah di bawah peruntukan Baikpulih Bangunan Tabika KEMAS. Projek Baikpulih Bangunan Tabika KEMAS ini telah bermula pada tahun 1994. Sepanjang tahun 1994 hingga 1997 sejumlah RM1.5 juta telah diperuntukkan bagi memperbaiki dan memulihkan bangunan/kelas tabika KEMAS di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah menetapkan bahawa bilangan kanak-kanak bagi setiap kelas tabika KEMAS adalah tidak melebihi 35 orang sahaja dan dibimbing oleh seorang guru tabika yang terlatih. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat dari Pasir

Mas mencadangkan supaya bilangan guru tabika KEMAS ditambah sekurang-kurangnya 2 orang bagi setiap kelas. Kementerian akan mempertimbangkan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai Program Gerakan Desa Wawasan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Lubok Antu. Untuk makluman Yang Berhormat, program Gerakan Desa Wawasan (GDW) adalah menekankan kepada usaha membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa sebagai satu gerakan rakyat yang akan memperkasakan rakyat ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Justeru itu, kementerian telah memperuntukkan 10% dari keseluruhan peruntukan infrastruktur kementerian telah diagih bagi membiayai program Gerakan Desa Wawasan.

Di samping itu, pelaksanaan program di kampung-kampung Gerakan Desa Wawasan akan melibatkan peruntukan yang sedia ada di pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan serta sumbangan sektor korporat/swasta dan badan-badan bukan kerajaan melalui program Bakti Desa secara bersepadu. Oleh itu memang menjadi hasrat kerajaan untuk memberi keutamaan kepada usaha-usaha mempercepatkan pembangunan di kampung-kampung yang terpilih menyertai program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh peranan ibu-ibu tunggal di luar bandar dan perlunya suatu program tertentu membabitkan golongan ini di dalam usaha menggerakkan pembangunan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang memberikan

perhatian kepada masalah ibu-ibu tunggal di kawasan luar bandar. Bagi membantu golongan ini, kementerian telah melancarkan Skim Pinjaman Ibu Tunggal bertujuan untuk menyediakan kemudahan kredit kepada ibu-ibu tunggal ini bagi membantu mereka berdikari.

Skim ini diputuskan dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia yang telah menerima peruntukan daripada KPLB. Buat ketika ini Amanah Ikhtiar Malaysia sedang menguruskan ‘poverty mapping’ bagi tujuan mengenal pasti profil sebenar ibu-ibu tunggal sebelum projek ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ini, khususnya yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan jika ada perkara lain yang disentuh yang tidak dijawab, saya memberi jaminan di sini bahawa kementerian akan mengambil pandangan dan tindakan sewajarnya kepada perkara-perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

**8.55 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan. Saya yakin keprihatinan sedemikian

akan dapat memberikan kementerian dorongan untuk mempergiatkan lagi usaha membangunkan bidang belia dan sukan negara.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:**

*[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kalau tak silap tadi dalam usul yang dibentangkan sebelum Tuan Yang di-Pertua mengambil tempat duduk, bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, selepas itu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, dan ketika itu Yang Berhormat keluar, tidak ada. Saya tidak ada masalah, sepatutnya kalau boleh kita selaraskan kedudukan, maknanya kalau dua kementerian, tinggal satu, dia kata berhenti, mana yang lebih awal, 9.30 malam ataupun mana yang lebih awal. Kalau boleh kita perbetulkan usul itu dan kita terima. Saya cuma menarik perhatian dari segi prosedur dan peraturan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut usul yang telah diluluskan, kita akan menanggungkan mesyuarat selepas sahaja Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi jawapan. Sekarang ini masih lagi Kementerian Belia dan Sukan. Dengan demikian kita adalah mematuhi usul yang kita telah buat tadi.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma menarik perhatian dari segi prosedur, takut nanti kalau ada apa-apa permasalahan timbul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak ada masalah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambung.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah menyentuh tentang pelaksanaan aktiviti Rakan Muda di kalangan belia tempatan. Suka saya menerangkan bahawa pandangan Yang Berhormat bahawa aktiviti Rakan Muda dibuat dengan membelakangkan persatuan-persatuan belia adalah tidak tepat. Kementerian amat menyedari bahawa pertubuhan belia memainkan peranan yang begitu penting untuk bersama-sama dengan kementerian membangunkan belia negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa pelaksanaan aktiviti Rakan Muda sentiasa melibatkan persatuan-persatuan belia, sukan, rekreasi, cinta alam dan lain-lain persatuan membekalkan dengan 9 gaya hidup yang ditawarkan di bawah program Rakan Muda. Semua aktiviti Rakan Muda dijalankan sama ada dalam bentuk kerjasama dengan persatuan ataupun dilaksanakan sendiri oleh persatuan di semua peringkat iaitu kebangsaan, negeri dan daerah.

Di samping itu, sebagai pelaksana utama, persatuan-persatuan peringkat kebangsaan, negeri dan daerah diberi peluang untuk merancang dan melaksanakan program-program secara persendirian. Dalam hubungan ini, persatuan-persatuan mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang relevan berasaskan panduan yang disediakan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Oktober 1997 sejumlah 1,200 buah persatuan dan pertubuhan di peringkat negeri dan daerah telah terlibat secara aktif dalam pelaksanaan program Rakan Muda. 70 buah pertubuhan peringkat kebangsaan telah menjadi pelaksana aktiviti-aktiviti Rakan Muda. Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa persatuan-persatuan belia di semua peringkat dilibatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyemarakkan persatuan-persatuan belia melalui program Rakan Muda, kementerian mengambil inisiatif yang serius untuk menyedarkan persatuan-persatuan belia atas keinsafan bahawa mereka mempunyai peranan yang amat penting bersama-sama dengan kerajaan membangun belia di peringkat akar umbi hingga ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Untuk ini, kementerian telah mendapatkan kata sepakat dengan badan-badan berkenaan melalui forum Majlis Perundingan Belia Negara untuk melaksanakan program reformasi pertubuhan belia semata-mata untuk tujuan memperkasakan pertubuhan berkenaan demi pembangunan generasi pewaris negara. Di bawah program ini beberapa pengolahan dan pendekatan baru telah diperkenalkan untuk mewujudkan anjakan paradigma

dalam pertubuhan belia supaya mereka lebih bersedia menangani cabaran alaf mendatang berbekal dengan kekuatan semangat dan minda.

Kementerian dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah sedang dalam proses menghalusi skop etika persatuan, skop etika ahli persatuan dan kaedah pengurusan kewangan yang lebih mantap untuk memastikan pertubuhan belia sentiasa terkehadapan dan berfungsi secara cemerlang dengan mengambil kira tuntutan dan keperluan semasa. Saya yakin dengan komitmen dari kerajaan dan kesungguhan dari kepimpinan dan ahli pertubuhan belia, persatuan-persatuan belia tidak akan tersisih atau ketinggalan dari arus perdana pembangunan negara.

Kementerian juga menyedari bahawa badan sukarela persatuan-persatuan belia memerlukan bantuan moral dan kewangan. Ke arah ini, sistem pemberian bantuan kepada persatuan telah diperkemaskan di mana setiap Majlis Belia Negeri diberikan bantuan pentadbiran sebanyak RM15,000 setahun sementara Majlis-majlis Belia Daerah diberi sebanyak RM12,000 setahun. Di samping itu, dalam tahun 1997 sejumlah RM4.7 juta disediakan khas untuk membantu persatuan-persatuan menjalankan program dan aktiviti untuk belia-belia setempat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai prestasi atlet negara di Sukan SEA baru-baru ini yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, kejayaan kontinjen negara meraih 55 pingat emas, 68 perak dan 75 gangsa merupakan pencapaian negara yang terbaik ketika Sukan SEA diadakan di luar negara. Apa yang memberangsangkan kita ialah kemampuan atlet-atlet

yang disediakan untuk Sukan Kuala Lumpur '98 yang akan datang di bawah latihan Program Jaya '98. Mereka telah berjaya memenangi 43 pingat emas atau 78% daripada keseluruhan pungutan pingat emas bagi Malaysia. Atlet-atlet dari sukan olahraga telah berjaya memenangi 16 pingat emas yang merupakan pencapaian kedua terbaik dalam sejarah penyertaan di Sukan SEA. Pasukan gimnastik telah meraih 5 pingat emas; menembak 4 pingat emas; skuasy memenangi 100% pingat emas yang ditawarkan manakala pasukan angkat berat berjaya memenangi 1 pingat emas setelah 20 tahun gagal berbuag demikian. Begitu juga pasukan bola keranjang wanita - wanita, Tuan Yang di-Pertua, berjaya memenangi 1 pingat emas setelah 12 tahun mencuba sementara pasukan hoki wanita juga, Tuan Yang di-Pertua, juga berjaya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya dengar, saya dengar. [*Ketawa*]

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** ....juga berjaya mendapatkan emas setelah gagal di Singapura dan di Chiangmai.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang prestasi pasukan bola sepak negara di Sukan SEA yang lalu. Kita semua merasa dukacita di atas prestasi yang ditunjukkan. Tahap prestasi ini gagal menepati sasaran Persatuan Bola Sepak Malaysia untuk layak ke peringkat separuh akhir, apatah lagi apabila Malaysia dikalahkan oleh pasukan Laos yang terdiri dari pemain-pemain amatir. Banyak telah diperkatakan mengenai prestasi pasukan bola sepak yang mempunyai liga profesional dan

tajaan yang cukup menggalakkan. Pihak FAM sendiri khususnya Jawatankuasa....

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hulu Terengganu bangun, Yang Berhormat. Hendak tanya pasal bola sepak pula! *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah menjelaskan banyak pingat emas telah diraih. Apakah pandangan ataupun langkah kementerian sebagai negara tuan rumah SUKOM akan datang ini dan apakah target kementerian untuk mendapat lebih banyak pingat emas dan bagaimanakah perancangan untuk memastikan kemenangan lebih besar? Terima kasih.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau kita hendak katakan tentang pingat emas yang ingin kita kumpulkan, kalau boleh semua pingat emas yang dipertandingkan, Yang Berhormat, tetapi mungkin impian itu tidak akan tercapai tetapi kita ada membuat beberapa anggaran dan saya rasa mungkin agak awal sedikit untuk kita mengemukakan kepada Ahli Yang Berhormat tetapi di bawah Program Jaya '98 kita sekarang memasuki fasa yang terakhir iaitu pada bulan Januari, dan insya-Allah, semua atlet kita akan kita latihkan untuk meraih pingat jika boleh lebih daripada yang dibawa balik daripada Sukan SEA, insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak pakai bomoh jugakah? *[Ketawa]*

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak FAM sendiri khususnya Jawatankuasa Teknik telah meneliti dan membuat beberapa cadangan untuk pertimbangan badan induk sukan berkenaan. Keputusan yang telah dibuat ialah untuk membubarkan pasukan berkenaan dan tidak turut serta dalam Sukan Asia di Bangkok pada tahun hadapan. Kementerian yakin pihak FAM memberikan perhatian yang serius ke atas kegagalan pasukan bola sepak negara sejak tahun 1991 lagi.

Langkah-langkah yang drastik perlu diambil untuk membentuk sebuah pasukan kebangsaan yang mantap selaras dengan kemajuan liga bola sepak profesional yang merupakan satu-satunya acara yang berjaya dilaksanakan di Benua Asia. Saya percaya cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak akan diberi perhatian oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai publisiti untuk Sukan Komanwel yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, izinkan saya maklumkan bahawa publisiti dan promosi untuk Sukom telah pun bermula melalui media elektronik dan juga media cetak. Saluran TV seperti TV1, TV2, TV3, MetroVision, ASTRO bukan sahaja menyiarkan promo-promo Kuala Lumpur '98 tetapi juga menyiarkan program-program khas dengan tujuan memberi publisiti kepada sukan ini. Saluran-saluran radio seperti 1, 4, 5, 6, KL, Astro Radio, Redifussion, Suara Radio juga menyiarkan promo Kuala Lumpur '98 tiap-tiap hari. Kementerian Penerangan juga telah mengadakan dan akan terus mengadakan pameran bergerak di beberapa

negeri untuk memperkenalkan sukan ini kepada warga Malaysia di luar kawasan Kuala Lumpur. Publisiti di luar negara yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah dimulakan.

Berkaitan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pihak MAS mengecatkan logo.....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan acara-acara atlet. Kita ucap tahniah kerana banyak pingat emas dan cerita-cerita di kampung pun belia-belia sudah mula berminat dengan sukan ini. Tetapi apakah janji kerajaan, adakah kerajaan masih lagi meneruskan untuk membina satu kemudahan sekurang-kurangnya setiap daerah untuk menggalakkan lagi belia-belia ini dan memperbanyakkan 'pool' untuk pemilihan calon-calon untuk diketengahkan? Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang ini dalam perkembangan moden ini bahawa padang-padang golf ini banyak. Salah satu target ataupun tujuan diadakan aktiviti adalah untuk mengurangkan masalah sosial. Adakah kerajaan akan membina padang golf awam di tiap-tiap daerah supaya lebih banyak belia-belia kita ini bergiat dalam aktiviti ini.

Mengenai dengan promo.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak sangat tu, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Promo.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tiga, Yang Berhormat, cukuplah. Sila jawab.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan memang setakat mana yang boleh akan menentukan bahawa semua infrastruktur sukan yang telah pun dijanjikan akan dijalankan mengikut schedule. Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan semasa telah pun menuntut kita mempunyai satu urusan yang terbaik, maka ada kemungkinan satu dua daripada projek infrastruktur untuk sukan mungkin akan dapat ditangguhkan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu akan saya kemukakan kepada pihak kementerian dan di mana yang perlu dan boleh, insya-Allah, akan kami teruskan.

Untuk soalan tentang permainan golf awam ini, saya kira bahawa Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahawa tidak semua kalangan belia kita pandai bermain golf. Yang saya tahu Ahli Yang Berhormat yang banyak pemain golf, saya tak tahulah kenapa mereka ini menarik sekali dengan bermain golf ini. Tetapi buat sementara ini memang tidak adalah rancangan secara besar-besaran untuk menentukan ada padang golf untuk belia di seluruh negara ini oleh kerana kita mempunyai banyak lagi program untuk memperkasakan belia dan remaja di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan.... - minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tentang logo MAS, saya harus memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak MAS akan mengecatkan logo Kuala Lumpur '98 di pesawat mereka selepas sahaja sambutan Hari Ulangtahun Yang Ke-50.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbincangan. Semua teguran dan pandangan termasuk yang tidak sempat saya memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini, akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam usaha menyempurnakan amanah untuk membangunkan bidang belia dan sukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri, panjangkah?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Pendek sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek sahaja. Ya, sila.

**9.12 mlm.**

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa seronok tengok Tuan Yang di-Pertua celik dan tidak mengantuk semasa mendengar jawapan dari Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan. *[Ketawa]*

Izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1998 untuk Kementerian Luar Negeri.

Sukacita dimaklumkan bahawa beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di antaranya ialah isu propaganda Anti-Mahathir oleh Barat yang disiarkan oleh beberapa akhbar di Thailand dan Singapura. Persoalan ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 21 Oktober 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri mengambil maklum akan pandangan Yang Berhormat atas isu ini dan mengarahkan Kedutaan Malaysia di Bangkok dan Singapura untuk mengambil tindakan susulan berhubung dengan perkara ini.

Isu krisis mata wang, persoalan ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong pada 20 Oktober 1997 dan Yang Berhormat dari Batang Lupar pada 27 Oktober 1997.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tugas Kementerian Luar Negerikah itu, Yang Berhormat? Berkenaan dengan isu mata wang itu, adakah dalam tugas Kementerian Luar Negeri?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Isu mata wang termasuk dalam.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Kementerian Dalam Negeri?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tetapi ini ialah dari segi apakah tindakan yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, sila, sila.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada usaha-usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Luar Negeri juga telah memainkan peranan untuk berhubung dan berbincang di kalangan rakan-rakan negara pertubuhan serantau dan antarabangsa di dalam menangani masalah krisis dan spekulasi mata wang ini. Sebagai contoh ialah di Persidangan Negara-negara Membangun G-15 yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur di antara 3 hingga 5 November 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1998 untuk kementerian ini. Kita mengambil maklum atas semua pandangan dan teguran yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam mengemaskinikan hubungan luar negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**9.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-

Pertua, bagi pihak Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat saya akan memberi penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut, Hulu Langat, Kota Bharu, Sepang, Kapar, Santubong, Marang dan Ledang secara langsung atau tidak langsung mengenai isu yang ada kaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan isu mengenai keperluan menyediakan kemudahan kepada masyarakat orang kurang upaya terutama di rumah pangsa dan LRT. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang amat peka dan prihatin terhadap orang kurang upaya kerana mereka merupakan salah satu kumpulan sasaran yang sentiasa diberi perhatian. Sikap dan pendirian kerajaan terhadap orang kurang upaya dapat dilihat dan dibuktikan melalui tindakan kita menangani isu orang kurang upaya di peringkat kumpulan sasaran di dalam negeri serta penglibatan kita di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah menandatangani Proklamasi Pernyataan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi Dekad Orang Kurang Upaya Rantau Asia dan Pasifik 1993-2002 pada 16 Mei 1994 yang lalu. Dengan Deklamasi tersebut negara kita akan terus mempertingkatkan kegiatan-kegiatan ke arah memperbaiki situasi dan keadaan kualiti orang kurang upaya di semua aspek iaitu koordinasi nasional, perundangan, informasi, kesedaran awam, kemudahan akses dan komunikasi, pendidikan,

latihan dan pekerjaan, pencegahan kecacatan, pemulihan, alat-alat kemudahan, pertubuhan sukarela dan kerjasama serantau.

Usaha merealisasi matlamat memanjangkan usia, kesejahteraan dan kemajuan kepada orang kurang upaya adalah selaras dengan kehendak dasar kebajikan negara di mana tanggungjawab khususnya diberikan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah urusetianya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga amat mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Langat mengenai keperluan diberi kesedaran kepada majikan-majikan di negara ini supaya memberikan peluang kepada golongan orang kurang upaya bekerja dengan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, kempen bagi menggalakkan majikan-majikan sektor swasta mengambil pekerja orang kurang upaya telah dilancarkan pada 19 Mei 1990 sehingga bulan Ogos 1997. Seramai 2,964 orang kurang upaya telah ditempatkan bekerja di sektor swasta di seluruh negara. Pekeliling Bil. 10/1968 telah memperuntukkan 1% kuota bagi peluang bekerja di sektor awam.

Mengikut rekod JPA seramai 538 orang kurang upaya telah didaftarkan oleh Pusat Khidmat Penguasa JPA sehingga kini. Bagaimanapun, jumlah tersebut mungkin tidak menggambarkan jumlah sebenar orang kurang upaya dalam kedua-dua sektor ini kerana mungkin terdapat orang kurang upaya yang telah bekerja sebelum Pekeliling ini

dikeluarkan ataupun terdapat majikan yang terlepas pandangan terhadap Pekeliling ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian seterusnya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu yang telah membangkitkan secara umum mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan, kepentingan dan masalah yang dihadapi oleh Orang Asli serta menyentuh secara terperinci mengenai taraf dan kedudukan Orang Asli di bawah undang-undang.

Seperti Yang Berhormat dari Kota Bharu maklum, kedudukan Orang Asli di bawah undang-undang termaktub di bawah Artikel 8(5)(c) Perlembagaan Malaysia yang memberi kuasa bagi penggubalan undang-undang untuk kebajikan, pentadbiran dan kemajuan mereka serta perizaban tanah dan jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan awam. Selaras dengan kehendak peruntukan-peruntukan tersebut, Akta 134 telah digubal dan diluluskan pada tahun 1954. Akta tersebut kemudiannya telah dipinda pada tahun 1974. Penubuhan Jabatan Orang Asli juga merupakan satu keperluan mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Akta 134 dan penubuhan Jabatan Orang Asli di peringkat pusat, negeri dan daerah yang ada kepentingan masyarakat Orang Asli adalah jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kepentingan Orang Asli. Melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pelbagai program dan aktiviti telah dan akan terus dibentuk demi menjaga kepentingan mereka.

Selain daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, banyak kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang lain telah melibatkan diri di dalam membangunkan masyarakat Orang Asli untuk terus dinikmati oleh mereka. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan agensi lain akan terus membangunkan masyarakat Orang Asli dengan mengambil kira faktor keperluan pengekalan budaya hidup di samping pembangunan sosio-ekonomi selaras dengan arus pembangunan perdana negara.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya diadakan simposium pula, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang telah merancang untuk mengadakan bengkel pada tahun 1998. Bengkel tersebut akan melibatkan cerdik pandai dan pemimpin-pemimpin masyarakat Orang Asli yang bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat Orang Asli. Melalui bengkel tersebut akan dibincangkan banyak perkara termasuklah undang-undang yang berkaitan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan mengenai masalah penjagaan kanak-kanak akan membantut pencapaian wanita di dalam pelbagai bidang. Untuk makluman Yang Berhormat, memang tidak dinafikan bahawa masalah penjagaan kanak-kanak boleh menyebabkan pencapaian wanita di dalam pelbagai bidang terbantut tetapi kerajaan juga

sedar dan tidak menafikan bahawa kaum wanita mempunyai potensi untuk membantu negara di dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian, kerajaan telah menggalakkan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta. Di samping itu, sistem waktu kerja anjal (flexi hours) juga diperkenalkan di beberapa pejabat kerajaan pada awal tahun ini untuk mengurangkan masalah penjagaan anak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Santubong dan Kapar ada membangkitkan mengenai langkah-langkah dan tindakan kementerian untuk memastikan program dan aktiviti wanita sampai ke peringkat akar umbi kampung dan ladang. Untuk makluman Yang Berhormat berdua, program-program untuk pembangunan wanita yang dijalankan di peringkat ibu pejabat, negeri dan juga daerah bertujuan supaya setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi.

Di peringkat negeri dan daerah misalnya, program dan aktiviti pembangunan wanita dijalankan oleh Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita peringkat negeri dan daerah dengan kerjasama badan-badan pertubuhan wanita bukan kerajaan (NGO). Contohnya, Perkumpulan Perempuan Semenanjung (WI) yang diwujudkan di semua peringkat negeri dan daerah. Kerajaan juga akan memperuntukkan sumber kewangan kepada beberapa pertubuhan wanita bukan kerajaan untuk melaksanakan program dan aktiviti wanita di peringkat negeri dan daerah, misalnya bagi tahun 1997 sebanyak RM1.3 juta telah diperuntukkan kepada NGO-NGO di bawah Program Pemantapan Institusi Keluarga untuk menangani isu-isu sosial.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Marang dan Ledang yang telah menyentuh mengenai isu gejala sosial, sukacita ingin saya memaklumkan bahawa Pelan Tindakan Sosial Negara diluluskan oleh kerajaan, banyak jawatankuasa bertindak telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah ini.

Tindakan yang dijalankan adalah menyeluruh dari peringkat pusat, negeri dan daerah di mana pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan sebagainya telah pun dilaksanakan. Penglibatan yang memberangsangkan telah diberikan oleh pelbagai sektor kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Di peringkat kementerian pula, selain dari KPNNPM, program dan aktiviti menangani masalah ini juga dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).

Program Pemantapan Keluarga telah diberikan fokus dan penekanan yang serius di mana modul latihan untuk membantu keluarga sedang dilaksanakan. Begitu juga modul latihan untuk pembangunan remaja. Forum perdana telah dipergiatkan untuk memberikan kesedaran yang meluas kepada masyarakat mengenai peranan dan tanggungjawab setiap individu di dalam menangani masalah sosial yang dihadapi oleh golongan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menangani masalah remaja juga dilaksanakan oleh Jawatankuasa Juvana. Sehingga kini sebanyak 194 jawatankuasa tersebut telah diwujudkan di peringkat daerah dan kawasan.

Sehingga kini pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut.

Selain dari itu, kementerian melalui JKM telah menubuhkan Pasukan Pelindung Kanak-kanak di setiap daerah. Penubuhan badan-badan tersebut adalah merupakan tindakan yang dianggap dapat membantu kita menangani masalah remaja. Sehingga kini tahap pencapaian adalah menggalakkan di mana penyertaan dan penglibatan pelbagai pihak termasuk swasta dan NGO begitu memberangsangkan. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk membuat penilaian pada masa ini kerana pelaksanaan adalah di peringkat awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan KPNPM tetapi tidak dapat dijawab, kementerian akan mengambil perhatian mengenai perkara-perkara tersebut dan mengambil tindakan dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak banyak lagi kementerian-kementerian yang akan menjawab pada esok hari, boleh jadi pada esok hari kita akan masuk membincangkan Belanjawan dalam Jawatankuasa.

Menurut usul yang telah pun kita luluskan tadi iaitu manakala selesai jawapan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atau sehingga jam 9.30 malam, yang mana terdahulu, maka

mesyuarat akan ditangguhkan. Sekarang mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 9.28 malam.**